Bond, S.J. et.al.	2022	Qualitative	Bibliometric Review	Examined the potential efficacy of mHealth interventions to promote wellness in children and conclude that lack of studies in biomedical focusing wellness in particular
Wang, K. et. al.	2022	Qualitative	Systematic Literature Review	Examined effectiveness of oral health education using mHealth to improve teen children's oral health.
Peterson, C.M. et.al.	2022	-	Survey	Examined the m-health in general to view the GUI that drove children to continue use the apps
Lio, M. et.al.	2020	Qualitative	Semi-Structured Interview	Examined features to develop mhealth apps for children with Asthma. This apps could provide signals to caregivers if children got attack and to take immediate action
Skelton, B. et.al.	2021	-	Extensive Data Review	Propose mhealth to help parents of down syndrome children to raise evidence for medical treatment propose, where this apps works as repository system for doctors to monitor and treatment purpose.
Santos, A. et. al.	2019	Narrative study	Descriptive study and experience report	Importance and benefits of childhood vaccination, factors leading to vaccine delay
Kennedy et. al.	2009	Quantitative	Survey and data analysis	Parents' vaccine-related attitudes, concerns, and information sources.
Opel et. el.	2013	Quantitative	Prospective cohort study	Predictive validity and test-retest reliability of the Parent Attitudes About Childhood Vaccines survey, child's immunization status
Pinja et.al.	2016	Quantitative	Pre-post quasi-experimental study with a control group	Impact of m-health intervention on maternal, neonatal, and child health services utilization, cost-effectiveness of the intervention, long-term effects on mortality, morbidity, and disability, incremental cost per disability-adjusted life year averted, cost per unit increase in composite service coverage.
Aljohani et.al.	2021	Qualitative	Systematic Review	m-health strategies in developing nations are considered one of the best platforms for guaranteeing the citizenry's safety and healthcare security
Katsaliaki et. al.	2022	Qualitative	App feature analysis and review	mHealth app feature trustworthiness, quality, and popularity
Fu. Yu. et. al.	2023	Qualitative	Model development and comparison	User satisfaction and continuous usage intention of m-health management apps
Bahja et. a.	2018	Mix-method	Survey and interviews	User needs and expectations for a patient management m-health system
Assadok et. al.	2017	Qualitative	Systematic Literature Review	Usability, security and privacy in mHealth applications.

Based on the examination made, it shows that research on mobile apps developments regarding to m-health have been extensively explored in various ways to aid children from all age groups from tremendous factors which could one possibly think of However, little study was made on infant's growth monitoring in particular teething. This study will produce a prototype that in corporate factors which enable new parents a stress-free monitoring system. The proposed system shall replace the manual monitoring booklet provided when it works as an overall system that

generates triggers as reminders, record keeping of child medical treatment records for future use. These apps will incorporate apps that can be sync with parents' personal diary with interactive GUI for easy access and end user friendly purposes.

Conclusion

This working paper provides recent review studies on child-based processes towards the development of the Baby and Kids Progress Monitoring Apps. This paper further includes comparative studies relating to children wellbeing and parenting strategies. Furthermore, this paper raised the novelty of the study through the comparison of related works done previously and justified the proposed system as an important as for new parenting tool for infant growth record keeping mechanism for growth. Moreover, the result of the study will be applied to produce the prototype model of this app using Rapid Application Development (RAD) Methodology. Figure I illustrate the proposed methodology for the development of the apps.



Figure 1. Proposed Project Methodology.

References

Antonio de Arriba Muñoz, María Teresa García Castellanos, Mercedes Domínguez Cajal, Anunciación Beisti Ortego, Ignacio Martínez Ruiz, José Ignacio Labarta Aizpún, Automated Growth Monitoring App (GROWIN): A Mobile Health (m-health) Tool To Improve The Diagnosis And Early Management Of Growth And Nutritional Disorders In Childhood, *Journal of the American Medical Informatics Association*, Volume 29, Issue 9, September 2022, Pages 1508–1517, https://doi.org/10.1093/jamia/ocac108

Bagge-Petersen CM, Langstrup H, Larsen JE, Frølich A (2022). Critical User-Configurations in m-health Design: How m-health-App Design Practices Come To Bias Design Against Chronically Ill Children and Young People As m-health Users. DIGITAL HEALTH ;8. DOI:10.1177/20552076221109531

Bond, Parikh, N., Majmudar, S., Pin, S., Wang, C., Willis, L., & Haga, S. B. (2022). A Systematic Review of the Scope of Study of mHealth Interventions for Wellness and Related Challenges in Pediatric and Young Adult Populations. *Adolescent Health, Medicine and Therapeutics*, Volume 13, 23–38. https://doi.org/10.2147/AHMT.S342811

Goodnow, J. J. (1988). Parents' ideas, actions, and feelings: Models and methods from developmental and social psychology. *Child Development*, 59, 286-320.

Halfon, N., Russ, S. A., & Schor, E. L. (2022). The Emergence of Life Course Intervention Research: Optimizing Health Development and Child Well-Being. *Paediatrics*, 149(Supplement 5).

Hartshorn, J. E., & Nair, R. U. (2023). Dental Innovations which Will Influence the Oral Health Care of Baby Boomers. *Special care in dentistry*.

Holden, G. W., & Edwards, L. E. (1989). Parental Attitudes Toward Child Rearing: Instruments, Issues, and Implications. *Psychological Bulletin*, 106, 29-58.

Iio, M., Miyaji, Y., Yamamoto-Hanada, K., Narita, M., Nagata, M., & Ohya, Y. (2020). Beneficial Features of a mhealth Asthma App for Children and Caregivers: Qualitative Study. *JMIR mHealth and uHealth*, 8(8), e18506.

Kemp, N., & Josephidou, J. (2023). Babies and toddlers outdoors: A Narrative Review of The Literature on Provision for Under Twos in ECEC Settings. *Early Years*, 43(1), 137-150.

Ketian Wang, Ka Fung Yu, Pei Liu, Gillian Hiu Man Lee, May Chun Mei Wong. Can mhealth Promotion for Parents Help to Improve Their Children's Oral Health? A Systematic Review, *Journal of Dentistry,* Volume 123,2022,104185. ISSN 0300-5712, https://doi.org/10.1016/j.jdent.2022.104185.

Mobley, A. R., Jake-Schoffman, D. E., Fedele, D. A., Varela, E. G., & Zeldman, J. (2023). Babybyte: Qualitative Research to Inform the Development of An App to Improve Responsive Feeding Practices in Parents of Infants and Toddlers. *International Journal of Environmental Research and Public Health,* 20(6), 4769.

Mueller, E. L., Cochrane, A. R., Campbell, M. E., Nikkhah, S., & Miller, A. D. (2022). An mhealth App to Support Caregivers in The Medical Management of Their Child with Cancer: Co-Design and User Testing Study. *JMIR CANCER*, 8(1), e33152.

Santos, C., Burnay, C., Button, C., & Cordovil, R. (2023). Effects of Exposure to Formal Aquatic Activities on Babies Younger Than 36 Months: A Systematic Review. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 20(8), 5610.

Sigel, 1. E. (1985). A Conceptual Analysis of Beliefs. In I. E. Sigel (Ed.), Parental Belief Systems (pp. 345-371). Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Skelton, B., Knafl, K., Van Riper, M., Fleming, L., & Swallow, V. (2021). Care Coordination Needs of Families of Children with Down Syndrome: A Scoping Review to Inform Development of mhealth Applications for Families. *Children*, 8(7), 558.

Stoodley, C., McKellar, L., Ziaian, T., Steen, M., Fereday, J., & Gwilt, I. (2023). The Role of Midwives in Supporting the Development of The Mother-Infant Relationship: A Scoping Review. *BMC Psychology*, 11(1), 1-14.

Sutherland, K. (1983). Parent's Beliefs About Child Socialization. In I. E. Sigel & L. M. Laosa (Eds.), Changing Families (pp. 137-166). New York: Plenum.

Vázquez-Paz, A. M., Michel-Nava, R. M., Delgado-Pérez, E. E., Lares-Michel, M., & Espinosa-Curiel, I. E. (2022). Parents' mHealth App for Promoting Healthy Eating Behaviours in Children: Feasibility, Acceptability, and Pilot Study. *Journal of Medical Systems*, 46(11), 70.

Santos, A., Silva, J., Andrade, V., Silva, W., & Dantas, N. (2019). The Importance and Benefits of Child Vaccination and The Factors That Take Vaccine Delay: A Report of Experience., 2. https://doi.org/10.28933/ijoprr-2019-11-0905.

Kennedy, A., Basket, M., & Sheedy, K. (2011). Vaccine Attitudes, Concerns, and Information Sources Reported by Parents of Young Children: Results From the 2009 HealthStyles Survey. Pediatrics, 127, S92 - S99. https://doi.org/10.1542/peds.2010-1722N.

Opel, D., Taylor, J., Zhou, C., Catz, S., Myaing, M., & Mangione-Smith, R. (2013). The relationship between parent attitudes about childhood vaccines survey scores and future child immunization status: a validation study. JAMA pediatrics, 167 11, 1065-7 . https://doi.org/10.1001/jamapediatrics.2013.2483.

Aljohani, N., & Chandran, D. (2021). The Adoption of Mobile Health Applications by Patients in Developing Countries: A Systematic Review. International Journal of Advanced Computer Science and Applications, 12. https://doi.org/10.14569/IJACSA.2021.0120403.

Fu, Y., Wang, Y., Ye, X., Wu, W., & Wu, J. (2023). Satisfaction with and Continuous Usage Intention towards Mobile Health Services: Translating Users' Feedback into Measurement. Sustainability. https://doi.org/10.3390/su15021101

KEBERKESANAN *ALTERNATOR TESTER KIT* DALAM MENINGKATKAN TAHAP PEMAHAMAN KONSEP SISTEM PENGECASAN KENDERAAN KEPADA PELAJAR SKR KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

Mohamad Rasidi bin Ahmad [1, a], Wan Mohd Fakhri bin Wan Mansor [2, b]

[1]Kolej Komuniti Rompin, Pahang

[2]Kolej Komuniti Rompin, Pahang

[a] mohamadrasidi@gmail.com, [b] wanmohdfakhri.wanmansor@kkrompin.edu.my

Abstrak. Tujuan kajian ini dijalankan bagi menentukan keberkesanan penggunaan *Alternator Tester Kit (ATK*) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sijil Servis Kenderaan Ringan (automotif) di Kolej Komuniti Rompin, Pahang. *Alternator Tester Kit* adalah produk inovasi yang dihasilkan pada tahun 2016 sebagai alat bantu mengajar yang dipertandingkan pada Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan (PERISA) 2017. Elemen yang diukur adalah keberkesanan, impak penggunaan dan kemahiran pensyarah dalam mengendalikan *Alternator Tester Kit* . Sampel kajian melibatkan 2 kohort iaitu bekas pelajar semester 3 sesi 1 2021/22 dan sesi 1 2022/23 dengan jumlah sampel 37 orang. Kajian menggunakan set soal selidik secara dalam talian melalui aplikasi *Google Fo*rm yang dihebahkan di dalam *group WhatsApp* bekas pelajar. Set soalan mengandungi 21 item berdasarkan kepada skop kajian. Perisian *Microsoft Excel 2019* telah digunakan untuk menganalisa dapatan kajian bagi mendapatkan min. Hasil kajian menunjukkan responden memberikan persepsi yang positif kepada soalan yang diajukan. Responden juga menyatakan perubahan yang dialami semasa proses PdP selepas menggunakan alat *Alternator Tester Kit* seperti lebih berminat untuk mempelajari proses mengecas dan lebih mudah memahami proses mengecas. Secara keseluruhan *Alternator Tester Kit* mampu menjadikan proses PdP lebih menarik, mudah difahami, serta meningkatkan minat pelajar.

Kata kunci: Automotif; Keberkesanan inovasi; Sistem pengecasan kenderaan; *Alternator Tester Kit*

Pengenalan

Melihat kepada perkembangan dan revolusi industri sekarang, dapat disimpulkan keperluan tenaga kerja berkemahiran adalah amat penting. Bidang TVET bukan lagi pilihan terakhir para pelajar. Menurut Jusoh (2017) institusi Kolej Komuniti menawarkan kursus berkaitan bidang TVET yang memberi peluang kepada lepasan pelajar sekolah menengah menyambung Pendidikan di tahap yang lebih tinggi biarpun tidak cemerlang dalam akademik. Mohd Jalil Ahmad (2015) pula menyatakan bahawa pembangunan dan Pendidikan TVET telah bermula lebih 40 tahun yang lepas dimulakan dengan hanya dua buah institusi dan berkembang kepada lebih kepada 500 buah kini daripada berbagai-bagai kementerian.

Mutakhir ini, perkembangan pesat bidang TVET di negara ini menyebabkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dipelbagaikan termasuk penggunaan bahan inovasi yang dilaksanakan oleh para pensyarah supaya pelajar mudah untuk memahami sesuatu konsep dan menjadikan PdP semakin menarik. Amalan guru terhadap BBM dalam PdP sering diperkatakan kebelakangan ini. Faktor-faktor seperti bahan pengajaran tidak mencukupi, beban mengajar yang tinggi, kekurangan masa, tidak praktikal tidak mahir membina bahan secara sendiri dan sumber kewangan tidak mencukupi merupakan beberapa halangan atau kekangan yang dihadapi oleh para pendidik untuk melaksanakan dan menyediakan BBM dalam PdP (Lai et.al., 2002). Tahap kesedaran guru dalam menggunakan BBM dalam PdP perlu ditekankan kepada faktor-faktor latar belakang guru yang berbeza, keupayaan guru dari segi pengetahuan, sikap, motivasi dan kemahiran serta lokasi sekolah akan menentukan keberkesanan sesuatu kurikulum (Abd Samad et.al., 2018).

Berdasarkan silibus Sijil Servis Kenderaan Ringan (SKR), Sistem Elektrik Kenderaan merupakan salah satu kursus bagi semester yang ketiga yang merangkumi subtopik sistem pengecas kenderaan. Sistem pembelajaran di Kolej Komuniti menerapkan 70% pembelajaran dalam bentuk amali manakala selebihnya adalah teori. Kaedah pengajaran dalam subtopik ini memerlukan pelajar memahami terlebih dahulu konsep pengecasan kenderaan. Penghasilan sebuah inovasi bahan bantu mengajar (BBM) yang diberi nama *Alternator Tester Kit (ATK)* bertujuan untuk menerangkan secara ringkas kepada para pelajar automotif di Kolej Komuniti Rompin (KKRP) berkenaan konsep sistem pengecasan pada kenderaan yang boleh digunakan tanpa menggunakan kenderaan. Melalui penggunaan ATK ini, penggunaan kenderaan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran tidak lagi diperlukan. Pelajar dapat mempelajari berkenaan konsep pengesan pengecas berbantukan ATK

Pernyataan Masalah. Penyampaian pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih efektif kepada pelajar boleh dimantapkan dengan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) oleh tenaga pengajar. Menurut Fadzli bin Dahalan (2012) penekanan kepada kaedah pengajaran yang melibatkan latihan amali menjadikan pengajaran KH memerlukan penggunaan BBM yang pelbagai dan bersesuaian. Namun demikian, faktor kos yang mempengaruhi penggunaan BBM di Kolej Komuniti Rompin beserta kekangan bajet mendapatkannya daripada pembekal menjadikannya sukar untuk diperoleh. Walaupun BBM berkaitan banyak berada di pasaran namun kekangan kewangan institusi memaksa pensyarah hanya mampu menggunakan bahan yang sedia ada di kolej. Di sebalik masalah dan kekangan ini sebenarnya telah melahirkan pensyarah yang kritis dan kreatif melalui penghasilan dan inovasi bahan bantu mengajar bercirikan dan hampir menyerupai BBM yang telah sedia ada di luar sana. Maka terinspirasilah idea penghasilan *Alternator Testing Kit* (*ATK*) yang telah pun digunakan oleh pelajar ini. Aset kerajaan iaitu kenderaan latihan merupakan sebahagian daripada bahan yang digunakan untuk menjalankan proses PdP dalam silibus SAU30142 Sistem Elektrik Enjin di bengkel Automotif Kolej Komuniti Rompin. Namun demikian, terdapat beberapa penyebab proses PdP tidak dapat disempurnakan sebaiknya antaranya ialah dari segi aspek keselamatan ketika amali, penggunaan ruang yang luas serta kos pembelian dan penyelenggaraan pada sistem pengecas kenderaan.

Sehubungan dengan itu, usaha penyelidik yang telah membina *Alternator Testing Kit* sebagai salah satu cara untuk memberi penekanan kepada ciri keselamatan, dalam masa yang sama mengurangkan penggunaan peralatan berat, bahan, ruang, kos dan masa. Sebelum penggunaan inovasi ini, pensyarah terpaksa mengambil masa untuk menghidupkan kenderaan dan memastikan kenderaan dalam keadaan baik bagi membolehkan proses PdP berjalan dengan lancar. Seterusnya konsep sistem pengecas dapat diterangkan bila mana kenderaan dalam keadaan hidup.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi melihat dan mengetahui keberkesanan penggunaan ATK oleh pensyarah kepada pelajar dalam proses PdP. Selain itu, kajian ini juga digunakan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap penggunaan alat inovasi ini sama ada mencapai objektif atau tidak. Hasil kajian ini diharapkan dapat memudahkan pensyarah SKR di KKRP seterusnya membantu mereka membuat penyampaian yang lebih baik untuk masa akan datang.

Objektif Kajian. Kajian ini mengandungi beberapa objektif yang hendak dicapai seperti berikut:

i. Mengenal pasti sama ada pensyarah mempunyai kemahiran dalam menggunakan *Alternator Tester Kit (ATK)* dalam Pengajaran dan Pembelajaran(PdP).
ii. Mengenal pasti persepsi pelajar SKR Kolej Komuniti Rompin sebelum dan selepas penggunaan *Alternator Tester Kit* (*ATK*) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).
iii. Mengenal pasti impak penggunaan *Alternator Tester Kit* (*ATK*) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada pelajar.

Persoalan Kajian. Kajian ini cuba untuk menjawab tiga persoalan kajian yang berikut:

i. Apakah pensyarah mempunyai kemahiran dalam menggunakan *Alternator Tester Kit* (*ATK*) dalam pengajaran dan pembelajaran?

ii. Apakah persepsi pelajar SKR Kolej Komuniti Rompin sebelum dan selepas penggunaan *Alternator Tester Kit* (*ATK*) dalam pengajaran dan pembelajaran?
iii. Apakah impak penggunaan *Alternator Tester Kit* (*ATK*) dalam pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar?

Sorotan Kajian

Sangat penting pengajar memiliki penguasaan BBM agar proses PdP dapat berjalan baik dan lebih efektif. Selain itu, kemampuan pengajar dalam menggunakan BBM dengan cekap akan memberikan mereka kepercayaan diri sewaktu proses PdP berlangsung dengan sendirinya. Berdasarkan Blair (1998), proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan berbagai-bagai kaedah mampu memberikan tarikan kepada pelajar. Mereka juga lebih percaya pada pembimbing yang dapat merangsang minat belajar mereka. Menurut penelitian lain, terdapat hubungan yang sangat signifikan antara keterampilan mengajar dengan penguasaan konsep oleh pelajar (Nik Mohd Rahimi, 2008). Lantaran itu, pendidik perlu memilih teknik dan cara mengajar yang tepat dan efektif agar pelajar dapat menguasai kemahiran yang diajarkan dengan betul.

Bahan bantu mengajar (BBM) juga merupakan solusi kepada kekangan masa yang dihadapi kebanyakan pensyarah semasa penyediaan PdP (Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010). Ini jelas menunjukkan bahawa BBM adalah pilihan terbaik yang boleh digunakan oleh pengajar untuk menjadikan proses PdP lebih menyeronokkan dan menjimatkan masa dan usaha. Menurut Mohd. Izham (2010) berpendapat bahawa penggunaan BBM juga dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk memberikan sepenuh perhatian terhadap proses PdP. Ini kerana penggunaan BBM memudahkan pelajar memahami teori dalam situasi praktikal.

Oleh itu, mengikut pelbagai kajian lepas, penggunaan BBM telah terbukti dapat membantu pengajar mencapai keputusan yang terbaik dalam setiap proses PdP. Kaedah asal PdP untuk subtopik sistem pengecasan adalah berbantukan kenderaan semata-mata. *Alternator Tester Kit* yang telah dihasilkan penyelidik jelas memberikan pelbagai kelebihan dari segi masa, kos, ruang dan aspek keselamatan berbanding kaedah sebelumnya yang hanya menggunakan kenderaan sebagai bahan pengajaran.

Metodologi Kajian

Sampel Kajian. Responden bagi kajian ini adalah melibatkan 37 orang pelajar Automotif atau Servis Kenderaan Ringan (SKR) bagi semester 3 bagi sesi pengajian sesi 2 2022/2023 dan sesi 2 2021/2022 di Kolej Komuniti Rompin. Sampel diambil adalah berdasarkan rujukan jadual penentuan saiz sampel daripada Krejcie & Morgan (1970).

Instrumen Kajian. Proses pengumpulan data yang diperlukan untuk kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Penggunaan e-borang iaitu melalui aplikasi *Google Form* telah diedar kepada responden terpilih. Borang soal selidik dan instrumen kajian ini telah diadaptasi daripada kajian lepas. Kajian yang bertajuk Keberkesanan *Spark Plug Tester* Dalam Meningkatkan Tahap Pemahaman Konsep dan Kemahiran Sistem Elektrik Enjin Pelajar SKR Kolej Komuniti Rompin oleh Mohd Roslan & Mohd Rasidi (2018) telah digunakan untuk mengadaptasi instrumen kajian. Berdasarkan kajian sebelumnya penyelidik berpendapat bahawa responden akan memberi maklum balas yang positif terhadap persoalan yang diutarakan

Skala Likert terdiri daripada lima bentuk pilihan jawapan telah digunakan. Penggunaan skala ini disesuaikan dengan persoalan kajian. Responden dikehendaki menjawab dengan menandakan jawapan yang dikehendaki pada aplikasi *Google Form*. Menurut Mohd Majid (1994), Skala Likert digunakan dalam kajian ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi iaitu sehingga 85 peratus. Tafsiran dan nilai Skala Likert adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1. Tafsiran dan nilai Skala Likert

Nilai Likert	Tafsiran
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat setuju

Aplikasi *Microsoft Excel 2019* digunakan untuk menganalisis semua data yang diperoleh. Analisis deskriptif menggunakan interpretasi min sepertimana yang dicadangkan oleh J.W Creswell (2005) dalam buku metodologi penyelidikan terkemuka beliau iaitu *Educational Research-Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Interpretasi min yang diguna pakai oleh Creswell (2005) adalah seperti berikut:

Jadual 2. Interpretasi Min

Julat Skor Min	Interpretasi Min
1.00 - 1.80	Sangat tidak setuju
1.81 - 2.60	Tidak setuju
2.61 - 3.40	Tidak Pasti
3.41 - 4.20	Setuju
4.21 - 5.00	Sangat setuju

Analisis Dan Keputusan

Persoalan Kajian 1. Bagi mengenal pasti sama ada pensyarah mempunyai kemahiran dalam menggunakan ATK dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan analisis deskriptif untuk mencari nilai min dilakukan. Hasil analisis diletakkan dalam jadual seperti berikut :

Jadual 3. Min Kemahiran Pensyarah dalam Menggunakan ATK dalam PdP

Bil	Item	Skor Min	Interpretasi Min
A1.	Tunjuk cara yang disampaikan oleh pensyarah dalam penggunaan *Alternator Tester Kit* menyakinkan saya.	4.22	Sangat Setuju
A2.	Pensyarah saya dapat memberi tunjuk cara penggunaan *Alternator Tester Kit* dalam kelas amali dengan cekap dan berkesan.	4.27	Sangat Setuju
A3.	Langkah-langkah pensyarah saya menggunakan *Alternator Tester Kit* sangat teratur dan mudah difahami.	4.27	Sangat Setuju
A4.	Pensyarah saya menggunakan *Alternator Tester Kit* dengan baik.	4.38	Sangat Setuju
A5.	Pensyarah saya mahir menggunakan *Alternator Tester Kit* dalam membantu pelajar yang bermasalah dalam latihan amali.	4.38	Sangat Setuju
A6.	Saya meyakini tunjuk cara pensyarah saya terhadap penggunaan *Alternator Tester Kit.*	4.41	Sangat Setuju
Purata Min Keseluruhan: N = 37		**4.37**	**Sangat Setuju**

Berdasarkan Jadual 3, skor min secara keseluruhannya untuk aspek kemahiran pensyarah adalah sebanyak 4.37 iaitu pada tahap interpretasi min sangat setuju melalui rujukan pada Jadual 2. Skor tertinggi dicatatkan oleh item A6 (skor min= 4.41). Item A4 & A5 mencatatkan nilai min yang sama dan kedua tertinggi dengan jumlah skor min 4.38. Skor min yang sama juga dicatatkan oleh item A2 dan A3 dengan nilai 4.27. Manakala skor min yang terendah dicatatkan oleh item A1 dengan nilai min 4.22 yang mana masih lagi berada dalam tahap interpretasi min sangat setuju.

Persoalan Kajian 2. Analisis deskriptif yang sama digunakan untuk mencari nilai min bagi mengenal pasti persepsi pelajar SKR Kolej Komuniti Rompin sebelum dan selepas penggunaan *Alternator Tester Kit (ATK)* dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil analisis dijadualkan seperti berikut :

Jadual 4. Min Persepsi Pelajar SKR Kolej Komuniti Rompin Sebelum dan Selepas Penggunaan ATK dalam PdP

		Sebelum Penggunaan	Interpretasi Min	Selepas Penggunaan	Interpretasi Min
Bil	**Item**	**Skor Min**		**Skor Min**	
B1.	Menambah minat pelajar untuk belajar	2.76	Tidak Setuju	4.32	Sangat Setuju
B2.	Menjadikan proses PdP sistem pengecasan kenderaan lebih menarik	2.68	Tidak Setuju	4.38	Sangat Setuju
B3.	Menjadikan masa demonstrasi amali sistem pengecasan kenderaan oleh pensyarah lebih singkat	2.59	Tidak Setuju	4.30	Sangat Setuju
B4.	Meningkatkan pemahaman pelajar tentang teori sistem pengecasan kenderaan berbanding kaedah tanpa penggunaan *Alternator Tester Kit.*	3.14	Tidak Pasti	4.43	Sangat Setuju
B5.	Menjadikan pelajar mengetahui aplikasi sesuatu teori sistem pengecasan kenderaan dengan baik.	2.57	Tidak Setuju	4.51	Sangat Setuju
B6.	Meningkatkan kemahiran pelajar dalam sistem pengecasan kenderaan.	2.70	Tidak Setuju	4.68	Sangat Setuju
B7.	Mengurangkan kadar kemalangan bengkel disebabkan pelajar tidak memahami teknik-teknik asas penyelenggaraan sistem pengecasan kenderaan.	2.51	Tidak Setuju	4.38	Sangat Setuju
B8.	Menambahkan keyakinan pelajar untuk melakukan amali sistem pengecasan kenderaan.	2.51	Tidak Setuju	4.70	Sangat Setuju
B9.	Mengurangkan kadar kerosakan alatan dan komponen sistem pengecasan kenderaan.	2.54	Tidak Setuju	4.41	Sangat Setuju
Purata Min Keseluruhan: N = 37		**2.61**	**Tidak Pasti**	**4.46**	**Sangat Setuju**

Merujuk skor kepada Jadual 4 bagi min persepsi pelajar sebelum penggunaan ATK dalam PdP menunjukkan purata keseluruhan sebagai tidak pasti iaitu 2.61. Daripada sembilan item yang dijawab oleh responden, empat daripada item iaitu B1, B2, B4 dan B6 diberikan maklum balas tidak pasti dengan nilai skor min masing-masing dicatatkan ialah 2.76, 2.68, 3.14 dan 2.70 hasil interpretasi min daripada jadual 2. Manakala selebihnya mencatatkan skor min purata bagi item sebagai tidak setuju. Nilai purata skor min bagi item untuk persepsi sebelum penggunaan ATK dalam PdP adalah paling rendah dicatatkan oleh item B7 dan B8 dengan nilai skor 2.51. Reaksi sebaliknya diberikan apabila interpretasi min sangat setuju bagi kesemua 9 item soalan bagi persepsi selepas penggunaan ATK dalam PdP dicatatkan dengan nilai min purata sebanyak 4.48. Item B8 memperoleh skor min purata paling tinggi dengan nilai 4.70 dan skor terendah tetapi masih dalam kategori sangat setuju pula dicatatkan oleh item B3 dengan nilai skor 4.30. Melalui respons yang diberikan menunjukkan bahawa responden sangat setuju bahawa impak yang positif diberikan oleh penggunaan ATK dalam PdP di samping memperoleh nilai tambah dalam pembelajaran mereka.

Persoalan Kajian 3. Impak penggunaan *Alternator Tester Kit (ATK)* dalam pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar diperoleh melalui analisis deskriptif yang dijalankan adalah seperti jadual berikut:

Jadual 5. Min Impak Penggunaan ATK Dalam PdP Kepada Pelajar

Bil	Item	Skor Min	Interpretasi Min
C1.	Penggunaan *Alternator Tester Kit (ATK)* mampu menjadikan proses PdP lebih menarik dan tidak membosankan.	4.38	Sangat Setuju
C2.	Menjadikan pelajar lebih berwaspada semasa melakukan amali sistem pengecasan kenderaan.	4.35	Sangat Setuju
C3.	Meningkatkan kecekapan pelajar dalam amali sistem pengecasan kenderaan.	4.43	Sangat Setuju

C4.	Menjadikan tempoh demonstrasi amali sistem pengecasan kenderaan lebih cepat dan ringkas.	4.27	Sangat Setuju
C5.	Memberikan pengetahuan awal mengenai proses amali sistem pengecasan kenderaan sebelum ia dilaksanakan.	4.41	Sangat Setuju
C6.	Dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek sistem pengecasan kenderaan.	4.46	Sangat Setuju
Purata Min Keseluruhan: N = 37		**4.38**	**Sangat Setuju**

Interpretasi min bagi impak penggunaan ATK adalah sangat setuju diperoleh hasil analisis yang dijalankan kepada semua persoalan kajian. Nilai purata min dicatatkan ialah 4.38. Item C6 memperoleh skor min tertinggi dengan nilai min 4.46. Manakala nilai skor min terendah dicatatkan 4.27 oleh item C4 yang masih berada pada tahap sangat setuju berdasarkan maklum balas responden berikan.

Rumusan Keseluruhan Analisis Data

Hasil daripada semua analisis daripada ketiga-tiga persoalan kajian dirumuskan melalui jadual 6 seperti berikut:

Jadual 6. Taburan Peratusan Responden Secara Keseluruhan Persoalan Kajian

Bil	Persoalan Kajian	Purata Min	Tahap
1.	Apakah pensyarah mempunyai kemahiran dalam menggunakan *Alternator Tester Kit (ATK)* dalam pengajaran dan pembelajaran?	4.32	Sangat Setuju
2.	Apakah persepsi pelajar SKR Kolej Komuniti Rompin sebelum dan selepas penggunaan *Alternator Tester Kit (ATK)* dalam pengajaran dan pembelajaran?	2.67 / 4.46	Tidak Setuju / Sangat setuju
3.	Apakah impak penggunaan *Alternator Tester Kit (ATK)* dalam pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar?	4.38	Sangat Setuju

Kesimpulan yang dapat dibuat untuk ketiga-tiga persoalan kajian, dapat dilihat bahawa nilai purata min diperoleh adalah pada tahap yang sangat dipersetujui oleh responden. Purata min bagi sebelum dan selepas penggunaan ATK nyata memberikan perbezaan yang kurang ketara namun masih tetap berbeza antara keduanya daripada tidak pasti kepada sangat setuju berdasarkan nilai min keseluruhan item kajian sebelum 2.67 kepada 4.46 iaitu nilai purata min yang paling tinggi dalam kalangan tiga persoalan kajian diutarakan. Nilai min terendah pula dicatatkan ialah 4.32 daripada persoalan "Apakah pensyarah mempunyai kemahiran dalam menggunakan *Alternator Tester Kit (ATK)* dalam pengajaran dan pembelajaran?" namun masih berada pada tahap sangat setuju bagi responden. Bagi menjawab persoalan impak penggunaan ATK dalam PdP kepada pelajar, responden telah memberikan skor purata min 4.38.

Rumusan

Melalui dapatan yang telah diperoleh menunjukkan ketiga-tiga objektif kajian telah berjaya dicapai. Penggunaan ATK dalam PdP memberikan impak positif kepada pelajar. Di samping itu, pensyarah juga mempunyai kebolehan mengendalikan ATK dengan cekap seterusnya memberi manfaat kepada pelajar sepanjang proses PdP berlangsung.

Kemahiran Pensyarah Menggunakan ATK dalam PdP. Dapatan analisis jelas menunjukkan pelajar begitu yakin dengan tunjuk cara yang diajar oleh pensyarah dengan melihat item A6 dalam jadual 3 iaitu "Saya meyakini tunjuk cara pensyarah saya terhadap penggunaan Alternator Tester Kit mendapat skor min 4.41. Pensyarah juga terbukti tidak kekok menggunakan *Alternator Tester Kit* dengan begitu mahir semasa menguji kebolehfungsian alternator dan data ini ditunjukkan dalam item A5 iaitu "Pensyarah saya mahir menggunakan *Alternator Tester Kit* dalam membantu pelajar yang bermasalah dalam latihan amali" yang membawa kepada skor min 4.38 merupakan tahap interpretasi yang sangat memuaskan. Pensyarah juga mampu membantu pelajar yang bermasalah menggunakan

Alternator Tester Kit dengan berkesan dan ini ditunjukkan pada skor min 4.38 pada item A4 jadual 3 iaitu "Pensyarah saya mahir menggunakan *Alternator Tester Kit* dalam membantu pelajar yang bermasalah dalam latihan amali". Bagi menambahbaik kesediaan pensyarah dalam meningkatkan kemahiran penggunaan serta keyakinan pelajar semasa proses menunjuk cara beberapa perkara perlu diteliti:

5.1.1 Pensyarah perlu menguji ATK terlebih dahulu satu jam sebelum kelas bermula bagi memastikan kelancaran proses tunjuk cara.

5.1.2 Pensyarah perlu menyediakan beberapa sampel alternator yang berbeza kondisi bagi mengulangi beberapa kali proses tunjuk cara.

Perspektif Pelajar SKR Sebelum dan Selepas Penggunaan ATK dalam PdP / Impak kepada Pelajar. Impak kepada pelajar dibahagikan kepada impak pengetahuan, kecenderungan dan seterusnya kemahiran amali pelajar. Impak pengetahuan dapat diperhatikan pada item B4, B5, B6 pada Jadual 4 menunjukkan peningkatan yang ketara skor Min. Penggunaan *Alternator Tester Kit* dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) meningkatkan minat dan kefahaman pelajar, menjadikan proses PdP lebih menarik, membantu mereka dalam memudahkan melakukan kerja-kerja amali berkaitan sistem pengecasan kenderaan. Ini dibuktikan di dalam Jadual 4 menunjuk skor min purata meningkat dari 2.61 kepada 4.46. Jadual 4 juga membuktikan masa perjalanan amali disingkatkan serta meningkatkan tahap keselamatan pelajar semasa menjalankan amali serta mengurangkan kerosakan peralatan komponen mengecas pada kenderaan. Secara tak langsung keyakinan pelajar untuk melaksanakan amali sistem pengecasan meningkat dan ini dibuktikan pada item B8 Jadual 4 "Menambahkan keyakinan pelajar untuk melakukan amali sistem pengecasan kenderaan" meningkat daripada skor min 2.51 yang membawa interpretasi tidak bersetuju kepada sangat setuju dengan skor min 4.70.

Impak yang positif kepada pelajar dari analisis pada Jadual 5 menggambarkan bahawa penggunaan ATK dapat menjadikan proses PdP lebih menarik dan tidak membosankan. Ia mampu menjadikan pelajar lebih peka, lebih berwaspada dan memberikan kecekapan proses amali serta memberikan pengetahuan awal kepada pelajar sebelum mereka menjalankan amali pada kenderaan sebenar. Pengajaran yang berkesan dapat menjadikan suasana proses PdP lebih efektif seterusnya dapat membantu pelajar dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka.

Hubungkait Dapatan Kajian Dan Objektif Kajian. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan objektif kajian tercapai bagi ketiga objektif yang dinyatakan berdasarkan jadual 6 dengan jelas menunjukkan keseluruhan purata min bagi ketiga-tiga objektif melebihi 4.21 mengikut Interpretasi min yang diguna pakai oleh Creswell (2005).

Cadangan Untuk Kajian Seterusnya. Beberapa cadangan untuk kajian yang seterusnya adalah seperti berikut:

i. Mengkaji pengetahuan pelajar automotif berkaitan asas-asas elektrik. Pelajar yang berpengetahuan perlu dihubungkait dengan minat mereka mempelajari sistem elektrik kenderaan.

ii. Memperluaskan skop kajian mengkaji keberkesanan penggunaan *Alternator Tester Kit* dalam pengajaran dan pembelajaran di kolej-kolej komuniti seluruh Malaysia.

iii. Melakukan analisa statistik seperti penganalisaan varian bertujuan untuk meningkatkan keabsahan hipotesis. Bagi mencapai matlamat ini, pensyarah perlu memasuki kelas-kelas berkaitan bagi meningkatkan kemahiran penggunaan pakej-pakej perisian statistik berkaitan sains kemanusiaan.

Kesimpulan

Hasil dapatan kajian yang menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan penggunaan *Alternator Tester Kit* membantu mereka menambahkan minat, meningkatkan kefahaman sistem pengecasan serta meningkatkan keyakinan diri untuk menjalankan amali sistem pengecasan elektrik kenderaan.

Rujukan

Abd Samad, N. ., Wan Ahmad, W. M. R. ., Harun, H., Amiruddin, M. H., Hashim, S. ., & Ja'apar, F. (2018). Bahan Bantu Mengajar (Bbm) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian. Online Journal for TVET Practitioners. Retrieved from https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4808

Creswell, J.W. (2005). Educational Research-Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research Columbus: Pearson Merril Prentice Hall.

Dahalan, F., & Malkiat Singh, R. S. (2012). Tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) di kalangan guru-guru ketua panitia Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Daerah Kulim Bandar Baharu (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Pulau Pinang: Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun).

Ilias, M. F. (2013). *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Islam Menengah Rendah Negeri Johor* (Doctoral dissertation, Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia).

Jusoh, I. (2017). TVET Marketability Higher Than Academic Field. Retrieved February, 17, 2017, from http://english.astroawani.com/malaysia-news/ tvet-marketability-higher-academic-field- idris-jusoh-141147.

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement.

Lambri, A., & Mahamood, Z. (2019). Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Melayu menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 4(33), 78-94.

Lai, K.L., Khaw, A.H & Seah, A. K., (2002). Satu Kajian Mengenai Penggunaan Bahan bantu Mengajar Dalam Pengajaran Pembelajaran Matematik Di Sekolah Rendah. Jabatan Matematik. Maktab Perguruan Batu Lintang

Mat Som, H. (2005). Guru dan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum : Sorotan dan Perbincangan. Masalah Pendidikan Jilid 27. Universiti Malaya.

Mohamad Majid Konting (1994). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. KualaLumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Jalil Ahmad, Noor Hisham Jalani, Annas Akhmal Hasmori. (2015). TEVT di Malaysia: Cabaran dan Harapan. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Awam 2015, 340-346

Mohd Roslan Yussof, Mohamad Rasidi Ahmad (2018) Keberkesanan Spark Plug Tester Dalam Meningkatkan Tahap Pemahaman Konsep Dan Kemahiran Sistem Elektrik Enjin Pelajar

SKR Kolej Komuniti Rompin. Koleksi Prosiding Penyelidikan & Penulisan Ilmiah Kolej Komuniti Rompin (PRiSMA) Edisi 2 2019.

Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman Ab. Ghani. (2008). Penggunaan alat bantu mengajar dan hubungannya dengan pencapaian kemahiran mendengar bahasa arab. Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia, 49(2001), 141-154.

Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. Journal of Islamic and Arabic Education, 2(2), 210 53-64.

EXPLORING FACTORS AFFECTING THE USE OF DIGITAL PLATFORMS BY PARTICIPANTS OF INSTAGRAM MARKETING INCENTIVE WORKSHOP

Jegathiswary A/P Murukan[1], Syalihah Binti Mohamad Irani[2],Wan Afifah Binti Wan Abdullah[3]

Commerce Department, Politeknik Sultan Azlan Shah, Malaysia[1,2,3]

jegathiswary@psas.edu.my
syalihah@psas.edu.my
afifah@psas.edu.my

Abstract: Many sectors, including business, education, government, and society have all been severely impacted by the Covid-19 pandemic. This pandemic had a big influence on entrepreneurs' ability to run their business physically. The digital transformation is urgently required. Therefore, digital entrepreneurship been the alternate way to entrepreneur to conduct their business. Based on previous literatures the role of digital platforms is more significant to micro and small enterprises due to limited resources, size of the firm and their financial capabilities. This research focused on exploring factors affecting the use of digital platforms in term of skills in using the internet, motivation of using internet in enhancing business and source of information obtained from internet that used for business purpose. 25 participants of Instagram Marketing Incentive Workshop were chosen as respondent for this study. Social media was found to have a positive impact. Carrying out qualitative analyses, the findings shows that Instagram give motivation to entrepreneur doing a business using a social media. Outcome from the data analysis shows that respondents have moderate skills in using internet. Besides that, using internet for business purpose motivates more in engaging in business. Finally using internet help them to get business related information moderately. The findings of this study empirically expose SME solutions to support their recovery and sustainability during the COVID-19 pandemic and serve as a foundation for multiple future studies in this field. Furthermore, these results demonstrate that SMEs' limited understanding of how to use new digital tools prevents them from realising their full potential and from keeping up with technological advancements.

Keyword: Platform; Digital; Entrepreneurship.

Introduction

The dynamics of the economy have been affected by the emergence of digital tools. This been a great opportunity to entrepreneurs in use digital technologies to locate the services and items they require and share vital information on social media. According to Atshaya & Rungta (2016), Digital marketing serves as a prime illustration of the various ways that technical advancements can be applied. Conducting business in online base described as a type of marketing in which products and services are advertised online utilising digital platforms. Like traditional marketing, digital business uses a predetermined supply chain to distribute goods and services, but instead of using physical bricks, this supply chain is made up of technologies and techniques that enable online transactions over internet connections (Todor, 2016). Thus, internet-based systems that may synchronously create, promote, and transport value from producers to consumers via digital networks are referred to as digital marketing channels (Key, 2017).

In today's knowledge-based society, the technological revolution that is currently taking place is aimed not only at large companies that are dedicated to developing new technologies or at those that offer digital and internet services, but also at Small and Medium-Sized Enterprises (SMEs) that provide goods and services and are a vital component of the economy. The digital revolution has the potential to significantly help small and medium-sized enterprises (SMEs) as it has a favourable correlation with their growth, performance, and competitiveness (Shideler, Badasyan & Broadband, 2012). Digital marketing is the most effective approach for businesses to market their goods and services, claims ((Kurniawan, Suwarno & Rajiani, 2019). Furthermore, they clarify that the advancements in technology have brought about a considerable change in the conventional ways of brand promotion. Despite this, SMEs are less competitive than other businesses that are set up in accordance with the new business models based on information and communication technologies (ICTs) and the internet since they do not yet use digital marketing extensively.

Social media and digital marketing give SMEs the chance to reach existing customers and draw in new ones more effectively (Nuseir & Aljumah, 2020). Additionally, SMEs may be able to boost their growth and competitiveness in the market by using digital technologies to communicate with customers more effectively and at a higher performance level. In the Asian context, for instance, Somjai, Charoen & Pocmontri (2020) stated that in addition to increasing revenue, digital marketing lowers total marketing expenses. As a result, it becomes an interesting and less expensive kind of promotion because it increases customer awareness more quickly than traditional marketing. In context of the economic advantages that internet-based tools and platforms can offer, Somalo (2022) claims that investment costs for digital marketing are lower because it requires fewer production resources (Kannan & Honhshuang, 2017).

Problem statement. Entrepreneurship is one the main drivers of economic growth. It is also a major strength behind the development of a nation, the establishment of new jobs, and the social stability. The Covid-19 pandemic has had a significant negative impact on businesses' ability to conduct business physically. As a result, digital entrepreneurship has emerged as one of the vital possible alternatives for entrepreneurs as to execute their operations, especially during the pandemic. Due to the advantages of the internet, some businesses are compelled to shift and begin utilising it to benefit from more sophisticated applications, including e-Commerce (Fahri and Timothy, 2008).

According to (Hashim,2007) internet use by small and medium businesses (SMEs) can help them become more competitive. Entrepreneurs can save time and lessen their management effort requirements by using the rapid availability of information (Singh, 2012). Utilizing the digital platform is crucial for a business's expansion, production, and efficiency. Nowadays SMEs can use many social media platforms such as Instagram, TikTok, Twitter, Facebook, and YouTube as a communication tool. More than half of the world’s population is already online and will use social media as their daily activities. It shows that using the digital is very important for the entrepreneur to move forward.

The physical environment has changed because of technical development in the digital age, which has an impact on marketing and commercial decisions. A new establishment, business, product, or service that is offered online and a new entrepreneur with a start-up business are both considered to be digital entrepreneurs. Another major consideration when examining the SME business sector and digital marketing is a firm's level of expertise in this area. One of the main reasons for their success in the e-commerce sector is the methods and technologies they employ for online selling. According to Kovalenko and Kuzmenko (2020), by using the right techniques, they can improve their search engine visibility and it will be a good outcome of their advertising efforts.

To analyse the application of digital marketing of small and medium-sized enterprises (SMEs) in handling the business, Unit Diploma of Business Studies, Politeknik Sultan Azlan Shah have conducted a program namely “Instagram Marketing Incentive Workshop”. The program aimed to guide local entrepreneur to use Instagram to market their product easily so that the participant can incorporate themselves into the modern business environment and independently create the internet business. 25 participants from this program were chosen as respondent for this study. From this study

the aim of researcher is to understand the factors that affecting the use of digital platforms relating to internet usage skill, motivation of use of internet and availability of information from internet in performing business through online method.

Research questions. Based on previous studies it was found that the use of digital marketing has a strong positive impact on financial performance of SMEs. It was also discovered that the digital marketing cause positively impacts the non-financial performance of SMEs in terms of cost reduction on marketing and customer service, improved customer relations and improved information accessibility. Because of this, traditional business owners should try to convert their existing products, services, and business into digital ones. It is crucial that the entrepreneur develop knowledge, skills, attitudes, and actions. Entrepreneurs must adapt to technological development because it is a significant factor that can enhance their quality of life.

Therefore, this research focused on exploring factors affecting the use of digital platforms in term of skills in using the internet, motivation of using internet in enhancing business and source of information obtained from internet that used for business purposes of the 25 participants of Instagram Marketing Incentive Workshop that was held at Polytechnic Sultan Azlan Shah. The following research questions have been identified for this study:

1. What factors affecting the use of Digital Platforms by participants of Instagram Marketing Incentive Workshop on internet usage skill?
2. What are the impacts affecting the use of Digital Platforms by participants of Instagram Marketing Incentive Workshop on motivation use the internet.
3. Which factor affecting the use of Digital Platforms by participants of Instagram Marketing Incentive Workshop to get information from internet source?

Literature Review

The aim of the research described here is to provide a clearer understanding of the motivations for adoption and use of the Internet by entrepreneurs in conducting business using digital platforms. Digital technology has transformed how entrepreneurs operate their businesses. According to Jelonek, D. (2015) the Internet technology help entrepreneurs perform business in lower operating costs and can operate on a scale that is larger than before. Nambisan, S., Wright, M., & Feldman, M. (2019) indicates that digital start-ups have very low barriers to entry in conducting business and do not require costly equipment. Performing business in digital platform could reduce the cost of information searches, cost of the transaction and time (Astuti & Nasution, 2014). Nowadays people spend more time in the digital platform to search information, product, service, and communication. Omar, Rahim, & Othman (2017) stated that entrepreneurs could promote their products as well as more easily acquire potential customers through cyberspace networks such as electronic mail, social media such as blog, Facebook, and Instagram. Thus, with social connections and online discussions obtained by entrepreneurs allows them to share ideas, expand the market as well as enriching information sources.

The positive development of online business is also contributed by the emergence of social media. Facebook, Instagram, Twitter, to name a few, are among the top social media applications that have been introduced and totally changed our life, especially in Malaysia (Rahim et al, 2019). Following that, digital platforms with various Internet applications provides opportunities to entrepreneurs to improve social relations with others who eventually become their customers, agents, or suppliers even if not through online (Nurdin et al., 2014)

On the other hand, exploration focuses on learning new knowledge, discovering new capabilities, and investigating new ways of doing business. The exploration orientation generally has links to uncertain outcomes, high autonomy, and long-term results. According to Huang, Wang & Lai (2022) when people are willing to accept challenges and think that internet entrepreneurship can obtain enjoyment and satisfaction or get external rewards and recognition, they are more likely to have high internet entrepreneurial intention to use technology products. The motivation to adopt new technology based on two factors, there are perceived usefulness and perceived ease of use. Technology provides

enjoyment to users or adoptees. Recent literature provides evidence that perceived enjoyment can significantly affect the intention to adopt the technology (Thakur & Srivastava, 2014).

Wolla, S. (2017). Evaluating the effectiveness of an online module for increasing financial literacy. Social Studies Research and Practice, 12(2), 154-16

KAJI SELIDIK TAHAP KEPUASAN PENGGUNA ALAT BANTU PERKONGSIAN PEMBELAJARAN LUKISAN DAN PENGIRAAN "*WHITE BOX*"

Syarizal bin Bakri[1], Mohd Fazrullah bin Zakaria[2], dan Muhamad Fauzi bin Talip[3]

Politeknik Kuching Sarawak, Sarawak, Malaysia[1,2]

[3]Kolej Komuniti Miri, Sarawak, Malaysia

syarizal@poliku.edu.my[1], m.fazrullah@poliku.edu.my[2], fauzi@kkmiri.edu.my[3]

Abstrak. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan tahap kepuasan pengguna alat bantu perkongsian pembelajaran lukisan dan pengiraan "*White Box*". Tujuan kajian ini dilaksanakan untuk menilai sejauh mana produk ini dapat membantu para pensyarah dan pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran dalam talian (PdPDT). Pembangunan "*White Box*" ini adalah untuk membantu pengunaan telefon pintar secara meluruh untuk bekerja dari rumah. Kajian ini difokuskan adalah kepada bidang pendidikan di mana interaksi dalam talian adalah antara pensyarah bersama pelajar untuk mengajar mata pelajaran yang mempunyai elemen pengiraan dan lukisan. Kajian tahap kepuasan ini dilaksanakan setelah produk ini digunakan oleh pengguna dengan menjawab set soal selidik yang mengandungi 12 soalan. Analisa mendapati kedua dua pihak berpuas hati dengan kebolehfungsian "*White Box*". Kajian lanjutan boleh diteruskan dari segi reka bentuk dan saiz produk ini.

Kata kunci: *White box*; PdPDT; Alat bantu mengajar.

Pengenalan

Alat bantu mengajar (ABM) adalah satu media atau perantaraan yang digunakan oleh seorang pendidik bagi membantu penyampaian ilmu kepada pelajar. Alat ini bertujuan untuk menjadikan sesi pengajaran lebih menarik. ABM dapat dibangunkan mengikut kesesuaian topik dan media pengajaran sama ada bersemuka ataupun secara maya. ABM mempunyai tiga kategori iaitu alat pendengaran, alat pandangan dan alat pandang-dengar (*Alizah Lambri & Zamri Mahamood, 2019*), oleh yang demikian penulis mengkategorikan "*White Box*" ini dalam kategori pertama iaitu penglihatan.

"*White Box*" merupakan salah satu ABM untuk memudahkan penyampaian ilmu antara pensyarah dan pelajar dalam talian terutama dalam subjek yang melibatkan lukisan dan pengiraan. Penulis menyedari bahawa semasa PdPDT dilangsungkan pensyarah mengalami kesukaran untuk menyampaikan teori lukisan dan pengiraan secara maya. Alat bantu perkongsian pembelajaran lukisan dan pengiraan "*White Box*" adalah sebuah alat bantuan pengajaran dan pembelajaran yang membantu perkongsian maklumat yang lebih jelas dan selesa. "*White Box*" ini mengambil konsep kotak fotografi yang memberikan ruang pencahayaan yang lebih kemas dan dilengkapi ciri tambahan untuk membantu memberi sudut pandangan kamera video yang lebih jelas dalam sesi perkongsian pembelajaran secara konvensional di atas talian.

Perbezaan "*White Box*" dengan Pemegang Telefon yang Berada di Pasaran

Seperti yang diketahui umum, terdapat banyak reka bentuk pemegang telefon yang berada di pasaran. Masalah utama yang dihadapi adalah produk tersebut tidak dapat menampung berat telefon pintar apabila diletakkan secara selari dengan kertas kesan daripada kedudukan kamera yang tidak tegak mengakibatkan video yang dipaparkan melalui kamera kurang jelas dan mengurangkan tumpuan pelajar. Selain sudut penyampaian yang kurang jelas, tangan pengajar juga akan melindungi pandangan pelajar dan mengganggu pencahayaan yang baik ketika pembelajaran sedang berlaku. "*White Box*" direka khas untuk menampung berat telefon pintar pelbagai saiz oleh kerana mempunyai permukaan tempat yang luas dan tapak yang stabil.

Penyampaian Secara Langsung (*Live*)

Sebelum kewujudan "*White Box*" penulis menulis menyediakan slaid pengiraan yang sudah siap menggunakan aplikasi Microsoft Excel. Hal ini menyebabkan pelajar gagal fokus dan tidak memahami jalan kerja yang dipaparkan. Dengan penggunaan "*White Box*" penulis dapat menunjukkan setiap jalan kerja satu per satu di atas kertas seperti yang berlaku di dalam kelas sebenar. Impaknya pelajar lebih memahami jalan kira yang diterbitkan menggunakan formula yang terlibat. Begitu juga dengan subjek yang melibatkan lukisan seperti Lukisan Kejuruteraan. Pensyarah dapat menunjukkan setiap langkah lukisan dengan baik selepas menggunakan "*White Box*".

Ciri-Ciri "*White Box*"

Sebelum membangunkan produk ini, penulis telah mengambil kira empat ciri-ciri khas yang akan ditengahkan dalam "*White Box*" iaitu keupayaan boleh lipat, kukuh, pencahayaan dan ruang kamera.

Kebolehupayaan boleh lipat. Konsep mudah lipat dititikberatkan supaya produk ini mudah untuk disimpan. Hal ini bertujuan untuk memudahkan dan menjimat ruang untuk menyimpan "*White Box*". Selain daripada itu, konsep reka bentuk ini juga dapat membantu memudahkan pensyarah membawa "*White Box*" ini dari satu tempat ke satu tempat.

Kukuh. Rangka *Imfraboard* digabungkan dengan menggunakan engsel aluminium yang ringan. Selain berfungsi sebagai penggabung antara rangka, ianya juga berfungsi sebagai "Locking System" atau pengunci bagi memberikan ciri yang teguh kepada produk.

Lampu LED tanpa wayar mudah alih. Produk dilengkapi dengan Lampu LED tanpa wayar yang dilengkapi dengan teknologi magnet mudah pasang. Selain itu, Lampu LED ini boleh dicaj berulang kali menggunakan kabel pengecasan jenis C. Lampu LED ini memberikan pencahayaan sempurna yang memberi keselesaan kepada pengajar dan pelajar.

Ruang kamera. Di bahagian atas produk dilengkapi satu ruang lebar bersaiz 4 inci yang sesuai untuk saiz kamera telefon bimbit yang berada di pasaran. Selain penggunaan telefon bimbit, "Webcam" juga boleh digunakan. Ruang yang berpusat di bahagian tengah kotak secara memanjang membolehkan pengguna melaraskan kamera mengikut kesesuaian sendiri.

Pernyataan Masalah

Semenjak Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan, tenaga pelajar perlu memikirkan satu kaedah pengajaran yang sesuai untuk dilaksanakan secara maya. Bagi pensyarah yang mengajar mata pelajaran yang memerlukan teknik pengajaran dan pembelajaran secara penulisan, mereka menghadapi kesukaran untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT) (*Mamat, 2020*). Sebagai contoh, pensyarah yang mengajar Lukisan Kejuruteraan

menghadapi kesukaran untuk menunjukan teknik lukisan dengan menggunakan alatan kejuruteraan. Selain itu, bagi mata pelajaran Matematik Kejuruteraan, pensyarah sukar untuk menunjukkan jalan kerja penyelesaian masalah matematik secara maya. Sebelum *"White Box"* dibangunkan kebanyakan pensyarah menggunakan kamera telefon bimbit bersama *"phone holder"* untuk menjalankan PdPDT. Namun begitu, gabungan kedua-dua alatan ini adalah tidak sesuai berikutan sudut kamera yang tidak dapat diletakkan secara 180^{o}. Kesan daripada kedudukan kamera yang tidak tegak mengakibatkan video yang dipaparkan melalui kamera tidak memuaskan.

Fokus Kajian

Skop kajian ini hanya fokus kepada subjek PdPDT yang memerlukan teknik pengajaran konvensional dan memerlukan demonstrasi pengajar secara bertulis atau lukis yang tidak melibatkan teknologi perincian komputer "*White Box*" telah digunakan sejak tahun 2020. Tidak dapat dinafikan bahawa PdPDT sudah tidak lagi menjadi norma sekarang apabila Covid-19 sudah tiada. Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat kursus-kursus secara dalam talian yang ditawarkan dari Institusi Pengajian Awam. Selain dari itu, "*White Box*" ini juga boleh digunakan apabila pensyarah ingin membuat kelas tambahan di luar waktu kelas. Produk ini sangat bersesuaian dengan subjek yang melibatkan pengiraan dan lukisan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut**:**

1. Membangunkan satu set soalan kajian soal selidik berkaitan tahap kepuasan penggunaan *"White Box"*.
2. Memudah cara proses PdPDT sebagai medium pertukaran ilmu antara pensyarah dan pelajar.
3. Mendapatkan tahap kepuasan pengguna daripada pensyarah dan pelajar.

Kumpulan Sasaran

Kumpulan sasaran dalam pembangunan produk ini adalah dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Soal selidik telah diberikan kepada pensyarah sebagai responden yang menggunakan "*White Box*" sebagai alat bantuan mengajar manakala pelajar sebagai responden yang melihat dan belajar melalui "*White Box*".

Metodologi Kajian

Kaedah kajian ini dilakukan secara kuantitatif. Perlaksanaan projek ini dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa yang pertama adalah pembangunan produk, diikuti dengan penggunaan produk dan kaji selidik keberkesanan kepada pensyarah dan pelajar.

Pembangunan "*White Box*". Faktor utama yang diberi keutamaan dalam pembangunan projek ini adalah kebolehupayaan untuk melipat dan berat. Oleh yang demikian, penulis telah memilih infraboard sebagai rangka utama produk. Ukuran produk bersaiz 75×75×75cm memberikan satu ruang yang selesa kepada pengguna yang boleh memuatkan kertas A3 dan alatan lukisan/pengiraan. Walaupun bersaiz agak besar, produk boleh dilipat dengan senang dan mudah untuk disimpan tanpa memakan ruang yang banyak. Untuk mendapatkan keupayaan boleh lipat, mini engsel telah digunakan sebagai sistem sendi produk ini. Satu ruang kamera telah disediakan berukuran 5×15cm pada permukaan atas "*White Box*".

Rajah 1. Rupa bentuk "*White Box*"

Rajah 2. Lampu LED wireless dipasang secara magnet

Penggunaan "*White Box*". Kaedah penggunaan "*White Box*" adalah sama secara amnya di mana pensyarah masih perlu untuk menggunakan mana-mana platform dalam talian seperti Google Meet, Webex dan sebagainya. Bezanya adalah kedudukan peranti yang lebih baik untuk mendapatkan paparan yang lebih jelas kepada pelajar. Sudut penyampaian "Point of View" memberikan gambaran seakan-akan daripada pandangan pengajar. Visual yang hendak disampaikan jelas kelihatan daripada pandangan atas. Bantuan pencahayaan daripada Lampu LED tanpa Wayar meningkatkan daya Fokus kamera.

Rajah 3. Kedudukan telefon pintar atau "*Webcam*"

Rajah 4. Situasi semasa menggunakan "*White Box*"



Rajah 5. Pandangan dari sudut pelajar

Soal Selidik Keberkesanan "*White Box*". Penulis telah merangka satu set soalan soal selidik untuk mendapatkan maklum balas penggunaan "*White Box*". Satu pautan telah diberikan kepada pensyarah dan pelajar yang terlibat dalam penggunaan produk ini. Jumlah responden yang telah dikumpul adalah seramai 71 orang di mana 27 daripada jumlah tersebut adalah pensyarah manakala selebihnya 44 responden adalah pelajar. Pensyarah yang dipilih adalah dalam kalangan yang pernah menggunakan "*White Box*" sebagai alat PdPDT dan juga yang telah melihat secara langsung penggunaannya. Manakala responden pelajar yang dipilih adalah yang telah belajar melalui PdPDT menggunakan "*White Box*". Sebanyak 12 soalan telah diberikan. Soalan adalah berfokus kepada penggunaan, visual dan pencahayaan pengguna semasa menggunakan "*White Box*".

Hasil Kajian

Respons daripada 71 responden telah dikumpul dan dianalisis. Seterusnya penulis telah memaparkan hasil respons yang dikumpulan dalam Jadual 1.

Soalan Soal Selidik	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Neutral	Setuju	Sangat setuju
"*White Box*" ringan dan mudah untuk dibawa.	2		7	12	50
Pemasangan "*White Box*" mudah dan tidak mengambil masa yang lama.	1	1	7	15	47
Ciri reka bentuk "*White Box*" agak menarik.	2		10	19	40
Saiz "*White Box*" sesuai dan selesa untuk pengajaran subjek Lukisan dan Pengiraan.	2	2	7	10	50
Penyimpanan "*White Box*" mudah dan tidak mengambil masa yang lama.	2	2	6	12	49
"*White Box*" membantu proses saya untuk mendapatkan visual yang lebih jelas.	2	2	6	14	47
Sudut penglihatan daripada atas memberikan gambaran secara menyeluruh berkaitan maklumat yang disampaikan.	2	1	7	16	45
Lampu Cahaya LED memastikan gambaran yang lebih jelas dan jitu.	2	1	7	14	47
Paparan yang boleh zum/dibesarkan pada skrin paparan membantu saya untuk lebih fokus.	2	1	5	13	50
"*White Box*" membantu saya untuk fokus dengan proses pembelajaran dan pengajaran yang berlangsung.	2	1	5	15	48
Adakah konsep "*White Box*" sesuai dipraktikan di subjek-subjek lain di JKM.	3				68
Adakah keperluan untuk mengadakan kursus jangka pendek untuk berkongsi cara menggunakan Alat Bantu Perkongsian Pembelajaran Lukisan dan Pengiraan "*White Box*"?	13				58
Frekuensi	35	11	67	140	599

Hasil dapatan kajian ini majoriti berpuas hati dengan penggunaan "*White Box*". Seramai 87.3% dari responden bersetuju produk ini ringan dan mudah dibawa. Penggunaan produk ini juga praktikal di mana ia dibuktikan dengan 87.3% bersetuju produk ini mudah dipasang dan mengambil masa yang singkat. Majoriti juga bersetuju "*White Box*" mempunyai saiz yang sesuai untuk digunakan semasa PdPDT. Dari konteks visual pula, 85.9% responden bersetuju dengan kenyataan sudut kamera pada "*White Box*" lebih baik dengan memberikan gambaran secara menyeluruh dengan maklumat yang ingin disampaikan. Seramai 61 daripada 71 responden mengatakan bahawa lampu LED yang dipasang membantu untuk mendapatkan gambar yang lebih jelas dalam kamera, 7 daripadanya menjawab neutral dan 3 responden tidak bersetuju. Secara keseluruhan, melihat daripada frekuensi majoriti responden berpuas hati dengan penggunaan "*White Box*".

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan dari pembangunan dan penggunaan satu alat bantuan mengajar yang dinamakan "*White Box*". Pada masa yang sama satu soal selidik kadar kepuasan pengguna telah diedarkan. Rangkuman daripada hasil dapatan kajian dapat dibuktikan penggunaan "*White Box*" banyak membantu pensyarah dan pelajar dalam PdPDT. Kebolehcapaian dan sudut penglihatan pelajar amat penting semasa PdPDT. Hal ini kerana pelajar akan mudah bosan jika sudut visual mereka tidak memuaskan dan menyebabkan mereka hilang minat untuk mengikuti mata pelajaran yang sedang berlangsung. Berikutnya, dengan pembangunan produk ini secara tidak langsung meningkatkan motivasi pelajar untuk menghadiri kelas secara dalam talian. Pensyarah juga lebih mudah untuk membuat kelas ulang kaji dan tidak memerlukan mereka dan pelajar hadir secara fizikal lagi. Kesimpulannya, pembangunan "*White Box*" sebagai alat bantu mengajar adalah diperlukan dan boleh diperluaskan lagi penggunaanya.

Rujukan

Alizah Lambri, & Zamri Mahamood. (2019). The Use Of Teaching Aids In The Teaching Of Malay Language Using A Student-Centered Learning Approach. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33), 78–94. https://doi.org/10.35631/ijepc.433007

Shafinah Mamat. (2020). Aplikasi Google Meet Dalam Program 3c Bagi Meningkatkan Motivasi Pelajar Tingkatan 5. *International Conference On Global Education,* 8, 140-150.

Hasnan, K. A., & Che Kob, C. G. (2018). Keberkesanan Alat Bantu Mengajar bagi Tangan Kiri Fleming dalam Pengajaran dan Pembelajaran TVET The Effectiveness of Teaching Aids for Fleming Left Hand in TVET Teaching and Learning [Review of Keberkesanan Alat Bantu Mengajar bagi Tangan Kiri Fleming dalam Pengajaran dan Pembelajaran TVET. Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences, 12(1), 77–88.

Abdul Bujang, S. D., Selamat, A., Krejcar, O., Maresova, P., & Nguyen, N. T. (2020). Digital learning demand for future education 4.0—Case studies at Malaysia education institutions. Informatics 7(2), 13. doi:10.3390/informatics7020013

Downing, J. J., & Dyment, J. E. (2013). Teacher educators' readiness, preparation, and perceptions of preparing preservice teachers in a fully online environment: An exploratory study. Teacher Educator, 48(2), 96–109. doi:10.1080/08878730.2012.760023

Asas Pensabitan Suami Nusyuz: Satu Tinjauan Literatur

Ahmad Usaid bin Mohamad Asri[1,a] Siaroliza binti Alih[2,b] Aliah Najwa binti Saidin[3,c]

[1]Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Semporna, Malaysia

[2]Unit Pengurusan, Kolej Komuniti Semporna, Malaysia

[3]Prasiswazah Sijil Pengembaraan Pelancongan, Kolej Komuniti Semporna, Malaysia

[a]*ahmadusaid@kkssp.edu.my*, [b]*siaroliza@kkssp.edu.my*, [c]*aliahnajwa@kkssp.edu.my*

Abstrak. Ketidakpatuhan isteri terhadap suami dalam hal-hal yang dituntut agama ditakrifkan sebagai nusyuz dan layak dikenakan hukuman oleh suami sebagai didikan. Realitinya perbendaharaan hukum Islam tidak pernah menoktahkan nusyuz hanya semata-mata ketidakpatuhan isteri berperanan. Sebahagian para ulama' turut membincangkan perilaku suami nusyuz pada konteks tertentu. Menerusi metodologi kajian secara kualitatif menerusi tinjauan literatur mendapati terdapat asas yang signifikan kepada pensabitan nusyuz seorang suami dari aspek pengabaian nafkah, menzalimi pasangan dan pengabaian pendidikan agama. Asas-asas sedemikian dalam rangka kebertanggungjawaban suami kepada isteri perlu diperincikan dengan lebih jelas pada ukuran konteks semasa. Sebagai cadangan dalam usaha meningkatkan kefahaman masyarakat Islam di Malaysia, Modul Bersepadu Praperkahwinan Islam (MBPKI) perlu dinilai semula secara lebih berstruktur. Diharapkan pelarasan oleh pihak JAKIM dan JAIN menyambut baik saranan ini agar pasangan-pasangan yang hadir ke kursus praperkahwinan mendapat input yang lebih inklusif dan eksklusif pada kerukunan ilmu rumah tangga.

Kata kunci: Suami, Pensabitan Nusyuz, MBPKI.

Pengenalan

Nusyuz secara umumnya amat sinonim dalam kehidupan hal ehwal rumah tangga pasangan suami dan isteri. Dalam perbendaharaan hukum Islam, nusyuz antara lain berpunca daripada keguguran ketaatan isteri terhadap suami ketika melakukan beberapa perkara asas sehingga membawa permusuhan, kemudaratan serta kebencian dalam kehidupan rumah tangga (Muhammad Zuhailiy, 2011). Larangan ini turut disebut secara jelas dalam al-Quran mahupun al-Hadith. Antara ciri-ciri dianggap memenuhi kriteria nusyuz bukan hanya dinilai melalui perbuatan bahkan merangkumi tutur lisan pasangan (Al-Syarbini, 1994). Walau bagaimanapun pemikiran masyarakat Islam kontemporari seperti jumud dalam perspektif isteri sebagai punca utama nusyuz. Adakah layak dihukum seorang isteri berlaku nusyuz sekiranya ketidakpatuhan isteri kepada suami hanyalah semata-mata mendapatkan hak sebagai tanggungjawab seorang suami kepada isteri yang wajib dilaksanakan. Oleh demikian, kajian menumpukan objektif perbincangan mengenai asas-asas pensabitan suami nusyuz dalam konteks hukum Islam sebenar. Hasil perbincangan mampu menjernihkan Islam bercirikan sifat *wasatiyyah* dan *tawazun* terutamanya dalam membela hak asasi keadilan seorang isteri dalam rumah tangga.

Metodologi

Penulis memilih reka bentuk kajian secara pengumpulan data berasaskan kajian perpustakaan. Asasnya tujuan kajian adalah untuk melihat kepada asas-asas pensabitan suami nusyuz. Oleh yang demikian, penyelidik melakukan tinjauan kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan objektif utama kajian. Empat kaedah diaplikasi dalam kajian ini melalui pengkalan data *Google Scholar* iaitu pencarian, pemilihan, pengekstrakan dan analisis data. Seterusnya strategi kajian hasil pengumpulan data berdasarkan teknik induktif dan komparatif diguna pakai.

Analisis Perbincangan

Kriteria Asas Pensabitan Nusyuz Suami Terhadap Isteri

Pengabaian Nafkah. Kajian oleh Musthapar & Ahmad (2022) mendapati antara polemik paling utama perhubungan suami isteri di Malaysia antaranya kegagalan pengurusan ekonomi. Dalam erti kata lain bermaksud nafkah. Bagi Wahbah Al-Zuhailiy (1985), hak nafkah terhadap isteri berbentuk harta dan bukan harta. Antara peringatan yang sering dirakamkan melalui kisah Abu Sufyan yang mengabaikan tanggungjawab menafkahi isterinya Hindun binti 'Atbah sehingga Rasulullah SAW membenarkannya mengambil harta suaminya sekadar yang perlu bagi perbelanjaan diri dan anak-anak (Riwayat Al-Bukhari, No. 5364, 1026).

Seterusnya di dalam sebuah hadith lain diriwayatkan Rasulullah SAW menekankan kewajipan nafkah oleh suami kepada isteri mengikut kemampuan suami sekadarnya seperti makanan dan pakaian (Riwayat Abu Dawud, No.2142, 476). Melalui firman Allah SWT yang lain turut mengingatkan kewajipan utama suami ke atas isterinya adalah dengan menyediakan sebuah kediaman yang baik

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنتُم مِّن وُجْدِكُمْ

(Surah al-Talaq: 6)

> Yang bermaksud: "Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu".

Menurut Aswat & Rahman (2021), nafkah yang berterusan amat mendapat perhatian di sisi agama kerana implikasinya mengundang kemudaratan terhadap isteri dan anak-anak sekiranya diabaikan. Kemudaratan ini diperluaskan oleh Harun & Ali (2021) dalam kajiannya untuk membina kesejahteraan sebuah keluarga harmoni, seorang suami harus bertanggungjawab dalam menafkahi keluarganya dalam aspek ekonomi. Sekiranya di bawah pengetahuan isteri masih berlaku ketidakmampuan suami menyempurnakan tanggungjawab nafkah sebelum perkahwinan, Islam masih membenarkan pembubaran dilakukan berdasarkan peruntukan keluarga Islam negeri melalui jalan fasakh (Hashim & Kusrin, 2023). Demikian rumusan

Menzalimi Pasangan. Kajian menunjukkan tanpa komunikasi yang harmoni, akan memberi kesan kepada kepuasan dalam kesejahteraan hubungan antara pasangan (Suzana Mohd., Manap, J., dan Zakaria, (2020). Demikian itu, bagi kualiti perkahwinan amat bergantung kepada kebijaksanaan pasangan dalam menggambarkan komunikasi yang baik. Berlaku sopan terhadap pasangan, memberi layanan mesra, sentiasa berkasih sayang, mengambil berat antara *mu'asyarah* (pergaulan) yang dituntut (Fadzilah Kamsah & Abdullah Hassan (2004). Sejajar peringatan daripada Allah SWT kepada hamba-Nya:

وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ فَإِن كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰٓ أَن تَكْرَهُوا۟ شَيْـًٔا وَيَجْعَلَ ٱللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

(Surah al-Nisa: 19)

> Yang bermaksud: Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).

Ayat di atas secara mafhumnya dapat difahami dengan kegagalan mewujudkan pergaulan yang harmoni dalam hubungan merupakan suatu kezaliman kepada pasangan secara jelas.

Apa sahaja perbuatan mencederakan fizikal seperti memukul dengan niat mencederakan, yidak menghiraukan isteri ketika sakit, menyetubuhi isteri melalui jalan paksa atau diharamkan agama merupakan satu bentuk asas sabitan yang jelas. Kemudian pengabaian keperluan seksual isteri turut menjadi kriteria utama suami berperilaku nusyuz. Keperluan ini merupakan satu kewajipan malah menjadi fitrah kepada suami yang sentiasa terarah pada tujuan yang sama. Firman Allah SWT:

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ

(Surah al-Baqarah: 187)

Yang bermaksud: Mereka itu adalah pakaian bagimu, dan kamu pun adalah pakaian bagi mereka.

Justeru sabitan nusyuz seorang suami bermula apabila tindakan isteri berterusan mendiamkan diri demi memenuhi hak suami walhal jelas menyalahi ajaran Islam. Hasanah Che Ismail (2006) berpendapat setiap perbuatan ini dapat dicegah lebih awal sekiranya pasangan menguasai kemahiran komunikasi yang cekap dalam menguruskan kestabilan hubungan dalam perkahwinan. Sukar menjadi pendengar yang baik, terus menghukum, tidak berterus terang dan jujur antara aspek nilai paling dominan. Komunikasi pasangan yang amat positif haruslah bermula dengan saling mengamalkan sikap keterbukaan serta mempercayai antara satu sama lain (Hardsen, 2015)

Seterusnya kezaliman berbentuk batin turut mengheret asas kepada pesabitan suami nusyuz. Tidak sebagaimana penderaan fizikal yang jelas memberi kesan ke atas tubuh badan, namun kezaliman ini berbentuk pengabaian emosi dalaman isteri secara keterlaluan sehingga memudaratkan perhubungan. Misalnya memboikot isteri dengan berdiam diri, melafazkan kata-kata kesat, membuka keaiban, bersangka buruk dan menolak tidur bersama antara perbuatan yang ditegah (Salih al-Ghanim, 1996).

Pengabaian Pendidikan Agama. Tanggungjawab suami kepada pasangan bukan sahaja sebagai pemimpin dan pelindung, malah menjadi faktor ketenteraman, kedamaian dan kebahagiaan kepada konsep *sakinah* sebagaimana dituntut agama (Azahari & Jaapar, 2011). Sehubungan dengan itu, salah satu hak terbesar isteri kepada suami adalah wajib mendapatkan pengetahuan dalam konteks keagamaan. Firman Allah ‘Azza wa jalla:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قُوٓاْ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَٰٓئِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

(Surah al-Tahrim: 6)

Yang bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.

Menurut Al-Syaukani (2007) ingatan di atas membawa mesej kepada suami untuk melakukan apa yang diwajibkan oleh syariat dan meninggalkan apa yang terlarang sama sekali khususnya aspek didikan ilmu. Menurut Rashid (2023), pengamatan dalam nilai agama yang tinggi merupakan kunci utama kebahagiaan pasangan. Tanpa didikan yang berterusan akhirnya membawa realiti kezaliman suami terhadap isteri iaitu ketidaktaatan dalam hubungan (Musthapar, Azahari & Ahmad (2020). Amini (2007) menjelaskan dalam konteks seorang isteri untuk mempelajari ilmu agama yang bersifat

kefarduan baginya adalah dibolehkan mempelajari sama ada secara bersemuka, menghadiri wacana ilmiah mahupun menyertai program-program keagamaan. Sekiranya kefahaman agama isteri pada peringkat yang baik pada asasnya, maka tiada kewajiban baginya meneruskan pengajian selagi mana kemampuan suami lebih baik. Pada masa yang sama amat dituntut suami lebih berusaha mempelajari pengajian agama berterusan dengan mendampingi para asatizah dalam permasalahan hukum dari masa ke masa (Sayyid Sabbiq: *t.t*)

Oleh demikian, asas-asas yang telah dibincangkan berikut bukanlah suatu yang baharu kepada dunia perbendaharaan hukum Islam. Dalilnya telah dirakamkan secara jelas dalam tuntasan karya para ulama'. Namun begitu, naratif masyarakat sedikit terbatas kepada polemik rumah tangga lantaran persepsi "isteri nusyuz" tidak mudah padam malah telah berjaya menguasai pemikiran umat khususnya di Malaysia. Jelas antara medium yang sangat wajar untuk mengembalikan disiplin ilmu yang kian pudar adalah melalui penambahbaikan kurikulum kursus praperkahwinan. Usaha ini mampu memberikan ilmu yang lebih eksklusif dalam mempengaruhi pasangan ke arah watak yang dituntut oleh Islam sebagai suami mahupun isteri yang lebih berhikmah.

Modul Bersepadu Praperkahwinan Islam (MBPKI)

Digubal pada tahun 1996 dan diwajibkan pelaksanaannya pada tahun berikutnya. Telah melalui siri penambahbaikan sebanyak tiga kali sehingga versi terakhir pada 2012. Beberapa input baharu berasaskan maklumat lebih interaktif, ilustrasi foto, video serta elemen-elemen dokumentari. Modul ini merupakan antara usaha awal oleh Kerajaan Malaysia bagi pelarasan setiap negeri bawah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bersama pihak JAKIM bagi menyediakan platform ilmu rumah tangga kepada pasangan bakal berkahwin. Pada tahun 2016 satu garis panduan pelaksanaan kursus berasaskan MBPKI bagi pemusatan yang lebih cekap kepada pemegang taruh dalam penganjuran kursus dalam dan luar negara. Garis panduan ini turut meletakkan sasaran disemak setiap lima (5) tahun sekali. Walau bagaimanapun sehingga hari ini masih tiada modul semakan terkini dikeluarkan.

Bagi menyempurnakan kursus ini pasangan perlu mempelajari 11 subtopik berkaitan ilmu kekeluargaan Islam merangkumi 13 jam mata kredit selama tempoh dua (2) hari berkursus. Jika diperincikan semua subtopik akan dilaksanakan sekitar satu hingga dua jam sahaja bagi setiap slot. Penetapan had jam adalah baik namun harus realistik kepada konteks pendedahan nilai dan keberkesanan ilmu kepada para peserta Khususnya topik nusyuz merupakan antara topik yang seharusnya diwacanakan dengan penuh ilmiah dan komprehensif kepada peserta tanpa mengira latar belakang akademik.

Hal ini berikutan majoriti faktor awal konflik rumah tangga adalah disebabkan pengurangan tanggungjawab antara pasangan. Maka tajuk nusyuz harus diberi peranan lebih utama kepada peserta. Hakikatnya ramai pasangan kurang terkesan dan didedahkan dengan ilmu yang tidak lengkap dengan penganjuran kursus yang kurang efektif dalam aspek pengisian dan bahan kursus (*outdated*). Meneliti garis panduan pelaksanaan, penyusunan tajuk-tajuk harus distruktur semula terutamanya judul isu-isu pembubaran perkahwinan agar langkah-langkah membendung faktor perceraian pasangan muda dapat ditangani dengan lebih berkesan melalui kefahaman asas-asas pensabitan nusyuz mengikut acuan hukum Islam kontemporari.



Rajah 1. Pensabitan Asas-asas Suami Nusyuz dalam Konteks Perkahwinan

Rumusan

Asas pensabitan nusyuz disebutkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah sebagai bukti Islam amat cakna dalam kerukunan rumah tangga. Kriteria asas pensabitan seperti dibahaskan boleh diukur menerusi kesempurnaan tanggungjawab dan peranan oleh pasangan. Sedia maklum suami dan isteri harus jelas keberkesanan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam institusi kekeluargaan. Seandainya nyata salah seorang mengurangi hak-hak pasangannya maka hukuman berbentuk didikan (*ta'dib*) dituntut agar meraih kembali elemen ketaatan. Peranan ini sudah tentunya disokong melalui pendedahan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBPKI). Melihat statistik perceraian mutakhir ini semakin membimbangkan bagi pasangan muda, setiap individu dan masyarakat hendaklah mempunyai kesedaran yang tinggi dan memainkan peranan penting bagi mengekalkan pembinaan generasi kekeluargaan Islam yang berkualiti dengan kefahaman konsep nusyuz sebagai titik sempadan.

Perakuan

Penyelidik merakamkan setinggi penghargaan kepada Kolej Komuniti Semporna khususnya Unit Penyelidikan Inovasi dan Komersialan (UPIK) bagi kelulusan menjalankan penyelidikan bagi penerbitan ini. Diharapkan dapatan kajian memberi impak positif kepada amalan di agensi berkaitan seterusnya menjadi nilai tambah asas (*fundamental added value*) pembelajaran dan pengajaran (PdP) di institusi.

Rujukan

Aziz, A. R. B. A. (2023). Penerokaan nilai agama berasaskan maqasid syariah dalam meningkatkan kebahagiaan keluarga. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities 8(1)*, 1-24 https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2165

Aswat, H., & Rahman, A. (2021). Kewajiban suami memberi nafkah dalam kompilasi hukum islam. *Jurnal al-Iqtishod*, *5*(1), 16-27.

Dawadi, S. (2021). *Thematic analysis approach*: *a step by step guide for elt research practitioners. Journal of NELTA*, *25*(1-2), 62-71.

Fadzilah Kamsah & Abdullah Hassan (2004), Menjalin hubungan bahagia. Pahang: Pts Publications & Distributions

Garis panduan pelaksanaan kursus praperkahwinan islam berdasarkan modul bersepadu kursus praperkahwinan islam (2016), Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Harris, K. M. A., & Muhtar, A. (2019). Konsep kesetaraan gender menurut perspektif islam dan barat: *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, *21*(2), 33-74.

Harun, H., & Ali, H. M. (2021). Peranan bapa dalam pembentukan keluarga sejahtera: Analisa isu-isu dan cabaran di era digital online. *Journal of Research in Islamic Studies*, *8*(2), 57-66.

Hashim, N. M., & Kusrin, Z. M. (2023). Nafkah isteri dalam perkahwinan: Sorotan pandangan fuqaha terdahulu. *al-qanatir: International Journal of Islamic Studies*, *31*(2), 45-53.

Hasanah Che Ismail, Panduan membentuk istana bahagia. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Hardsen July Imanuel Najoan, Pola komunikasi suami isteri dalam menjaga keharmonian keluarga, *Journal Acta Diurna*, *4*(4) (2015), 1-8

Hoesni, S. M., Manap, J., & Zakaria, S. M. (2020). Kebimbangan berkomunikasi dengan pasangan dan kepuasan perkahwinan dalam kalangan individu melayu yang berkahwin di lembah klang, malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, *34*(2), 218-226.

Musthapar, N. F., & Ahmad, B. (2022). Isu-isu perhubungan suami isteri dalam keluarga islam di malaysia: Analisis Literatur. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN:2600-9080)*, *5*(1), 98-113.

Musthapar, N. F., Azahari, R. H., & Ahmad, B. (2020). SakĪnah, mawaddah dan raḥmah dalam perhubungan suami isteri: Analisis literatur. *Jurnal Syariah*, *28*(1), 81-104.

Rahman, Ghazali Abd. *Memasuki gerbang perkahwinan*, Edisi ke-2, JAKIM, 2000

Examining the Role of Peer Support in Enhancing Student Learning in Polytechnic Institutions: A Comprehensive Analysis of Student Perceptions

Ying-Leh Ling[1, a] and Gracia Ting Ing Ee[2, b]

[1]Politeknik Kuching Sarawak, Sarawak, Malaysia

[2]Wawasan Open University, Penang, Malaysia

[a]drylling@poliku.edu.my, [b]drlingyingleh@gmail.com

Abstract. This research delves into students' perceptions of peer support within the polytechnic education, encompassing diverse dimensions such as informational, emotional, instructional, confirmation/feedback, and overall peer assistance. The primary objective is to comprehensively gauge how peer support influences student learning in polytechnic institutions. Employing a quantitative design, the study utilized a Google Form questionnaire with two main sections: the respondent's profile and five facets of peer support. A total of 70 randomly selected participants contributed to the study. The analysis revealed that instructional support garnered the highest mean score, underscoring the pivotal role of peer support in empowering students towards favorable educational outcomes. These findings imply the significance of further exploration into the intricate relationship between various facets of peer support and the enhancement of students' learning experiences, particularly within the realm of polytechnics.

Keywords: Peer support; Informational support; Emotional support; Instructional support; Companionship support.

Introduction

Problem Statement. Peers wield undeniable influence in higher education, aligning with Crisp, Rickwood, Martin, and Bryom's (2020) perspective that a peer support center is crucial in constituting a valuable facet of mental health support services on campus. This, in turn, positively impacts students by enhancing resilience, confidence, and overall mental well-being. Indirectly, peer support programs empower students and create opportunities for engagement, fostering a safe and inclusive learning environment. Consequently, this contributes to positive youth development and nurtures a healthier school culture.

In higher education institutions, peer support plays a vital role in guiding students through their university journey, particularly in addressing mental health challenges. It is emerging as a valuable complement to professional services, aiding students in identifying and addressing their struggles while bridging the gap for those hesitant to seek professional help. However, research by Brar, Ryu, Shaikh, Altman, and Ng (2012) during the years 2005-2007 revealed a significant prevalence of students facing enduring mental health problems. Unfortunately, less than half of these students received effective treatment within two years. Has peer support lost its potential to foster a healthy learning culture? In light of this, the researchers aim to scrutinize the extent to which peer support can strengthen student learning in a polytechnic context.

Methodology

Research Design. This study adopts a quantitative research design, employing numerical representation and manipulation of observations to describe and elucidate underlying phenomena. Quantitative research finds widespread application across diverse natural and social sciences, encompassing fields such as physics, biology, psychology, sociology, and geology. Rooted in empirical methods and statements, as delineated by Cohen, Lewis, Swanson, and Hebert (1980), it offers descriptive insights into real-world situations, moving beyond idealized scenarios. As outlined

by Creswell (1994), quantitative research is distinguished by its collection of numerical data and subsequent analysis through mathematical techniques, providing a valuable approach to comprehending complex phenomena.

Population and Sampling. The population, in this context, encompasses the entire unit or object with the relevant characteristics under study, representing a group to which research findings can be generalized. For this study, the population consists of students aged 18 years and above who are pursuing diploma studies at a polytechnic. A group of such students was randomly selected as study respondents. The concept of a sample is introduced as a subset of the population that provides insights into the whole. It is emphasized that an ideal sample should be proportional, encompassing all characteristics of the population and selected fairly.

In this study, Semester 3 students are given priority due to their ability to understand and identify the best option based on their experiences at the polytechnic. Consequently, a total of 90 Semester 3 students voluntarily registered as respondents for the study. Utilizing the Table for Determining Sample Size (Krejcie & Morgan, 1970), 70 of them will be identified through a simple random sampling method. This method is employed to ensure that each individual has an equal opportunity for selection (Sharma, 2017).

Research Instrument. The researcher employed a questionnaire as the research instrument, utilizing Google Forms for data collection. The questionnaire comprised two distinct parts: Part 1 gathered demographic information about the respondents, including gender and academic program, while Part 2 focused on peer support. Part 2 consisted of twenty-two items categorized into five dimensions: emotional support (5 items), instrumental support (4 items), informational support (3 items), peer support (4 items), and validation (6 items). This instrument was adapted from the Peer Support Questionnaire (PSQ), developed and validated by Mahnaz and Hedieh (2021). Each item utilized a six-point Likert Scale, ranging from (1) Strongly Disagree to (6) Strongly Agree, facilitating a comprehensive assessment of students' perceptions regarding peer support in their learning experience.

Pilot Test. A pilot study refers to a quantitative investigation of a small sample conducted before a large-scale study or clinical trial (Connelly, 2008). It uses similar methods and procedures for the larger study it is intended for, providing important data to justify and guide subsequent research efforts. Unlike purely exploratory studies, pilot studies play an important role in anticipating and mitigating unexpected challenges in collecting patient data in a dynamic clinical environment. This preliminary research serves to test the reliability of the results, such as Cronbach's Alpha coefficient, with this study showing a high-reliability score of .95 based on responses from 40 participants involved in the pilot study.

Research Findings

Descriptive Findings. The study's findings illuminate that within the assessment of informational support, Item 5 emerges prominently with the highest mean score of 4.58. This signifies that peer support plays a significant role in fostering a culture of enriching knowledge-sharing. This observation resonates with Japanese educational practices, where there is a strong emphasis on cultivating robust student relationships and early collaborative group work, contributing to a well-established peer support system (James, Cowie, & Toda, 2013). In Japanese preschool settings, the positive influence of peer support is evident as students who misbehave are encouraged to emulate the well-behaved majority group. Closely following, Item 1 records the second-highest mean score at 4.49, underscoring that peer support contributes to elevated knowledge levels and improved academic performance among students. While researchers may employ diverse terms to characterize student-student teaching within the broader concept of peer support, its core purpose remains consistent: pairing less experienced students with successful peers to enhance academic performance without burdening teachers unduly. Conversely, Item 4 presents the lowest mean score for

informational support at 3.97, suggesting that peer support may not universally propel students toward pursuing further studies and achieving their educational goals. Individual opinions and plans regarding higher education may vary among students, highlighting the nuanced nature of the impact of peer support in this context.

In emotional support, Item 2 leads with the highest mean score (4.58), indicating that classmates' assistance reduces academic-related anxiety. This connection between emotional support and academic performance is grounded in the idea that a student's success is linked to peer dynamics, fostering intellectual stimulation or motivation based on self-awareness and independence (Filade Bello, Uwaoma, Anwanane, & Nwangburuka, 2019). Peer influence positively impacts academic achievement. Following closely, Item 1 scores the second-highest mean (4.57), emphasizing that peer support boosts students' classroom self-confidence, providing fresh perspectives and enriching their learning experience. However, Item 4 records the lowest mean score (4.30), indicating peers contribute less to emotional security in learning. Peer emotional support, associated with positive academic and social outcomes, fosters school belonging, counters loneliness, and promotes overall well-being. Studying how peers promote school belonging is crucial, especially in ethnically diverse urban schools at the middle school level.

In terms of instructional support, Item 2 stands out with an impressive mean score of 4.64, highlighting how classmates play a key role in offering practical assistance that empowers learners to attain favorable educational outcomes. This aligns with the implementation of peer support systems in schools, as discussed by Visser (2005), within the framework of Bronfenbrenner's system theory, recognizing the multi-level interactions between micro, exo, and macro levels of the educational system. Establishing an effective peer support system, as outlined by Sarason (1996), necessitates simultaneous changes across various domains and levels of the educational system and the broader community.

Closely following, Item 3 secures the second-highest mean score at 4.54, highlighting that peer advice enhances students' preparedness to employ effective learning strategies. These strategies, per Chamot (2004), involve conscious actions aligned with learning goals, encompassing an understanding of task requirements and metacognitive knowledge. While often unobservable, they manifest in behaviors like selectively focusing on main ideas and taking notes to aid memory during a newscast.

Conversely, Item 1 records the lowest mean score at 4.42, indicating that peer classmates' contributions to improving attention toward learning materials may be less pronounced. Sarason's (1996) concept of establishing an effective peer support system as a psychological intervention underscores the complexity, requiring comprehensive changes across various domains and levels within the educational system and the community, as emphasized by Visser (2005). Bateson (1979) further highlights the impact of actions at different levels, illustrating how school organization-level actions can influence sub-systems like teacher-student interactions within schools.

In the realm of validation and feedback, Item 1 takes the lead with a mean score of 4.55, highlighting how peer feedback fosters student cooperation, and creates a positive learning environment. This is exemplified by Japanese educational practices where teachers encourage students to form close-knit groups, promoting collaborative activities such as learning, dining, cleaning, and project completion (James et al., 2013). Consequently, peer support systems in Japan align with their cultural values.

Table 1. Descriptive findings on dimensions of peer support (N=74)

No.	Item	Likert Scale						Mean	S.D.
		1	2	3	4	5	6		
Dimension: Informational Support									
1	Peer support enhances my level of knowledge and academic performance.	4 5.4	4 5.4	11 14.9	12 16.2	19 25.7	24 32.4	4.49	1.483
2	Peer support makes me actively engaged in my studies.	3 4.1	5 6.8	7 9.5	24 32.4	19 25.7	16 25.7	4.34	1.327

3	When I receive peer support, I am equipped with the required knowledge to overcome academic challenges.	2 2.7	7 9.5	7 9.5	25 33.8	17 23.0	16 21.6	4.30	1.321
4	With the support of my peers, I am more likely to pursue further studies and achieve educational goals.	5 6.8	12 16.2	8 10.8	18 24.3	17 23.0	14 18.9	3.97	1.544
5	Peer support can enrich a knowledge-sharing culture.	4 5.4	5 6.8	3 4.1	14 18.9	28 37.8	20 27.0	4.58	1.395
Dimension: Emotional Support									
1	Peer support can increase my self-confidence in the classroom.	2 2.7	5 6.8	5 6.8	17 23.0	27 36.5	18 24.3	4.57	1.272
2	With the help of my classmates, I feel less anxious about my academic performance.	2 2.7	7 9.5	3 4.1	18 24.3	23 31.1	21 28.4	4.58	1.346
3	With my peer support, my self-esteem increased.	2 2.7	5 6.8	12 16.2	17 23.0	24 32.4	14 18.9	4.32	1/294
4	My peers help me develop emotional security in learning.	3 4.1	3 4.1	8 10.8	28 37.8	19 25.7	13 17.6	4.30	1.236
Dimension: Instructional Support									
1	My peer classmates offer resources which improve my attention to the available learning materials.	4 5.4	3 4.1	6 8.1	24 32.4	19 25.7	18 24.3	4.42	1.345
2	My classmates mostly offer practical help which empowers me to obtain desirable educational outcomes.	2 2.7	3 4.1	6 8.1	18 24.3	25 33.8	20 27.0	4.64	1.234
3	When I am provided with my peers' advice, I become more prepared to use learning strategies.	2 2.7	7 9.5	3 4.1	15 20.3	31 41.9	16 21.6	4.54	1.295
Dimension: Validation/Feedback									
1	Peer feedback encourages student cooperation to establish a positive learning atmosphere.	1 1.4	6 8.1	5 6.8	16 21.6	31 41.9	15 20.3	4.55	1.207
2	Peer feedback promotes and accelerates learning. Peer feedback enhances students' critical thinking.	4 5.4	3 4.1	6 8.1	16 21.6	27 36.5	18 24.3	4.53	1.347
3	Peer support fosters a relationship of mutual learning.	4 5.4	4 5.4	5 6.8	16 21.6	25 33.8	20 27.0	4.54	1.387
4.		5 6.8	10 13.5	10 13.5	20 27.0	15 20.3	14 18.9	3.97	1.508
Dimension: Companionship Support									
1	Peer support enhances my sense of belongingness in a learning community.	5 6.8	6 8.1	4 5.4	18 24.3	23 31.1	18 24.3	4.38	1.478
2	Peer support establishes a relationship based on trust and respect.	4 5.4	3 4.1	4 5.4	18 24.3	27 36.5	18 24.3	4.55	1.323
3	My classmate's friendship increases my chance of being accepted by others.	5 6.8	3 4.1	1 1.4	21 28.4	26 35.1	18 24.3	4.54	1.357
4.	My peer support could create an intimate relationship with other classmates based on educational equality.	4 5.4	5 6.8	6 8.1	21 28.4	21 28.4	17 23.0	4.37	1.391
5.	Peer support can develop my academic identity.	10 13.5	5 6.8	6 8.1	21 28.4	16 21.6	16 21.6	4.03	1.638
6.	Peer support creates more positive attitudes towards my academic field of study and appreciation of the university environment.	9 12.2	5 6.8	8 10.8	15 20.3	21 28.4	26 21.6	4.11	1.627

Note:
Likert scale: 1-Strongly disagree, 2-Disagree, 3-Less disagree, 4-Less agree, 5-Agree, 6-Strongly agree.
S.D.: Standard deviation

Item 3, securing the second-highest mean at 4.54, highlights how peer feedback fosters critical thinking and cooperative learning, promoting motivation and deeper understanding. Peer assessment is recognized for positively impacting higher-order thinking and active learning. Conversely, Item 4 records the lowest mean score at 3.97, suggesting that despite various strategies and peer mentoring programs, peer support may not significantly foster mutual learning relationships in secondary schools. Integrating peer support systems into broader policies for students' emotional well-being requires a crucial role from school staff. On the other hand, Item 2, with the highest mean score of 4.55, underscores that peer companionship builds trust and respect, leading to enhanced student engagement, academic outcomes, and a positive learning environment.

Moving to another aspect, Item 3, with a mean score of 4.54, emphasizes the significance of classmates' friendships in enhancing acceptance, particularly in peer support systems aimed at

bolstering emotional well-being in classrooms. Proven effective in promoting safety and reducing bullying, common strategies like buddying, reconciliation, and befriending are prevalent in Western elementary schools, while secondary schools prefer mentoring, friendship, and mediation, often incorporating extra peer support activities. In contrast, Item 5, with the lowest mean score of 4.03, suggests that peer support may have a limited role in shaping students' academic identity, distinct from traditional peer-to-peer learning (Devenish, Dyer, Jefferson, Lord, van Leeuwen, & Fazakerley, 2009). This implies that it may not significantly contribute to students' academic self-concept and sense of belonging within the academic community.

Future Recommendations and Conclusion

Future Recommendations. In this research study, two pivotal areas requiring attention are sampling recommendations and population details. Presently, the research process lacks essential information, hindering its depth and precision. To address this, gathering more specific data from respondents—such as their institution, program affiliations, and age—is crucial. This additional granularity promises to significantly enrich the research, ensuring a comprehensive and precise study. Additionally, broadening our understanding by consulting diverse research articles from reputable sources will enhance the robustness and well-rounded nature of our research study.

Conclusion. In summary, this study acts as a preliminary exploration into the five dimensions of peer support: instructional, emotional, informational, validation/feedback, and companionship support. The insights gleaned underscore the imperative for researchers to delve further into the intricate relationship between peer support and variables like academic adjustment among students. This underscores the significance of conducting more comprehensive studies in this domain to acquire a profound understanding of how peer support resonates across diverse facets of the student experience.

References

Bateson, G. (1979). Mind and nature: A necessary unity. New York: Bantam.

Brar, I. K., Ryu, J. E., Shaikh, K., Altman, A., & Ng, J. (2012). University campus peer support centres: Benefits for student emotional and mental well-being. *McMaster Undergraduate Health Science Journal*, *1*(21), 15-18.

Chamot, A. U., (2004). Issues in language learning strategy research and teaching. *Electronic Journal of Foreign Language Teaching. 1*(1), 14-26.

Cohen, J. M., Lewis, D. B., Swanson, J. C., & Hebert, M. (1980). *Research design.* Rural Development Committee, Yemen Research Program, Center for International Studies, Cornell University.

Conelly, L. M. (2008). Pilot studies. *Medsurg Nursing*, *17*(6), 411.

Creswell, J. W. (1994). *Research design: Qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.

Crisp, D., Rickwood, D., Martin, B., & Byrom, N. (2020). Implementing a peer support program for improving university student wellbeing: The experience of program facilitators. *Australian Journal of Education*, 1-14. https://doi.org/10.1177/0004944120910498

Devenish, R., Dyer, S., Jefferson, T., Lord, L., van Leeuwen, S., & Fazakerley, V. (2009). Peer to peer support: The disappearing work in the doctoral student experience. *Higher Education Research and Development*, *28*(1), 59-70.

Filade, B. A., Bello, A. A., Uwaoma, C. O., Anwanane, B. B., & Nwangburka, K. Peer support influence on academic performance of undergraduate students in Babcock University, Ogun State. *African Educational Research Journal, 7*(2), 81-87.

James, A., Cowie, H., & Toda, Y. (2013). *Peer Support. Prevention education in the world*, 147-156.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, *30*, 607-610.

Mahnaz Mostafaci Alaei & Hedieh Hosseinnezhad. (2021). The development and validation of peer support questionnaire (PSQ). *Journal of Teaching Language Skills*, *39*(3.2), 67-109.

Sarason, S. B. (1996). Revisiting 'The culture of the school and the problem of change'. New York: Teachers College Press, Columbia University

Sharma, G. (2017). Pros and cons of different sampling techniques. *International Journal of Applied Research 2017*, *3*(7), 749-752.

Visser, M., (2005). Implementing peer support in secondary schools: facing the challenges. *South African Journal of Education*, *25*(3), 148-155.

Keberkesanan Pengurusan Acara Program VISCOM Show di Luar Kampus Terhadap Pelajar Politeknik METrO Tasek Gelugor

Azizah binti Siron [1, a] and Dr. Beh Cheng Siew [2, b]

[1] **Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik METrO Tasek Gelugor**

No. 25, Jalan Komersial 2, Pusat Komersial Tasek Gelugor, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang

[a] azizah_siron@pmtg.edu.my, [b] csbeh@pmtg.edu.my

Abstrak. Politeknik Malaysia yang menjalankan Program Diploma Komunikasi Visual di Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual (JRKV) akan mengadakan VISCOM Show pada setiap semester. Pelajar akan membentang dan mempamerkan hasil karya kreatif dan inovatif mereka, pada masa yang sama, karya ini akan dinilai oleh pihak industri dan/atau pihak akademik luar bagi mengukur kualiti dan kreativiti pelajar. Sebelum ini program VISCOM Show diadakan di dalam kampus PMTG. Oleh itu terdapat beberapa kekangan terhadap perancangan dan pelaksanaan program ini seperti tempat dan ruang yang terhad, pertindihan aktiviti pelajar dan kandungan program yang terhad. Oleh itu perkara ini menjadi masalah yang mendorong kepada penghasilan penulisan ini. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk melihat keberkesanan program VISCOM Show yang diadakan di premis di luar kampus PMTG. Pensyarah kursus telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program VISCOM Show Sesi II 2022/2023 di Setia Fontaines, Kepala Batas. Tujuannya adalah bagi meningkatkan kemahiran pengurusan acara dan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar. Semasa VISCOM Show sesi I 2022/2023 satu soal selidik mengenai keberkesanan pelaksanaan VISCOM Show turut diadakan. Maklum balas daripada pelajar dan cadangan mengenai lokasi penganjuran telah diambil perhatian oleh pensyarah kursus dan dijadikan punca kuasa dalam menghasilkan kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan Program VISCOM Show Sesi II 2022/2023 terhadap pelajar Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG). Metadologi kajian adalah berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah soal selidik dengan skala likert dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif. Sangat Tidak Setuju (1) hingga Sangat Setuju (5) dengan 90 responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar sangat bersetuju bahawa objektif program VISCOM Show tercapai di mana kandungan dan aktiviti program serta lokasi pelajar adalah sesuai. Peningkatan terhadap keyakinan diri, komunikasi dan kemahiran pengurusan pelajar juga meningkat selepas penganjuran program ini. Kesimpulannya program VISCOM Show yang diadakan di luar kampus ini adalah berjaya, bermanfaat dan memberi dimensi baharu terhadap pelajar bagi kursus DVV5013-Event Management. Walaupun hasil kajian menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi namun setiap halangan yang dihadapi oleh pelajar sepanjang menguruskan acara ini seperti dokumentasi, pengurusan tempat, protokol, teknikal dan pengurusan masa perlu diambil perhatian dan cadangan penulis adalah pada masa hadapan kualiti pengurusan acara boleh dipertingkatkan melalui rujukan manual pengurusan acara VISCOM berkesan sebagai panduan kepada para pelajar.

Kata kunci: Pengurusan acara; Keberkesanan pengurusan acara; Lokasi pengurusan acara

Pengenalan

Pengurusan Acara merupakan kursus bawah program Pengajian Video dan Filem (DVV) yang akan diikuti oleh pelajar semester 3. Antara hasil kursus (Course Outcome) DVV5013-Event Management yang perlu dicapai oleh pelajar ialah mempersembahkan kemahiran kepimpinan berkesan dan kemahiran kerja berpasukan di samping mengaplikasikan ciri-ciri keusahawanan dengan kemahiran pengurusan dan pembangunan berkaitan perniagaan dalam bidang video dan produksi. Melalui kursus Event Management ini pelajar merancang penganjuran dan pengurusan sesuatu acara, sama ada kecil atau besar, ia memerlukan perancangan yang teliti agar dapat berjalan dengan lancar. [1] Kelancaran dan kejayaan menguruskan majlis dengan baik bergantung kepada kepimpinan yang cekap, sikap bekerjasama, daya kreativiti, inovasi dan semangat kerja berpasukan semua yang terlibat. Berdasarkan kepada penyataan Mohd Noorizzuddin [2] penganjur acara perlu prohatin terhadap keperluan pengunjung bermula dari tempat letak kereta, pemandu arah, kemudahan khas dan kemudahan yang dapat memberi kemudahan kepada pengunjung, Justeru pemilihan lokasi sesebuah tempat adalah penting sebelum sesuatu acara dilaksanakan. Menurut Samsudin & Nor Azila, [3] pengurusan acara menjadi semakin penting apabila menjadi satu kemahiran yang diukur dalam sistem pendidikan formal. Kemahiran insaniah juga termasuk di dalam aspek penting pengurusan acara bagi membantu mahasiswa menganjurkan majlis yang akan dianjurkan. Oliver, Bettina & Peter [4] mengatakan pengurusan acara menjadi semakin penting bagi sesebuah institusi sebagai instrumen komunikasi pemasaran. Pengurusan acara merangkumi tugas disiplin, dan perlu kajian kepuasan pengunjung/respons. Perancangan awal yang teliti dan pelaksanaan yang tepat adalah sangat penting untuk sesebuah pengurusan acara. Lynn & Lauren [5] menyatakan lokasi yang menawarkan ruang untuk aktiviti dalaman dan luaran memberi kelebihan kepada peganjur dalam kepuasan pengunjung, perlu juga pertimbangan perkhidmatan katering, logistik, kebersihan dan keselamatan diberi keutamaan sebelum pemilihan sesuatu tempat sebelum merancang acara atau program. [6] William J. memberi saranan mengenai perancangan projek/ Project Planning Casade meliputi aspek definisi projek, skop tugas, atur cara tadbir/penstrukturan, analisis tugasan dan tanggungjawab dan senarai semak, sebagai langkah dalam merancang acara.

Jesteru itu Program VISCOM Show bagi Sesi II 2022/2023 telah dilaksanakan di luar kampus PMTG selepas mendapat maklum balas daripada pelajar Sesi I 2022/2023 agar pengajuran VISCOM diadakan di tempat yang lebih kondusif seterusnya memberi pengetahuan dan pengalaman baharu kepada pelajar semasa persiapan penganjuran program ini. Objektif penganjuran VISCOM Show di peringkat komuniti ini ialah: meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan pelajar semasa fasa persiapan, memberi pengalaman pengurusan dan pengoperasian acara semasa persiapan dan penganjuran dengan skala yang lebih besar dengan jumlah pengunjung yang lebih ramai dan meluaskan jaringan kolaborasi antara institusi PMTG dengan pihak luar (Setia Fontainers). Satu kajian telah diadakan bagi mengenal pasti tahap keberkesanan program VISCOM Show bagi Sesi II 2022/2023 yang telah dianjurkan oleh pelajar semester 3 program DDV, PMTG. Objektif utama kajian ini ialah bagi mendapatkan maklumat secara langsung daripada peserta program berkaitan tahap keberkesanan penganjuran program ini di luar kampus ke atas pelajar dan pengunjung. Responden VISCOM Show Sesi I 2022/2023 telah memberi komen dan cadangan seperti Gambarajah 1 sehingga tercetusnya idea penganjuran VISCOM Show di luar kampus pada Sesi II 2022/2023 dapat direalisasikan. Komen dan cadangan responden semasa VISCOM Show Sesi I 2022/2023 adalah seperti di Gambarajah 1.



Gambarajah 1. Rumusan Responden VISCOM Show Sesi I 2022/2023

Metadologi

Kajian yang dijalankan adalah secara kuantitatif iaitu menggunakan borang soal selidik secara atas talian sebagai kaedah pengumpulan data. Sampel soalan kajian adalah menggunakan kertas kajian Suhaila & Suliati (2022). Bilangan soalan terdiri daripada dua bahagian soalan dengan jumlah soalan sebanyak 11 soalan berbentuk soalan tertutup. Responden kajian ini adalah seramai orang 45 pelajar, 20 orang pensyarah dan 25 pelawat/pengunjung yang terlibat semasa penganjuran VISCOM Show. Jumlah keseluruhan responden ialah 90 orang. Borang soal selidik dengan skala likert "Sangat Tidak Setuju" (1) hingga "Sangat Setuju" (5) diedarkan kepada pelajar bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian. Soal selidik yang diedarkan terdiri daripada 2 konstruk iaitu penilaian program dan penilaian keberkesanan program. Respon yang diambil digabungkan bagi memudahkan analisis data di mana jawapan bagi penyataan "Sangat Setuju" digabungkan dengan "Setuju" bagi mendapatkan satu respons positif iaitu setuju, manakala skala likert respons "Sangat Tidak Setuju" dan "Tidak Setuju" menunjukkan pendapat yang negatif dan tidak berkesan terhadap pelaksanaan penganjuran ini di luar kampus. Hasil dapatan kajian akan diterangkan menggunakan statistik deskriptif (peratusan).

Dapatan Kajian

Hasil analisis soal selidik responden bagi konstruk pelaksanaan program menunjukkan bahawa responden bersetuju (83.3%) menyatakan bahawa pemilihan lokasi penganjuran dan fasiliti yang disediakan sepanjang VISCOM Show ini adalah bersesuaian. Sebanyak 63.9% responden menyatakan kandungan program yang dilaksanakan semasa program adalah lancar dan tersusun. Bagi item 'Masa yang diperuntukkan untuk semua aktiviti program semasa VISCOM Show PMTG 2023 adalah bersesuaian' sebanyak 75%. Peratusan 'Sangat Setuju' bagi item 'Pameran dan produk projek pelajar yang dipamerkan sempena VISCOM Show PMTG 2023 kali ini' ialah sebanyak 88%. Responden juga memberi respons 'Sangat Setuju' bagi item 'Kualiti makanan dan minuman yang disediakan sepanjang program ini iaitu 58.3%.

Jadual 1: Keputusan konstruk penilaian program

Bil	Konstruk	Setuju & Sangat Setuju
1	Program VISCOM Show Sesi II 2022/2023 yang dilaksanakan hari ini tersusun dan lancar.	63.9%
2	Masa yang diperuntukkan untuk semua aktiviti VISCOM Show Sesi II 2022/2023 adalah bersesuaian.	75%
3	Fasiliti yang disediakan di lokasi program VISCOM Show Sesi II 2022/2023 adalah bersesuaian.	83.3%
4	Makanan dan minuman yang disediakan sepanjang program ini adalah baik.	58.3%
5	Pameran dan produk projek pelajar yang dipamerkan sempena VISCOM Show Sesi II 2022/2023 adalah baik.	88.9%

Jadual 2: Keputusan konstruk penilaian keberkesanan program

Bil	Konstruk	Ya	
1	Saya pernah menyertai program/aktiviti anjuran PMTG:	94.4%	
2	Saya berpendapat penganjuran VISCOM Show di luar kampus memberi banyak kelebihan kepada pelajar PMTG.	91.2%	
		Setuju	Sangat Setuju
1	Saya mengikuti program kerana kemahuan saya sendiri.	30%	40%
2	Saya berpeluang melawat semua booth pameran hari ini.	52%	36%
3	Pengurusan program hari ini mengikut tentatif yang telah dirancang.	26%	65%
4	Maklumat mengenai program ini diketahui melalui sosial media rasmi PMTG.	40%	50%
5	Saya jelas dengan kandungan dan aktiviti program hari ini.	36%	57%

Berdasarkan jadual 2, kajian mendapati majoriti responden pernah menyertai program yang telah dianjurkan oleh PMTG. Keputusan responden juga adalah positif terhadap item penganjuran VISCOM Show di luar kampus memberi banyak kelebihan kepada pelajar PMTG sebanyak 91.2%. Kajian juga mendapati respondan mengikuti program atas kemahuan saya sendiri sebanyak 70%. 88% responden menyatakan mereka berpeluang melawat semua *booth* pameran semasa program VISCOM Show Sesi II 2022/2023 berlangsung. Responden juga bersetuju (91%) Pengurusan program VISCOM Show mengikut tentatif yang telah dirancang. 90% Responden mendapat maklumat mengenai hebahan berkenaan program VISCOM Show melalui sosial media rasmi institusi dan 93% responden 'bersetuju' jelas dengan kandungan dan aktiviti program VISCOM Show yang diadakan. Ini menunjukkan bahawa penganjuran program VISCOM Show di luar kampus memberi maklum balas yang positif dan memberi impak yang baik terhadap kemahiran softskills pelajar sekaligus objektif pelaksanaan program ini telah tercapai.

Tinjauan turut dijalankan terhadap cadangan bagi tujuan penambahbaikan untuk penganjuran VISCOM Show bagi sesi seterusnya. 43% responden menyatakan aktiviti yang dijalankan sepanjang VISCOM Show Sesi II 2022/2023 adalah menarik. 29% responden mencadangkan untuk menambah bilangan aktiviti dan hadiah. 14% responden mencadangkan lokasi dan ruang yang lebih besar dan 14% mencadangkan agar diadakan *live stream* di media sosial.



(a)

Gambarajah 2. Rumusan Cadangan Responden VISCOM Show Sesi 2 2022/2023

Gambarajah 3. QR Code Buku Panduan Pengurusan Acara.

Kesimpulan dan Cadangan

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa program VISCOM Show patut diadakan di luar kampus bagi memberi pendedahan dan impak positif terhadap pelajar. Selain itu pelajar perlu memperlengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri sebagai usaha dan strategi bagi memperkasa kualiti graduan politeknik dalam pasaran pekerjaan global yang kompetetif.

Justeru, pengalaman dalam lapangan seperti ini memberi pendedahan berteraskan konsep pembelajaran melalui amalan mempraktikkan teori dan konsep akademik yang telah dipelajari dalam situasi kerja yang sebenar sebagai persediaan kepada pelajar DDV3 sebelum mereka menjalani Latihan Industri/ Work-Based Learning (WBL).

Penulis mencadangkan pelaksanaan program di luar kampus seperti ini tidak terhad kepada program VISCOM Show. Penulis juga telah membangunkan sebuah panduan pengurusan acara VISCOM Show dengan menerbitkan sebuah manual berbentuk e-book untuk dijadikan panduan kepada pelajar dan penganjur pengurusan acara sebagai rujukan tambahan dalam merancang dan melaksanakan acara (Gambarajah 3. QR Code Buku Panduan pengurusan Acara).

Rujukan

Jabatan Komunikasi Korporat, UiTM (2012). Manual Pengurusan Acara & Protokol Universiti Edisi 2012 / Jabatan Komunikasi Korporat, UiTMRetrieved from: https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/12775

Mohd. N. N. (2013). Artikel. Berita Harian. Kejayaan Pegurusan Acara Penting. https://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/2715

Samsudin & Nor Azilah, (2009) Tips Mengurus Acara dan Majlis untuk Mahasiswa. Penerbit UUM. Sintok

Oliver, Bettina & Peter, (2018). Reference Model-Based Event Management. Int. Journal of Event Management Research. Volume 4, Number 1.

Lynn & Lauren, (2010). Event Management for Tourism, Cultural, business and sporting events. Book. Publisher, Pearson.

William J. O'Toole, (2020). Towards the Integration of Event Management Best Practice By The Project Management Process. Events Beyond Journal, proceedings of conference on event Evaluation, research and education Sydney.

Students' acceptance of self-directed learning using simulation packet tracer for Introduction to Network at Polytechnic

Rosmawati Binti Jaafar[1,a]

[1]Department of Information & Communication Technology, Politeknik Seberang Perai
[a]rosma@psp.edu.my

Abstract. This study aims to examine the student acceptance of self-directed learning for the Introduction to Network course offered to Diploma in Digital Technology students at Polytechnics. This study was conducted to determine students' self-learning through a learning approach using packet tracer and conventional learning. The sample was divided into two groups, the control group and the experimental group. Student self-learning is measured using questionnaires. The study sample consists of sixty students. The results of the independent samples t-test indicate a significant difference in student acceptance before and after receiving the treatment. Overall, these findings demonstrate that students are receptive and willing to use Packet Tracer in their learning for the Introduction to Network course.

Keywords: Self-Directed Learning; Packet Tracer; Introduction to Network; Polytechnics.

Introduction

Self-directed learning is a learning approach in which students take an active role in their learning process. In self-learning, students have the freedom to set a schedule, choose learning materials, and arrange learning steps according to their needs and interests Sun, W., Hong, JC., Dong, Y. et al (2023). Self-directed learning allows students to develop independent skills and monitor their learning progress Adnan, N.H., & Sayadi, S. S. (2021).

In the context of the Computer Networking course at the Polytechnic, self-directed learning plays an important role in providing opportunities for students to explore complex concepts and engage in practical learning activities by adapting their learning styles as needed. This statement is supported by Chong, L., & Han, C. G. K (2023) where students have different learning options where students can choose and access learning materials that suit their learning style by using packet tracer compared to students having to learn conventionally by using real equipment.

According to Brandt, W. C. (2020) with the use of self-learning, students can become active learners, continuously build knowledge and skills, and develop self-efficacy in mastering the Computer Networking course. Based on Constructivism Theory, states that self-learning is an active process in which students actively construct their knowledge and understanding through interaction with the environment and experiences Li, W., Liu, X., Zhang, Q., Zhou, B., & Wang, B. (2023).

Problem Statement. The computer network course is a course that has difficulties for students because students do not understand the concept of networks and operations in real networks. According to Abd Majid, Atan, and Mohd Yusof (2023) also stated that students face challenges in learning Computer Networks that require logical thinking and a clear picture of its implementation in a real situation using real network equipment.

This statement is supported by Abdul Halim (2022) that students experience difficulties in understanding the concept and how the network operates in forming a network topology due to the use of complex real equipment. This statement is also supported by Elias, Zamzuri, and Anuar (2012) stating that the Computer Network course contains terms that are difficult to understand and learning content that is abstract and students also face difficulties in understanding the basic concepts of problem solving in computer network theory.

Therefore, this challenge makes it difficult for students to understand the concept of learning by using real equipment compared to students who can learn to use packet tracer by referring to existing resources. The next problem is that students cannot solve configuration problems if there is a configuration error on the actual equipment.

Objectives. This study is conducted based on the following objectives:

- To examine the impact of self-directed learning on the use of simulation packet tracer and conventional learning for Introduction To Network.

Research Hypothesis. The following research hypothesis has been conducted:

H01: There is no significant difference in student self-directed learning after using the simulation packet tracer compared to conventional learning for the Introduction to Network course.

Scope of Study. This study encompasses second-semester students, specifically those enrolled in the Department of Information and Communication Technology (JTMK). The target group involved comprises students who are registered and pursuing full-time study methods exclusively**.**

Methodology

This study employs a quasi-experimental design to examine the variable of student self-directed learning. The research sample has been divided into two groups, which will be tested to assess student self-directed learning concerning the use of simulation packet tracer and conventional physical learning.

Population and Study Sample. The population for this study consists of 80 students enrolled in the Diploma in Digital Technology (DDT) program under the Department of Information and Communication Technology at Politeknik Seberang Perai. The study sample comprises 60 respondents.

Research Instrument. This study utilizes a questionnaire as the research instrument. The instrument is divided into two sections: Section A- Demographic and Section B-Student Acceptance Level. A pilot study was conducted to test the reliability and validity of the developed instrument to prevent confusion and identify any weaknesses in the constructed items.

Table 1. Distribution of Questionnaire Instruments

Section	Description	Number of Questions
A	Demographics	1
B	Measuring the Level of Student Acceptance of Self-Learning	10

Instrument Reliability. To test the reliability of the research instrument, Cronbach's Alpha Coefficient methods were used for the acceptance instrument. SPSS version 23 was employed to assess the questionnaire's reliability. The results from the reliability test for the constructed items indicated that Cronbach's alpha values for all factors exceeded 0.7 (> 0.7). This indicates that each factor is reliable and can proceed with further analysis.

Results and Discussion

The research findings were obtained through the questionnaire. The research findings consist of descriptive analysis and inferential analysis. Descriptive statistics, such as percentages, were used to describe demographic data and the research instrument. Inferential statistical analysis was used to test the research hypothesis using an independent samples t-test. The data is analysed using IBM Statistical Package for the Social Sciences version 23.

Demographic Data. This study focused on the population of students enrolled in the Diploma in Digital Technology program. A total of 60 students participated in the conducted survey. The questionnaire was administered through Google Forms by the researcher.

Table 2. Number of Students According to Age for DDT Students



Table 2 shows the number of students aged 18 to 20 years old, which is a total of 55 students (91.6%). For the age group of 21 to 24 years old, there are 5 students (8.33%). The total number of respondents involved is 60 individuals.

Table 3. Number of Students Based on Gender for DDT Class



Table 3 shows that the number of male students is 32 (53.3%), while the number of female respondents is 28 (46.6%). These findings indicate that the total number of respondents involved in terms of gender is 60 for both classes.

Hypothesis Testing

H01: There is no significant difference in student self-directed learning after using simulation compared to conventional learning for the Introduction to Network course.

The inferential analysis involves an independent samples t-test to assess student acceptance of self-directed learning for the conventional learning group and the simulation group as the learning medium. The results of the inferential analysis are presented in Table 4 below:

Table 4. Independent samples t-test analysis for the minimum difference in the effect of self-directed learning acceptance.

Group	N	Mean	Standard Deviation	t-value	p-value
Group A Conventional Learning	30	2.10	0.393	-14.924	0.001
Group B Simulation Learning	30	3.12	0.143		

Significant at the level of $p < 0.05$

Based on Table 4, it can be observed that there are two distinct groups, namely Group A comprising 30 students, and Group B representing another 30 students. Group A serves as the control group utilizing conventional learning methods as determined by the course instructor, while Group B constitutes the experimental group employing the Cisco Packet Tracer simulation as the learning medium. The results from the independent samples t-test reveal that the minimum self-directed learning acceptance score for the conventional learning group (Group A) is 2.10, while for the Simulation group (Group B), it shows an increase to 3.12. The standard deviation for conventional learning is 0.393, whereas for simulation learning, it is 0.143. In conclusion, the null hypothesis is rejected.

Analysis of Student Acceptance. The analysis of student acceptance regarding the self-directed learning for packet tracer learning at the polytechnic indicates that, the student acceptance of using packet tracer in their learning activities is high.
These findings confirm that students are receptive and willing to use packet tracer in their learning. This indicates that the use of Packet Tracer simulation has a positive impact on student acceptance in the experimental group. These results are supported by the data analysis findings, which show a significant difference in test scores between the two groups. This is evidenced by the study, which demonstrates that the use of simulation enhances student acceptance and learning focus on simulation usage and has a positive effect on learning (Abdul Rashid, N. bin, Othman, M. Z. bin, Johan, R. bin, & Hj. Sidek, S. F. bin. (2019).
These findings confirm that students are receptive and willing to use packet tracer in their learning. Therefore, this form of learning encourages students that the learning is engaging, and students are engaged in self-directed learning to enhance their knowledge (Jamal, F. A., 2020).

Discussion

Referring to the findings of the study, overall it shows that students' acceptance of self-learning for the Computer Networking course offered to Digital Technology Diploma students at the Polytechnic is positive. This is due to students showing acceptance of self-learning towards the use of packet tracer compared to real devices and like to do repeated exercises by using packet tracer.

The findings of this study also show that students can learn independently where the aspect is flexible, independent, and not tied to time and the attention of students using packet tracer can be used consistently because packet tracer can be inserted into a mobile device. This learning process is seen as one of the methods to diversify learning techniques between the control group and the experimental group and increase student motivation in learning.
Based on the results of the study, learning to use packet tracer requires the lecturer's skills and mastery of packet tracer. Therefore, training and usage guides can help lecturers in diversifying the use of packet tracer in teaching and learning. Apart from that, lecturers need to diversify teaching aids with the use of packet tracer by doing various learning activities where students can pattern flexible learning more systematically.

Implications of the Proposed Study

To obtain more comprehensive results, future studies should consider studying polytechnics that offer Computer Networking courses in different zones, as this study only focused on Seberang Perai Polytechnic. Therefore, this study should be extended to Polytechnic Malaysia to strengthen the findings of the study conducted.

Conclusion

In conclusion, the findings of this study show that the use of packet tracer has improved student understanding in teaching and learning. This follows the teaching packet tracer can learn by self-learning. The results of this study also found that the use of packet tracer has helped students in improving their ability to use packet tracer as a learning medium where students can learn independently where by using packet tracer it helps students to better understand the actual operating conditions of the network. With this, the increase in student motivation towards the acceptance of using packet tracer is high because from a positive point of view it can be seen that the increase in student knowledge is better.

References

Abdul Rashid, N. bin, Othman, M. Z. bin, Johan, R. bin, & Hj. Sidek, S. F. bin. (2019). Cisco Packet Tracer Simulation as an Effective Pedagogy in a Computer Networking Course.

Adnan, N.H., & Sayadi, S. S. (2021). ESL Students' Readiness for Self-Directed Learning in Improving English Writing Skills. Arab World English Journal, 12(4), 503-520.

Ahmad, A. H. (2022). Challenges and Effectiveness of Using Cisco Packet Tracer Simulator in Learning VPN Connection (Virtual Private Network). International Journal of Modern Education (IJMOE), 4(14), 21-30. DOI: 10.35631/IJMOE.414003.

Brandt, W. C. (2020). Measuring student success skills: A review of the literature on self-direction. Dover, NH: National Center for the Improvement of Educational Assessment, 1-29.

Chong, L., & Han, C. G. K. (2023, February 28). Tahap Gaya Pembelajaran Pelajar Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah.

Elias, M. S. (2012). Penggunaan Simulasi Packet Tracer dalam Meningkatkan Pemahaman Pelajar Terhadap Konsep Abstrak dalam Matapelajaran Pengenalan Kepada Rangkaian : Suatu Tinjauan Awal. Proceedings of International Conference on Integrated Knowledge ICIK 2012, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Li, W., Liu, X., Zhang, Q., Zhou, B., & Wang, B. (2023). VR-Enhanced Cognitive Learning: Method, Framework, and Application. Appl. Sci., 13(8), 4756. doi: 10.3390/app13084756.

Jamal, F. A. (2020). The Use of Cisco Packet Tracer Activity Files by KPMIM Students. Jurnal Dunia Pendidikan, 2(1), 246-252. e-ISSN: 2682-826X. Retrieved from http://myjms.moe.gov.my/index.php/jdpd

Sun, W., Hong, JC., Dong, Y. et al. Self-directed Learning Predicts Online Learning Engagement in Higher Education Mediated by Perceived Value of Knowing Learning Goals. Asia-Pacific Edu Res 32, 307–316 (2023). https://doi.org/10.1007/s40299-022-00653-6 retrived Julai 12,2023.

PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI PENSYARAH: IMPAK TERHADAP PENSYARAH DI POLITEKNIK PORT DICKSON

Mohd Shahril Fahmi bin Mohd Zaini[1, a], Norhazlina binti Amon[2, b] and Mimi Suhana binti Abd Aziz[3, c]

[1,2,3]Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia

[a]shahril@polipd.edu.my, [b]norhazlina@polipd.edu.my, [c]mimi@polipd.edu.my

Abstrak Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap penglibatan dan impak program kepada pensyarah di Politeknik Port Dickson selepas menjalani Program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP). Kajian dibuat berdasarkan jumlah pensyarah yang telah menjalani Program SIP pada tahun 2020 hingga 2022. Kaji selidik juga dibuat berdasarkan data kuantitatif yang menggunakan instrumen borang kaji selidik. Instrumen yang diambil bagi mendapatkan impak dan tahap pencapaian pensyarah dalam penguasaan kemahiran teori dan teknikal sepanjang menjalani program tersebut. Penilaian melibatkan 25 orang sampel yang terdiri daripada pensyarah yang telah menghadiri Program SIP. Hasil kajian yang terbahagi kepada 3 bahagian meliputi jumlah penglibatan pensyarah menjalani program, penilaian impak terhadap pelaksanaan program dan penilaian impak program terhadap pensyarah. Analisa menunjukkan secara keseluruhan penilaian terhadap pelaksanaan program berada pada tahap tinggi iaitu dengan nilai min: 4.93 dan penilaian impak program terhadap pensyarah adalah nilai min: 4.79. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan membantu Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan Politeknik Port Dickson agar memperkasakan dan mempertingkatkan secara lebih berkesan program SIP dalam kalangan pensyarah.

Kata kunci: Sangkutan Industri Pensyarah; Impak; Kuantitatif

Pendahuluan

Program sangkutan industri dalam kalangan pensyarah institut pengajian tinggi (IPT) adalah salah satu kaedah pembangunan profesional yang berkesan terutama dalam bidang kejuruteraan, teknikal dan vokasional (TVET) (Noridah, 2022). Program SIP juga salah satu pelaksanaan program yang dapat menghubungkait antara pembelajaran teori dan teknikal bersama dengan rakan pengamal industri. Melalui Teras Strategik Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) berdasarkan teras 3 iaitu pemerkasaan bakat merupakan salah satu hala tuju bagi meningkatkan kecemerlangan profesionalisme pensyarah di institusi. Program SIP adalah salah satu cabang program dalam memperkasakan bakat jangka pendek yang komprehensif dalam mempergiat perkongsian pengetahuan antara pensyarah dan pengamal industri secara berterusan sejajar dengan teknologi terkini.

Pelaksanaan program SIP dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas tenaga pengajar teknikal menyertai sangkutan industri (Norfadila M.N, 2011). Di peringkat pertama, pensyarah perlu mencari penempatan di industri yang bersesuaian dengan bidang kepakaran. Pada peringkat kedua, pensyarah akan menjalankan program SIP selama tempoh yang telah dipohon dan diluluskan oleh pihak pengurusan institusi. Sepanjang tempoh menjalani program SIP ini, pensyarah akan diselia dan dipantau oleh penyelia industri dan pegawai daripada Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) institusi. Di peringkat ketiga pula pensyarah perlu menghantar pelaporan teknikal program dan membuat pembentangan serta sesi perkongsian ilmu kepada rakan-rakan pensyarah juga pelajar di institusi.

Menurut Rosita (2018), kerjasama strategik dengan industri/agensi/syarikat dijangka mampu meningkatkan peluang graduan mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian. Oleh yang demikian, pensyarah juga tidak terkecuali dalam menjayakan program SIP ini sebagai salah satu gerak kerja dalam usahasama meningkatkan pengetahuan di tahap kesediaan proses pengajaran dan pembelajaran. Pensyarah juga memainkan peranan penting berganding bahu dalam membekalkan maklumat dan ilmu bagi membantu graduan supaya lebih bersedia terhadap keperluan masa kini. Kerjasama strategik yang dijalankan melalui program SIP oleh pensyarah ini dapat memberikan impak yang tinggi kepada pensyarah itu sendiri mahupun pelajar.

Pernyataan Masalah

Program SIP merupakan salah satu daripada jalinan kerjasama antara institusi pendidikan dan industri. Program ini juga sebagai titik permulaan dalam proses pensyarah mendapatkan pengalaman sebenar dan berkongsi idea untuk bersama mempertingkatkan lagi program kurikulum antara politeknik dan pihak industri. Menurut Rahimah (2020), cabaran dan perubahan semasa memerlukan pelaksanaan dan penambahbaikan terhadap pendekatan pendidikan dalam menyediakan modal insan yang relevan bagi memenuhi keperluan dalam pasaran TVET.

Berdasarkan kajian Rahimah (2020), dalam mengenal pasti kecekapan industri yang dimiliki oleh pensyarah politeknik dan keperluan kecekapan dalam pasaran TVET. Hasil kajian memfokuskan kepada program pembangunan profesional pensyarah sebagai cara untuk meningkatkan tahap kecekapan pensyarah politeknik bersama dengan rakan industri sebagai salah satu cabang kolaborasi. Cabaran dalam mencapai keperluan teras strategik JPPKK adalah ketidaksepadanan antara kecekapan industri dengan kecekapan pensyarah. Ini adalah disebabkan kekurangan kemahiran dalam teknologi terkini dalam menyampaikan sesuatu pembelajaran kepada pelajar dan juga kurangnya pengalaman dan pengetahuan industri oleh pensyarah. Dalam pada masa yang sama, kurang pendedahan tentang kemajuan teknologi terkini di industri.

Objektif

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penglibatan pensyarah dalam program sangkutan industri dan mengenal pasti impak terhadap pensyarah selepas menjalani program sangkutan industri.

Metodologi

Instrumen Kajian. Dalam kajian kes ini, penyelidik menggunakan 2 jenis instrumen untuk mendapatkan data kajian iaitu rekod arkib organisasi dan soal selidik. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan persampelan seramai 25 orang responden yang terdiri daripada pensyarah yang telah menjalani Program SIP daripada tahun 2020 hingga 2022. Instrumen kajian dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu:

i. Bahagian A: maklumat responden
ii. Bahagian B: penilaian impak terhadap pelaksanaan program
iii. Bahagian C: penilaian impak terhadap pensyarah

Analisis dan Statistik. Data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences for Windows Version 27* (SPSS) secara deskriptif seperti skor min, peratusan dan sisihan piawai. Skala Likert 5 Mata digunakan bagi menentukan tahap penilaian oleh responden seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 manakala Jadual 2 menunjukkan tahap keberkesanan skor min.

Jadual 1. Skala 5 mata.

Peringkat	Skala
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Jadual 2. Tahap keberkesanan skor min.

Tahap	Skor Min
Rendah	1.00 – 2.33
Rendah	2.34 – 3.66
Tinggi	3.67 – 5.00

Sumber: Diadaptasi daripada Mohd Majid (2000)

Keputusan dan Perbincangan

Analisa Bahagian A: Jumlah Penglibatan Pensyarah Menjalani Program SIP

Rajah 1 di bawah menunjukkan jumlah pensyarah yang menjalani Program SIP pada tahun 2020, 2021 dan 2022. Penglibatan pensyarah membabitkan empat jabatan induk di Politeknik Port Dickson iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Perdagangan (JP). Jumlah pensyarah yang menjalani program SIP pada tahun 2020 adalah seramai 6 orang, manakala pada tahun 2021 seramai 5 orang. Pada tahun 2022 terdapat peningkatan jumlah penglibatan pensyarah yang telah menjalani Program SIP iaitu seramai 14 orang pensyarah.



Rajah 1. Jumlah penglibatan pensyarah menjalani program SIP.

Analisa Bahagian B: Penilaian Impak Terhadap Pelaksanaan Program

Jadual 3 menunjukkan dapatan bagi penilaian impak terhadap pelaksanaan program SIP. Secara keseluruhan impak program yang dijalankan adalah berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan kerjasama syarikat/firma dari segi perkongsian peningkatan kemahiran, pengetahuan dan amalan baik semasa latihan serta program memberi impak positif dalam membantu pensyarah menyalurkan idea, inovasi dan teknologi terkini masing-masing dengan nilai min 4.92. Manakala item program memberikan impak positif dalam jurang kemahiran berfokuskan bidang dengan nilai min 4.96.

Jadual 3. Penilaian impak terhadap pelaksanaan program.

Kesan / Impak	Skor Min	Tahap
Rakan Pengamal Industri / Firma / Penyelia memberi kerjasama penuh dari segi perkongsian peningkatan kemahiran, pengetahuan dan amalan baik semasa latihan.	4.92	Tinggi
Pelaksanaan latihan memberi impak positif dalam merapatkan jurang kemahiran, pengetahuan dan amalan baik berfokuskan bidang/industri dan Institusi.	4.96	Tinggi
Pelaksanaan latihan memberi impak positif dalam membantu pegawai menyalurkan idea, inovasi dan teknologi terkini berfokuskan bidang/industri di Institusi.	4.92	Tinggi

Analisa Bahagian C: Penilaian Impak Terhadap Pensyarah

Sebanyak lima (5) item dinilai untuk mengenal pasti kesan/impak terhadap pensyarah setelah menjalani program SIP dan dapatannya seperti ditunjukkan dalam Jadual 4. Hasil dapatan bagi kesemua penilaian menunjukkan pensyarah mencapai tahap tinggi. Menurut Layta (2018), program sangkutan industri sebagai program perantisan yang berkesan supaya pensyarah mendapat gambaran dan kecekapan mengenai pengetahuan yang lebih terkini yang digunakan oleh industri. Pensyarah dapat mencapai tahap penerimaan informasi yang terkini dan relevan dalam memfokuskan kepada sesi pembelajaran pelajar. Pensyarah dilihat dapat mengembangkan pengetahuan profesional dan mengikuti perkembangan industri seiring dengan permodenan teknologi terkini.

Jadual 4. Penilaian impak terhadap pensyarah.

Kesan / Impak	Skor Min	Tahap
Pegawai dapat menjalani latihan yang diperlukan secara komprehensif untuk mencapai Course Learning Outcome (CLO).	4.80	Tinggi
Pegawai lebih berkeyakinan dan berkongsi pengetahuan dalam mengajar modul berkaitan bidang industri yang dipelajari.	4.84	Tinggi
Pegawai mengaplikasikan kemahiran dalam mengajar modul berkaitan bidang industri yang dipelajari.	4.88	Tinggi
Pegawai menjalankan jaringan kolaborasi bersama pihak industri untuk institusi.	4.60	Tinggi

Pegawai berkongsi ilmu yang diperolehi dalam menjalankan aktiviti/projek kepada institusi berkaitan bidang latihan.	4.80	Tinggi

Kesimpulan

Program SIP berdasarkan hasil kajian jelas memberikan manfaat positif kepada pensyarah dan institusi dalam menepati kehendak industri. Ini adalah disebabkan oleh pertambahan pensyarah yang menjalani program SIP meningkat daripada tahun 2020 hingga 2022. Kajian juga mencapai objektif dalam memberikan impak yang sangat tinggi dan memperlihatkan kepuasan dan keyakinan dalam penerimaan, penyampaian hasil kerja, merealisasikan potensi diri sebenar, memperhalusi dan mempercepat proses pembelajaran pensyarah. Tahap penerimaan dan penguasaan kemahiran teori dan amali oleh pensyarah dapat menambah baik produktiviti nilai tambah kemahiran kepada lebih tinggi, mempertingkatkan kerjasama antara institusi dan industri serta penerimaan perubahan teknologi.

Rujukan

Noridah, M. (2022). Sangkutan Industri Dalam Kalangan Pensyarah Pacu Kecemerlangan Pelajar. Artikel *Bernama Tinta Minda*

Norfadila, M.N & Mohd Noor, H. (2011). Penglibatan Pensyarah Dalam Program Sangkutan Industri Pensyarah (Sip): Satu Kajian Kes Di Politeknik Kota Bharu (PKB). *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional*

Rosita, Z. (2018). *Keperluan Mewujudkan Kerjasama Strategik Dengan Industri Melalui Jaringan Dan Kolaborasi Secara Berkesan Sebagai Salah Satu Usaha Untuk Melahirkan Graduan Yang Berkualiti Dan Mempunyai Kebolehpasaran Yang Tinggi*. (pp.58)

Rahimah, A.R. (2020). Kecekapan Industri Pensyarah Politeknik dan Kesejajarannya Dengan Keperluan Pasaran TVET, Thesis *Universiti Sains Malaysia*

Layta, D. (2018). Lecturer Internship Program in Industry to Provide Real Work Experience for University Students. *The 2nd International Conference on Technology, Education, and Social Science 2018 (The 2nd ICTESS 2018)*

Chua L.C (2006), Sample Size Estimation Using Krejcie And Morgan And Cohen Statistical Power Analysis: A Comparison

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (2018). *Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025*. (pp. 44-46). https://www.mypolycc.edu.my/

Sidang Editorial Buku Pelan Tindakan PPD 2023. (2023). *Pelan Tindakan Politeknik Port Dickson* 2023. [Online]. Available: https://polipd.mypolycc.edu.my

Analisis Faktor Luaran Yang Mempengaruhi Enrolmen Di Kolej Komuniti Perak Menurut Teori Pilihan Rasional

Khairul Aznam bin Ismail[1,a], Mohamad Aidil bin Abdul Ghani[2,b], and Rokhairuddin bin Jamal[3,c]

[1,2,3]Kolej Komuniti Chenderoh

[a]khairulaznam@kkche.edu.my, [b]m.aidil@kkche.edu.my, [c]rokhairuddin@kkche.edu.my

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk menganalisa faktor yang mempengaruhi enrolmen pelajar di Kolej Komuniti Negeri Perak (KKNP) bagi pelajar semasa sehingga Sesi II 2022/2023. Objektif kajian dijalankan bagi mengkaji daya tarikan enrolmen pelajar baharu ke Kolej Komuniti Negeri Perak dengan mengenalpasti perhubungan faktor luaran individu dalam memilih KKNP sebagai pilihan mereka. Kerangka konseptual kajian merupakan adaptasi dan ubahsuai daripada '*Model Of Student College Choice'* yang dibangunkan oleh Chapman 1981 dan asas kajian berdasarkan teori sosiologi iaitu '*Teori Pilihan Rasional James S. Coleman'*. Kajian ini berbentuk kuantitatif deskriptif menggunakan kaedah tinjauan *survey research*. Populasi dan sampel kajian adalah pelajar KKNP, jumlah responden ditentukan berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970), sebanyak 327 responden terlibat daripada 1926 keseluruhan pelajar. Set soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A berkaitan demografi responden, bahagian B berdasarkan pemboleh ubah tidak bersandar (Faktor Luaran) yang diedarkan secara atas talian. Data dikumpul melalui borang soal selidik dan dianalisa dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics* versi 25.0 bagi menguji data mengikut hipotesis dan persoalan kajian yang dibina iaitu ujian regrasi linear berganda dan ujian kolerasi. Analisis data menunjukkan hasil penyelidikan mencerminkan semua faktor seperti Persekitaran Sosial Individu**,** Faktor Institusi Pengajian**,** Bentuk Publisiti dan Promosi**,** Faktor Prospek Masa Depan dan Pengiktirafan memberikan pengaruh terhadap kemasukan pelajar, tetapi secara realitinya jumlah kemasukan pelajar masih membimbangkan.

Kata kunci: Faktor Luaran; Kolej Komuniti; Enrolmen.

Pengenalan

Perkembangan Institusi pendidikan di Malaysia yang semakin hari semakin rancak berkembang, dengan penubuhan pelbagai institusi pendidikan serta bertambahnya kesedaran pelajar terhadap keperluan pendidikan peringkat tertiari. Walaubagaimanapun, statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk kemasukan ke Kolej Komuniti Negeri Perak adalah sebaliknya, di mana statistik menunjukan graf penurunan bagi 3 tahun kebelakangan ini. Tren penurunan ini adalah cabaran utama bagi kolej komuniti di seluruh Malaysia amnya.

Jadual 1. Peratus ambilan pelajar berbanding norma 2020 – 2022 KKNP

Tahun	Kemasukan	Enrolmen	Peratus Ambilan
2020	942	2,020	48.1% SESI JUN 2020 & SESI DISEMBER 2020
2021	1,049	1,775	61.0% SESI I 2021/2022 & SESI II 2021/2022
2022	883	1,740	52.6% SESI I 2022/2023 & SESI II 2022/2023



Rajah 1. Graf Kemasukan Pelajar Berbanding Enrolmen Bagi Tahun 2020 – 2022



Rajah 2. Pencapaian Peratus Ambilan Pelajar Mengikut Tahun 2020 - 2022

Ra

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji daya tarikan enrolmen pelajar baharu ke Kolej Komuniti Negeri Perak dengan menggunakan Model Chapman dan Teori Pilihan Rasional.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1.0 Menentukan sama ada faktor luaran merupakan peramal yang signifikan kepada daya tarikan enrolmen pelajar baharu ke Kolej Komuniti Negeri Perak.
2.0 Mengenal pasti hubungan antara jantina dan faktor luaran dalam mempengaruhi enrolmen pelajar baharu ke Kolej Komuniti Negeri Perak.

Latar Belakang Kajian

Memilih institusi pengajian bagi menyambung pengajian ke peringkat tertiari adalah perkara penting kepada pelajar supaya bidang serta pusat pengajian yang dipilih mampu memenuhi kehendak mereka selain dalam mencorak, membina dan membangunkan masa depan mereka. Ia merupakan permulaan bagi pelajar untuk melebarkan langkahnya untuk membina kehidupan yang lebih luas. Bakal pelajar akan cuba memilih institusi pengajian yang tepat dan terbaik mengikut faktor tertentu seperti kehendak pasaran semasa, kelulusan akademik, kemahuan atau minat dan sokongan keluarga dan rakan sangat penting dalam proses memilih sesuatu institusi pendidikan. Faktor luaran kerana individu akan melihat kemudahan dan peluang yang akan menyokong dirinya.

Kajian Lepas - Faktor Luaran (Ekstrinsik)

Faktor pengaruh luar seperti sokongan dan desakan ibu bapa, saudara terdekat dan kawan dalam memilih tempat pengajian juga mampu mempengaruhi pelajar untuk melanjutkan pengajian di tempat tersebut (Awang et al., 2012). Kenyataan ini juga sama dengan dapatan kajian oleh Sia (2010), yang juga membincangkan faktor pengaruh luar yang menjadi pendorong kepada pelajar untuk memilih lokasi tertentu atau institusi pendidikan, di mana maklumat berkaitan institusi tersebut juga saranan dan pengaruh keluarga termasuk juga pengaruh rakan banyak memainkan peranan dalam proses pemilihan oleh individu. Institusi pendidikan yang mempunyai reputasi yang baik seperti kualiti kakitangan yang cemerlang, urusan pentadbiran yang efisen dan cekap, mengutamakan kebajikan,

keperluan pelajar dan keluaran graduan yang berkualiti tinggi dan bermutu adalah institusi pendidikan yang perlu dipilih (Ahmad Zaharudin Idrus, 2001).

Faktor Di Persekitaran Sosial Individu. Persekitaran boleh diklasifikasikan sebagai pengaruh daripada manusia yang berada di sekeliling mahupun mereka yang rapat dengan pelajar tersebut. Awang, A. H., Ramli, Z., dan Ibrahim (2012) di dalam kajiannya turut menemui faktor sokongan dan syor daripada ibu bapa turut mempengaruhi pelajar di dalam menentukan pilihan bagi menyambung pendidikan mereka di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Faktor Pengaruh Rakan Sebaya. Pengaruh rakan sebagai satu di antara faktor utama yang dapat memberi kesan kepada pelajar semasa membuat pilihan dalam memilih institusi pendidikan. Menurut Zuraidah (2006), di dalam period pertumbuhan dan pembesaran remaja, kekuatan pengaruh ibu bapa dan keluarga akan semakin berkurangan terhadap diri remaja dan remaja pula dilihat lebih banyak berbincang dan bergantung kepada rakan–rakan mereka dalam mencorak dan menanam nilai-nilai kehidupan, nilai keperibadian serta membentuk kefahaman dalam diri mereka. Kemahuan seseorang pelajar untuk melanjutkan pelajaran akan teraspirasi apabila terdapat rakan baiknya yang mempunyai rancangan dan kehendak yang sama.

Faktor Institusi Pengajian. Kemasukan dan pemilihan pelajar ke institusi pendidikan mereka juga bergantung kepada faktor institusi pendidikan tersebut. Terdapat pelajar yang meletakkan pilihan kepada institusi pendidikan yang terkenal, besar, moden dan mempunyai reputasi yang baik sebagai pilihan mereka. Hasil dapatan daripada kajian Sia (2010) menyatakan bahawa faktor institusi pengajian yang tersenarai dalam rangka kerja konseptual yang dibina adalah lokasi, program atau kursus yang ditawarkan, reputasi institusi pendidikan, kemudahan yang disediakan dalam pembelajaran, implikasi kewangan seperti kos pengajian atau kadar yuran dan bantuan kewangan kepada pelajar, kebolehpasaran dan peluang dalam kerjaya, promosi dan pengiklanan, wakil bagi pihak institusi dan juga lawatan kampus. mempengaruhi pelajar dalam membuat keputusan.

Publisiti Dan Promosi. Perubahan teknologi yang berkembang pantas dalam dunia digital adalah salah satu tren bagi pemasaran sesebuah institusi pendidikan masa kini, pelbagai promosi yang diiklankan secara berterusan bagi menarik minat klien. Davies (2003), ada menyatakan bahawa di antara sebab pelajar memilih kursus yang ditawarkan di sesebuah institusi pendidikan adalah disebabkan oleh faktor informasi iaitu hebahan maklumat berkaitan yang merupakan strategi pemasaran yang dibuat oleh sesebuah institusi pendidikan.

Faktor Prospek Masa Depan. Antara perkara yang penting yang akan dinilai oleh pelajar, membina kerjaya yang baik selepas menamatkan pengajian. Kajian Abd Hair (2012) yang dijalankan ke atas pelajar antarabangsa di UKM mendapati faktor yang mempengaruhi pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian di sini adalah keupayaan institusi tersebut dalam menyediakan fasiliti dan keperluan program pengajian tersebut adalah bersesuaian dengan kehendak pasaran selepas tamat pengajian kelak.

Pengiktirafan – Akademik, Kurikulum Dan Infrastruktur. Bagi institusi pendidikan di Malaysia, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) adalah berperanan sebagai badan akreditasi bagi menilai kualiti kurikulum dalam sesuatu program atau kursus yang ditawarkan oleh sesebuah IPT/IPTS dalam memberi jaminan kemudah pasaran graduasi, kebolehpasaran dalam mendapatkan pekerjaan dan jaminan masa depan pelajar setelah mereka menamatkan pengajian. M.Y.Yuzainee(2011), dalam kajiannya menyatakan calon lebih mementingkan kualiti bagi sesebuah pusat pendidikan dan pengiktirafan program-programnya yang telah diterima daripada badan akreditasi bagi jaminan masa depan mereka melalui kebolehpasaran, kemudahpasaran setelah menamatkan pengajian mereka (Sailin et al., 2014).

Teori Pilihan Rasional (Rational Choice Theory). Teori yang berasaskan pendekatan sosiologi yang dikembangkan oleh Max Weber dan daripada teori ekonomi (Toenlioe, 1988). Awalnya ia banyak mempengaruhi perkara-perkara yang berkaitan dalam analisis-analisis ekonomi dan kemudiannya diadaptasi dan diubahsuai oleh ahli–ahli sosiologi, psikologi dan politik. Rasional adalah cara berfikir untuk dipertimbangkan dengan wajar.

Teori Pilihan James Samuel Coleman. Teori ini mula berkembang di dalam bidang sosiologi dan semakin popular sekitar tahun 1990-an. James S. Coleman menyatakan, teori pilihan rasional yang juga disebut oleh Coleman sebagai 'paradigma tindakan rasional' adalah antara teori yang menyediakan peluang untuk 'integrase paradigmatic' dihasilkan. Coleman menyatakan sesuatu tindakan itu boleh dipertimbangkan dan dijelaskan jika tindakan itu hanya diambil sebagai tindakan rasional di mana seseorang melakukan tindakan dengan memanfaatkan suatu sumber untuk memenuhi matlamat dan tujuannya di mana pilihan individu atau nilai yang membuat penentuan dan keputusan. Aliran bagi teori ini adalah sederhana, ia banyak mengaplikasikan perkara yang berkait rapat dengan kehidupan manusia, yang mana manusia seringkali berhadapan dengan pelbagai pilihan di dalam kehidupannya seperti impian, cinta, pendidikan, kerjaya, berkeluarga, organisasi, berpolitik dan sebagainya.

Metodologi

Kajian adalah melibatkan seluruh pelajar dan semua program di KKNP. Populasi dan sampel kajian yang digunakan adalah daripada Jadual Penentu Saiz Sampel dari Krejcie dan Morgan (1970), di mana terdapat seramai 1926 pelajar semasa di KKNP dan jumlah sampel adalah sebanyak 327 pelajar. Kajian berbentuk kuantitatif deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan *(survey research)* adalah kaedah bagi menentukan perhubungan antara dua pembolehubah, pembolehubah bersandar dan tidak bersandar yang diadaptasi dari Model Pilihan Chapman. Data dikumpul melalui instrumen soal selidik yang dibina dan terdapat juga soalan–soalan soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai daripada penyelidik lain seperti Sailin et al. (2014) Zarulrizam bin Ab. Jalil (2013) mengikut kesesuaian kajian ini. Ianya di bahagikan kepada dua iaitu Bahagian A dan B dalam Bahasa Malaysia. Data dan maklumat yang diperolehi dianalisa dengan perisian *Statistical Package for Social Science* versi 25.0 (SPSS).

Dapatan Kajian

Jadual 2. Profail Responden

Demografi Responden		Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	146	44.6
	Perempuan	181	55.4
Bangsa	Melayu	276	84.4
	Cina	9	2.8
	India	39	11.9
	Lain-lain	3	.9
Umur	18 tahun-20 tahun	251	76.8
	21 tahun-25 tahun	70	21.4
	26 tahun-30 tahun	5	1.5
	31 tahun ke atas	1	.3
Taraf Pendidikan	SPM	292	89.3
	STPM	23	7.0
	STAM	0	0
	SPMV	12	3.7
Taraf Perkahwinan	Bujang	322	98.5
	Berkahwin	5	1.5
Semester	Semester 1	113	34.6
	Semester 2	132	40.4
	Semester 3	27	8.3
	Semester 4	36	11.0
	Semester 5	8	2.4
	Semester 6	11	3.4
Pendapatan Ibu bapa / penjaga	Kurang RM 3000.00	213	65.1
	RM3100.00 – RM 5000.00	80	24.5
	RM5100.00–RM 10000.00	29	8.9
	Melebihi RM 10000.00	5	1.5

Analisis Deskriptif

Jadual 3. Analisis Deskriptif untuk Pengaruh Faktor Luaran

Item	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
PL1	Saya perlu berbincang dengan ibu bapa saya sebelum memilih institusi pendidikan bagi menyambung pengajian	4.29	.831
PL2	Saya memilih kolej komuniti atas kemahuan dan dorongan ibu bapa dan ahli keluarga	3.99	.995
PL3	Ibu bapa saya merasakan program ini akan menjamin masa depan saya	4.25	.763
PL4	Kejayaan rakan–rakan yang mengikuti program di kolej komuniti mendorong saya untuk menyambung pengajian di kolej komuniti	4.03	.899
PL5	Rakan–rakan yang menyambung pengajian di kolej komuniti mengesyorkan saya menyambung pengajian di kolej komuniti	3.72	1.083
PL6	Guru–guru semasa di sekolah sentiasa memberikan galakan dan sokongan untuk memilih bidang kemahiran / TVET	4.06	.940
PL7	Yuran pengajian di kolej komuniti amat berpatutan dan kompetitif berbanding institusi pengajian tinggi tempatan yang lain	4.40	.698
PL8	Yuran pengajian yang dikenakan adalah sangat berpatutan dengan kemudahan pembelajaran yang disediakan	4.35	.740
PL9	Adanya bantuan kewangan dari sumber lain seperti Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti / BPKK, Yayasan Negeri, biasiswa dan lain - lain	4.06	.940
PL10	Galakan pihak kerajaan supaya menceburi bidang TVET	4.40	.698

Skor min semua pembolehubah yang diukur pada skala Likert lima mata. Jadual di atas menunjukkan min tertinggi ialah 4.40 yang mana responden bersetuju bahawa mereka mendapat galakan pihak kerajaan supaya menceburi bidang TVET dan yuran yang berpatutan. Min terendah pula ialah 3.72 yang mana mereka memilih kolej komuniti atas syor dari rakan–rakan mereka.

Jadual 4. Analisis Deskriptif untuk Institusi Pengajian

Item	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
IP1	Jenama dan reputasi kolej komuniti sebagai institusi pendidikan TVET yang unggul	4.16	.738
IP2	Proses permohonan ke kolej komuniti sangat mudah	4.31	.697
IP3	Kemudahan di pusat pembelajaran yang mencukupi, selesa dan selamat	4.16	.766
IP4	Tenaga pengajar di kolej komuniti terdiri daripada tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman.	4.38	.662
IP5	Kakitangan dan tenaga pengajar yang mencukupi	4.24	.728
IP6	Silibus yang sesuai bagi tempoh masa pengajian yang dijalankan	4.20	.687
IP7	Lokasi Kampus adalah sangat strategik	4.01	.847

Skor min semua pembolehubah yang diukur pada skala Likert lima mata. Jadual di atas menunjukkan min tertinggi ialah 4.38 yang mana responden bersetuju bahawa tenaga pengajar di kolej komuniti terdiri daripada tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman. Min terendah pula ialah 4.01 yang mana mereka mendapati kedudukan serta lokasi kampus kolej komuniti adalah sangat strategik.

Jadual 5. Analisis Deskriptif untuk Publisiti dan Promosi

Item	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
PP1	Saya tertarik untuk melanjutkan pengajian di kolej komuniti menerusi promosi di media massa	3.97	.838
PP2	Promosi dan publisiti yang dilakukan oleh pihak kolej komuniti telah menarik minat saya untuk menyambung pengajian di kolej komuniti	3.99	.838
PP3	Maklumat mengenai kolej komuniti mudah untuk diakses melalui pautan atas talian untuk mendapatkan maklumat berkaitan	4.18	.747
PP4	Maklumat yang dipaparkan di laman sesawang, laman sosial dan edaran risalah berkaitan kolej komuniti mampu mendorong anda untuk melanjutkan pengajian di kolej komuniti.	4.11	.747
PP5	Kaedah promosi oleh kolej komuniti berkesan	4.08	.759
PP6	Adakah anda mengetahui kolej komuniti melalui media massa	3.88	.973

PP7	Media sosial sangat membantu anda dalam mendapatkan maklumat berkaitan kolej komuniti	4.17	.741

Skor min semua pembolehubah yang diukur pada skala Likert lima mata. Jadual di atas menunjukkan min tertinggi ialah 4.18 yang mana responden bersetuju bahawa maklumat mengenai kolej komuniti mudah untuk diakses melalui pautan atas talian untuk mendapatkan maklumat berkaitan. Min terendah pula ialah 3.88 yang mana mereka mengetahui kolej komuniti melalui media massa.

Jadual 6. Analisis Deskriptif untuk Prospek Masa Depan

Item	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
PD1	Untuk meningkatkan taraf kehidupan melalui peluang kemahiran dan keusahawanan yang diberikan oleh kolej komuniti.	4.22	.701
PD2	Program yang dilaksanakan berbentuk kemahiran dan teknikal akan membantu saya membina kerjaya yang baik.	4.27	.683
PD3	Saya merasa yakin dengan masa depan kerjaya saya berdasarkan laporan kebolehpasaran graduan kolej komuniti yang dikeluarkan	4.19	.723
PD4	Kursus yang ditawarkan memenuhi kehendak industri sekarang.	4.29	.677
PD5	Saya memilih kolej komuniti kerana program yang ditawarkan adalah memenuhi kehendak pasaran dan industri.	4.25	.677
PD6	Bidang kemahiran menawarkan peluang pekerjaan dan perniagaan yang luas dan pendapatan yang lumayan	4.26	.635

Skor min semua pembolehubah yang diukur pada skala Likert lima mata. Jadual di atas menunjukkan min tertinggi ialah 4.29 yang mana responden bersetuju bahawa kursus yang ditawarkan memenuhi kehendak industri sekarang. Min terendah pula ialah 4.19 yang mana mereka merasa yakin dengan masa depan kerjaya mereka berdasarkan laporan kebolehpasaran graduan kolej komuniti yang dikeluarkan.

Jadual 7. Analisis Deskriptif untuk Pengiktirafan

Item	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
PD1	Saya mengetahui bahawa pelajar sijil lepasan kolej komuniti diterima oleh majikan sebagai pekerja	4.20	.690
PD2	Saya mengetahui bahawa graduasi daripada kolej komuniti boleh menyambung pengajian mereka ke pusat pengajian yang lebih tinggi.	4.39	.626
PD3	Saya mengetahui bahawa program – program yang ditawarkan di kolej komuniti telah diiktiraf oleh agensi – agensi pengiktirafan yang berkaitan.	4.28	.678
PD4	Adakah anda tahu kursus yang ditawarkan di kolej komuniti mempunyai pengiktirafan pihak MQA dan MBOT.	4.09	.848
PD5	Perakuan MQA dan MBOT serta pengiktirafan yang lain yang diterima menjamin kualiti pendidikan yang disediakan.	4.21	.691

Skor min semua pembolehubah yang diukur pada skala likert lima mata. Jadual di atas menunjukkan min tertinggi ialah 4.39 yang mana responden bersetuju mengetahui bahawa graduasi daripada kolej komuniti boleh menyambung pengajian mereka ke pusat pengajian yang lebih tinggi. Min terendah pula ialah 4.09 yang mana mereka tahu kursus yang ditawarkan di kolej komuniti mempunyai pengiktirafan pihak MQA dan MBOT.

Jadual 8. Analisis Regresi Linear Berganda

Model	Unstandardized Coefficients	Standardized Coefficients	t-value	Sig. (P-value)
	B-value	β-value		
Institusi Pengajian	B = 0.329	β= 0.329	5.088	.000

Publisiti Promosi	B = 0.194	β= 0.234	4.207	.000
Prospek Masa Depan	B = 0.198	β= 0.207	2.869	.004
Pengiktirafan	B = 0.082	β= 0.083	1.361	.174
F- value	119.592			
F-Sig.	0.000			
R	0.773			
R^2	0.598			
Adjusted R^2	0.593			

Analisis Regresi Linear Berganda dijalankan untuk mengetahui sama ada faktor institusi pengajian, publisiti dan promosi, prospek masa depan serta pengiktirafan adalah signifikan dengan kepuasan kerja. Dapatan utama analisis regresi menunjukkan bahawa (R=0.773) bermakna terdapat hubungan positif yang tinggi antara pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah tidak bersandar (institusi pengajian, publisiti dan promosi, prospek masa depan serta pengiktirafan) untuk 59.8 % varians (R^2 = 0.598). R^2 terlaras = 0.598 hendaklah sama atau hampir dengan nilai R dan nilai F = 119.592 iaitu lebih tinggi daripada 1, sig = 0.000) menunjukkan model yang digunakan dalam kajian ini sesuai. Nilai B digunakan untuk mengukur kekuatan pembolehubah tidak bersandar terhadap pembolehubah bersandar. Ia mengenal pasti bahawa nilai B untuk institusi pengajian adalah pembolehubah terkuat yang mempengaruhi enrolmen di KKNP (nilai B = 0.329). Nilai beta pekali piawai antara institusi pengajian, publisiti dan promosi, prospek masa depan serta pengiktirafan ialah (β= 0.329, 0.234, 0.207 dan 0.083). Ia menunjukkan bahawa faktor institusi pengajian adalah yang paling tinggi pengaruhnya kepada enrolmen di KKNP. Manakala keputusan dari Analisis Regresi Berganda juga turut menolak hipotesis di bawah:
H_01: Faktor luaran bukan peramal yang signifikan kepada daya tarikan enrolmen pelajar baharu ke Kolej Komuniti Negeri Perak. Ini kerana semua faktor luaran adalah peramal yang signifikan kepada daya tarikan enrolmen pelajar baharu ke Kolej Komuniti Negeri Perak.

Jadual 9. Analisis Pekali Korelasi

Pembolehubah	**Pengaruh Luar**	**Institusi Pengajian**	**Publisiti Promosi**	**Prospek Masa Depan**	**Pengiktirafan**
Pengaruh Luar	1				
Institusi Pengajian	0.725**	1			
Publisiti Promosi	0.678**	0.720**	1		
Prospek Masa Depan	0.711**	0.804**	0.742**	1	
Pengiktirafan	0.643**	0.742**	0.652**	0.792**	1

Pekali korelasi bagi pembolehubah yang dikaji adalah antara 0.643 hingga 0.725 yang menunjukkan semua pembolehubah tidak bersandar mempunyai hubungan positif yang mempengaruhi enrolmen di KKNP mengikut Pekali Korelasi Pearson. Faktor institusi pengajian mempunyai perkaitan positif tertinggi yang mempengaruhi enrolmen di KKNP (r = 0.725). Diikuti dengan faktor prospek masa depan juga mempunyai korelasi yang positif yang mempengaruhi

enrolmen di KKNP (r = 0.711). Selain itu, keputusan menunjukkan bahawa faktor publisiti dan promosi dikaitkan secara positif yang mempengaruhi enrolmen di KKNP (r = 0.678). Akhir sekali, nilai pekali korelasi bagi faktor pengiktirafan ialah (r = 0.643) yang menegaskan bahawa faktor pengiktirafan juga mempunyai hubungan positif yang mempengaruhi enrolmen di KKNP. Keputusan ini juga membantu untuk mencapai objektif kajian ini iaitu untuk menentukan hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Oleh kerana semua nilai korelasi Pearson adalah positif, dapat disimpulkan bahawa objektif kajian nombor 1 adalah tercapai. Manakala keputusan dari Analisis Pekali Korelasi juga turut menolak hipotesis di bawah:
$H_0$2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan faktor luaran dalam mempengaruhi enrolmen pelajar baharu ke Kolej Komuniti Negeri Perak. Ini kerana semua faktor luaran terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan faktor luaran dalam mempengaruhi enrolmen pelajar baharu ke Kolej Komuniti Negeri Perak.

Perbincangan Analisis

Soalan kajian 1: *Adakah faktor luaran mempengaruhi kemasukan pelajar ke KKNP?*

Bagi hipotesis pertama iaitu faktor pengaruh luar, institusi pengajian, publisiti dan promosi, prospek masa depan serta pengiktirafan bukan peramal enrolmen kemasukan pelajar ke KKNP yang signifikan, daripada analisis data daripada ujian Regression linear berganda (Regression Multiple Test) didapati nilai signifikan adalah 0.773 iaitu lebih besar dan Hipotesis H_{02} gagal ditolak kerana nilai $p > 0.05$. Di sini, semua pembolehubah adalah peramal yang signifikan bagi enrolmen kemasukan pelajar. Penyelidik membuat kesimpulan bahawa kerana semua faktor luaran adalah peramal yang signifikan kepada daya tarikan enrolmen pelajar baharu ke Kolej Komuniti Negeri Perak serta faktor institusi pengajian dengan nilai B adalah pembolehubah terkuat yang mempengaruhi enrolmen di KKNP (nilai B = 0.329). Nilai beta pekali piawai antara institusi pengajian, publisiti dan promosi, prospek masa depan serta pengiktirafan ialah (β= 0.329, 0.234, 0.207 dan 0.083).

Soalan kajian 2 : *Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam enrolmen kemasukan pelajar ke KKNP berdasarkan jantina?*

Hipotesis kedua, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam enrolmen kemasukan pelajar ke KKNP berdasarkan jantina. Dapatan bagi hipotesis berdasarkan Pekali korelasi bagi pembolehubah yang dikaji adalah antara 0.643 hingga 0.725 yang menunjukkan semua pembolehubah tidak bersandar (faktor luaran) mempunyai hubungan positif yang mempengaruhi enrolmen di KKNP Hipotesis H_{02} gagal ditolak kerana nilai dengan nilai $p > 0.05$ dan nilai ujian adalah 0.643 iaitu lebih besar daripada 0.05 maka varians kedua-dua jantina adalah sama bagi enrolmen kemasukan pelajar. Faktor jantina juga tidak memiliki perbezaan yang signifikan dalam enrolmen kemasukan pelajar ke KKNP. Jika dilihat dari sudut jantina pula, berdasarkan kepada hipotesis kajian kedua iaitu dapatan kajian daripada analisis soalan kedua faktor jantina juga tidak memiliki perbezaan yang signifikan dalam enrolmen kemasukan pelajar ke KKNP. Jaafar (1986) yang mengkaji perhubungan antara jantina dan minat kerjaya yang menggunakan soal selidik ubahsuai daripada *Vocational Preference Inventory* berasaskan enam jenis personaliti RIASEK iaitu realistik, investigatif, artistik, sosial dan konvensional yang diadaptasi daripada teori Holland juga menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara minat kerjaya lelaki dan juga perempuan.

Cadangan Kajian Lanjutan

Penambahbaikan untuk kajian yang akan datang, penyelidik merasakan beberapa item perlu diberikan perhatian seperti pembinaan item bagi soal selidik, supaya soalan yang dibina benar–benar dapat memberi fokus kepada penyelidikan yang dibuat. Pemilihan dalam menentukan pembolehubah bersandar supaya lebih menepati tajuk penyelidikan dan bersesuaian. Perlu menggunakan sampel kajian daripada negeri lain di Malaysia supaya dapatan yang diperolehi lebih memberikan gambaran yang sebenar berkaitan penyelidikan serta menggunakan kaedah bercampur, kuantitatif dan kualitatif dalam penyelidikan lanjutan, dapatan kajian dijangka dapat memberi dan menghasilkan dapatan yang lebih baik dan bermakna.

Kesimpulan Kajian

Berhubung dengan hasil daripada kajian oleh penyelidik berkaitan analisa faktor kemasukan pelajar ke KKNP, penyelidik mengharapkan sesuatu perlu dilakukan bagi merangsangkan lagi peningkatan enrolmen kemasukan pelajar ke KKNP. Walaupun hasil penyelidikan mencerminkan semua faktor–faktor yang disenaraikan memberikan pengaruh terhadap kemasukan pelajar, tetapi secara realitinya jumlah kemasukan pelajar masih membimbangkan. Jika ditinjau dapatan daripada kajian, di sini dicadangkan supaya pihak JPPKK untuk mengambil langkah yang proaktif seperti memperluaskan hebahan dan promosi, mempromosikan kisah kejayaan lepasan kolej komuniti melalui rangkaian media massa di facebook, tik tok, instagram dan media massa konvensional seperti televisyen dan radio perlu dipergiatkan lagi. Daripada dapatan kajian keseluruhannya, ia menunjukkan kajian menjawab semua persoalan kajian yang dikemukakan dan objektif kajian ini adalah tercapai.

Rujukan

Abd Wahid Mukhari, S. S. A. S. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelatih Pusat Giatmara Memilih Bidang Elektrik Dan Elektronik Di Daerah Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Educational*, *3*, 52–66.

Ahmad, A., & Osman, L. H. (2017). Faktor Pendorong yang Mempengaruhi Keputusan Melanjutkan Pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di kalangan Staf Kerajaan dan Swasta (The Motivating Factors that Influence the Decision to Further Study at Insitutes of Higher Learning among Compa. *Jurnal Personalia Pelajar*, *20*(1), 59–65.

Amir Hasan, D. (2006). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*. Quantum Books.

Awang, A. H., Ramli, Z., & Ibrahim, I. (2012). Faktor tarikan pelajar siswazah antarabangsa ke universiti penyelidikan di Malaysia. Malaysia Journal of Society and Space. *Malaysia Journal of Society and Space*, *8*(6), 32–41.

Azizi Yahya, & Norhasimah Ismail. (2011). Faktor-Faktor Pemilihan Kursus Dan Masalah-Masalah Pembelajaran Dalam Mempengaruhi Pancapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Teknikal Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan. *Journal of Technical Vocational & Engineering Education*, *2*(June), 93–106.

Boudon, R. (2009). *The new Blackwell companion to social theory*.

Chapman, D. W. (1981). A Model of Student College Choice. *The Journal of Higher Education*, *52*(5), 490–505.

Fazil, N. B., & Hashim, N. B. (2017). Faktor - faktor yang menggalakkan Keberkesanan

Penggunaan Bengkel Bagi Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Kolej Komuniti. *In E-Proceedings ICompEx17 Academic Paper.*

Fhaizal, M., Bukhori, M., Daud, R., Rahim, N. U. R. F., Zailani, A., Jay, D., & Gopal, R. (2015). Kajian Empirikal Awal Terhadap Pola Kecenderungan Pemilihan Aliran Pengajian Peringkat PraUniversiti. *Jurnal Personalia Pelajar*, *18*(1), 23–34.

Friedman, D., & Hechter, M. (1988). The contribution of rational choice theory to macrosociological research. *Sociological Theory*, 201–218.

Hamid Abdul Rahim, A., Azman, N., & Mohd Majzub, N. (2013). Pelajar Generasi Pertama Sebagai Sumber Manusia: Motivasi Dan Aspirasi Melanjutkan Pelajaran Ke Institusi Pengajian Tinggi (Ipt) First Generation Students As Human Resource: Motivation and Aspiration To Further Studies in Higher Education Institutions. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, *10*(January), 203–232.

Husin, Noraznida, S. Z. M. N. (2018). Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Program Pengajian di IPTS : Kajian di Fakulti Pengurusan dan Muamalah , Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor. *Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah (ICoMM)*, 390–398.

Iain, D. I., Nurjati, S., & Tahun, C. (2017). Hubungan Motivasi Mahasiswa Dengan Minat Dalam Memilih Jurusan Tadris Ilmu Pengetahuan Sosial. *Jurnal Edueksos*, *VI*(1), 1–20.

ISA, M., & Udin, A. (2012). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Enrolmen Pelatih Di pusat Latihan Giatmara Negeri Johor. *(Doctoral Dissertation, Universiti Teknologi Malaysia)*.

Jamlos, M. . (2012). Faktor Yang Mempengaruhi Enrolmen Pelajar Aliran Pendidikan Teknik Dan Vokasional. *Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional*, ((Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)).

Jusoh, N., & Arshad, M. Y. . (2006). Kajian mengenai faktor-faktor pemilihan pelajar matrikulasi ke universiti tempatan (ipta) dan kursus pendidikan. *Doctoral Dissertation, Universiti Teknologi Malaysia*.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, *30*(3), 607–610.

Lukacs, M., & Bhadra, D. (2014). Pilihan Rasional di Balik Pembebasan Corby. *Jurnal Nasional Terakreditasi, Jurnal Sosial Humaniora 1*, *8*(November), 49–62.

Mohd, M., & Buntat, Y. (2008). Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus oleh pelajar Kolej Komuniti Yayasan Pelajaran Johor (KKYPJ) terhadap kursus pertanian (lanskap dan nurseri) yang ditawarkan. *Doctoral Dissertation, Universiti Teknologi Malaysia*.

Mohd Ridzuan Bin Naemat, Mohd Nor Khairil, Mohd Radzuan Harun, A. A. & L. H. O. (2017). Faktor Pendorong yang Mempengaruhi Keputusan Melanjutkan Pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di kalangan Staf Kerajaan dan Swasta (The Motivating Factors that Influence the Decision to Further Study at Insitutes of Higher Learning among Company . *Personalia Pelajar*, (20), 59–65.

Noor, M. A. M., & Mohamad, S. S. (2002). Faktor Di Antara Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Ke

Atas Penglibatan Para Pelajar Terhadap Aktiviti Pendidikan Luar-Satu Kajian Kes. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.*

Royo, M. A., & Mahmood, H. (2011). Faktor-Faktor Kelemahan Yang Mempengaruhi Pencapaian cemerlang Dalam Mata Pelajaran Reka Cipta. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, *2*(2), 145–174.

Sailin, R., Othman, N., Hamid, N. 'Adha A., Khalid, N., Awang, A. H., & Nor, M. F. M. (2014). Faktor Pendorong Kemasukan Pelajar Baharu Ke Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *International Research Management and Innovation Conference*, *2014*(November), 27–37.

Toenlioe, J. S. (1988). Teori Pilihan Rasional. *Teori Sosial Moderen Dan Klasik, Jakarta: Pt. Gramedia Pusataka Utama*, *220*(1 1), 1–6.

Yusoff, M. bt C. (2005). Kajian Kencenderungan Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Siswazah. *Jurnal Pengurusan Awam*, *4*(1), 36–45.

Konsep Pengulangan dalam Teknik Lukisan Isometrik pada Seni Kaligrafi Islam Kontemporari Malaysia

Nurul Emira binti Abdul Jimin
Politeknik Ibrahim Sultan
emirajimin@gmail.com

Abstrak: Kajian ini dijalankan bagi menjelaskan konsep pengulangan dan memperluas terminologi konsep pengulangan yang digunakan dalam Seni Kaligrafi Islam. Konsep pengulangan ini dapat ditemui dalam Al-Quran bertujuan sebagai peringatan berterusan kepada manusia. Konsep pengulangan dalam seni Islam merupakan salah satu konsep unik yang menjadikannya berbeza daripada yang lain. Dalam Al-Quran, kita akan mendapati beberapa frasa diulang-ulang sementara seni Islam juga penuh dengan imej berulang dalam kaligrafi. Teori Meyer Schapiro yang memfokuskan kepada gaya akan digunakan sebagai kaedah kualitatif dalam menganalisa hasil seni. Dua hasil karya artis seni kontemporari Malaysia yang menggunakan Teknik Lukisan Isometrik telah dipilih untuk dianalisis. Dapatan kajian memberi kesimpulan bahawa konsep pengulangan yang diterapkan ke dalam seni kaligrafi adalah satu bentuk zikir visual daripada artis kepada Tuhan Yang Esa, Allah SWT. Hasil kajian ini secara langsung menolak kritikan terhadap konsep pengulangan dalam Seni Islam sebagai serampangan yang tidak berasas.

Kata Kunci: Konsep Pengulangan; Teknik Lukisan Isometrik; Kaligrafi Islam; Seni Kontemporari Malaysia.

Pendahuluan

Seni kontemporari yang juga dikenali sebagai seni moden ialah karya seni yang dihasilkan di antara pertengahan abad ke-20 hingga abad ke-21. Seni kontemporari Malaysia juga berkembang dengan penggunaan pelbagai teknik yang memberi nafas baharu dalam dunia seni Malaysia.

Seni Islam terkenal dengan keindahan intrinsik dan reka bentuk abstrak. Seni Islam menggambarkan keimanan umat Islam dalam mempercayai Tuhan Yang Tunggal-Allah S.W.T. Inilah keindahan estetika Seni Islam. Kesenian Islam, sejak dahulu hingga kini kekal untuk tujuan utama iaitu untuk keimanan dan Tauhid kepada Allah S.W.T. Ia dicipta bukan gambaran estetik kemanusiaan atau sifat-sifat manusia atau kebenaran alam semula jadi (Al-Faruqi, 1985).

Kaligrafi adalah bentuk Seni tertinggi dalam Islam, dan ia berhubungan dengan Al-Quran. Ini kerana melalui tulisan Al-Quran diturunkan, tulisan Arab mula-mula diubah dan diperindahkan agar ia layak menerima wahyu Ilahi (Komaroff, 1992).

Pada abad ke-21, penghasilan karya seni kaligrafi Islam telah meningkat dalam kalangan artis Malaysia. Proses pengulangan kaligrafi dalam penghasilan karya adalah berbeza bagi setiap artis. Konsep pengulangan ini dapat dilihat dalam kepelbagaian teknik. Antaranya, teknik catan tradisional, teknik cetakan saring serta teknik lukisan isometrik.

Dalam tulisannya, Akhtar (2007) berkata, walaupun Yahudi dan Kristian mengkritik bagaimana Al-Quran berulang-ulang secara serampangan, mereka telah tersilap menuduhnya kerana pengulangan dalam Al-Quran mempunyai makna lebih daripada itu. Oleh itu, adalah penting isu ini dikaji dan difahami dengan jelas supaya menjadi rujukan bagi para penggiat seni Islam, pengkaji seni mahupun orang awam.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan untuk kajian ini ialah kaedah kualitatif terutamanya menggunakan *Grounded Theory*. Dua karya seni artis Malaysia Kontemporari yang menggunakan teknik lukisan Isometrik menjadi fokus utama dalam penyelidikan ini.

Bagi kajian ini, teori Meyer Schapiro tentang gaya digunakan untuk menganalisis seni khat Islam melalui teknik lukisan Isometrik. Kajian gaya yang dibentangkan oleh Meyer Schapiro akan digunakan untuk mengenal pasti seni tersebut.

> *"Bagi ahli sejarah seni, gaya adalah objek penting dalam penyiasatan. Dia mengkaji korespondensi dalamannya, sejarah hidupnya, dan masalah pembentukan dan perubahannya. Dia juga menggunakan gaya sebagai kriteria tarikh dan tempat asal karya dan sebagai cara untuk mengesan hubungan antara sekolah seni. Tetapi gaya itu, di atas semua, sistem bentuk dengan kualiti dan ekspresi yang bermakna melalui keperibadian artis dan pandangan luas kumpulan, berkomunikasi dan menetapkan nilai tertentu dalam kehidupan keagamaan, sosial dan moral melalui kesan emosi. daripada borang. Ia adalah, selain asas bersama yang boleh diukur terhadap inovasi dan keperibadian karya tertentu. Dengan mempertimbangkan penggantian karya dalam masa dan ruang dan dengan memadankan variasi gaya dengan peristiwa sejarah dan dengan ciri-ciri pelbagai bidang budaya lain, sejarawan mencuba dengan bantuan psikologi akal dan teori sosial untuk mengambil kira perubahan gaya atau sifat tertentu. Kajian sejarah gaya individu dan kumpulan juga mendedahkan peringkat dan proses tipikal dalam perkembangan bentuk"* (Schapiro, 1953).

Keputusan dan Perbincangan

Seni Islam juga boleh dianggap sebagai seni matematik yang menggunakan kecerdasan otak manusia untuk menyusun subjek supaya diletakkan dalam kombinasi yang harmoni tanpa bertindih antara satu sama lain. Salah satu kaedah dalam membuat susunan matematik ialah dengan melakukan lukisan isometrik.



Rajah 1. 'Bunga Cinta' oleh Ponirin Amin (2006)
Sumber : Koleksi Artis

Untuk menggunakan teknik ini, ahli khat biasanya menggunakan 'Kufi Khat' kerana jenis khat ini lebih berbentuk geometri dan senang dibentuk. Bentuk geometri 'Kufi Khat' memudahkan ahli kaligrafi mengolah bentuk dengan lebih fleksibel.

Dari kotak segi empat sama, artis menggunakan pengetahuan asas isometrik untuk menjadikannya kiub kecil. Bentuk itu kemudiannya menjadi heksagon jika dilihat dari dua dimensi. Bentuk itu kemudian diulang secara berterusan untuk menjadi tapak lukisan (Rajah 2).



Rajah 2. Tapak lukisan

Nama Allah SWT dan Muhammad SAW kemudian disusun menjadi bentuk sekuntum bunga dengan menggunakan konsep pengulangan. Proses pembuatan seni ini juga sama dengan proses pembuatan *pixel art* yang menggunakan kotak persegi sebagai tapak lukisan. Dengan menyebut nama Allah SWT dan Muhammad SAW berulang kali, ia menjadi zikir visual kerana berfungsi sebagai satu bentuk zikir.

Seniman meluahkan perasaan dengan menunjukkan keindahan Islam melalui keindahan sekuntum bunga. Bunga sentiasa merujuk kepada wanita dan kecantikan. Oleh itu, bentuk bunga dipilih kerana melambangkan perasaan dalaman pelukis terhadap agamanya.

Lukisan isometrik ialah proses terkenal pada masa sekarang dalam dunia seni, terutamanya Seni Grafik. Teknik ini lebih cenderung dipilih oleh ahli kaligrafi muda terutamanya dalam melakukan Seni Kufi yang lebih berbentuk geometrik. Salah seorang ahli khat muda, Muhammad Sobirin Abdul Hamid, tampil dengan konsep zikir visual yang sama seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.

Rajah 3. Zikir series by Muhammad Sobirin Abdul Hamid. (2012)



Sumber : Koleksi Artis

Berbeza dengan Ponirin Amin, Muhammad Sobirin lebih banyak menggunakan kata-kata zikir untuk melengkapkan lukisan ini. Nama Allah SWT, Muhammad SAW, kalimah Lailahaillallah, Subhanallah, Alhamdulillah dan Allahu Akbar diulang-ulang dan tersusun indah dalam keseimbangan yang harmoni dan sepadan.

Nama Allah SWT diletakkan di tengah-tengah, dikelilingi oleh empat kuntum nama Muhammad SAW. Lafaz zikir bercantum, membentuk bunga dan ruang latar. Ia dicipta dengan cantik dengan menggunakan warna biru dan merah yang harmoni. Susunan seni ini dibuat untuk mengingati Allah SWT. Perkataan Zikrullah dan nama Muhammad berulang kali dibuat sebagai peringatan kepada umat Islam untuk terus mengulangi kata-kata itu. Pengulangan peringatan ini juga mendisiplinkan hati umat Islam agar sentiasa mengingati Tuhan Yang Maha Esa. Hanya terdapat satu nama Allah SWT dan kedudukannya di tengah-tengah. Hal ini demikian kerana setiap perkataan lain akan bertumpu kepada punca tengah.

Kesimpulan

Pengulangan dalam konteks sudut pandangan Muslim adalah untuk menyatakan perasaan mereka terhadap Tuhan Yang Esa iaitu Allah SWT. Gambar ulangan, bentuk dan kaligrafi melambangkan kesatuan dalam Islam. Perpaduan adalah elemen yang penting kerana umat Islam mesti menjaga hubungan baik antara orang di sekelilingnya untuk mendapat keredaan Allah SWT. Imej-imej dan kaligrafi itu diulang-ulang bentuknya secara rata sehingga seseorang tidak dapat menentukan di manakah permulaan seni dan penamat seni itu, dan ia dilambangkan sebagai infiniti yang mewakili Allah SWT. Kata-kata khat juga diulang-ulang untuk menggambarkan zikrullah atau zikir.

Ideologi praktikal yang dipegang oleh seniman Muslim ini kemudiannya tersirat ke dalam seni mereka yang terhasil dalam pelbagai bentuk. Ada di antara mereka menggunakannya untuk meluahkan perasaan. Ada juga artis yang menggunakan konsep ini sebagai peringatan serta sebagai kaedah pengajaran kepada seorang Muslim lain untuk mengingati Tuhan. Hal ini demikian kerana imej dan perkataan yang berulang-ulang boleh menjadi salah satu kaedah dalam terapi minda. White

(2002), dalam bukunya *Printmaking as Therapy: Frameworks for Freedom* membincangkan bahawa kualiti pengulangan yang menenangkan diri boleh membantu dalam membangunkan minda.

Tiga teknik utama yang digunakan oleh artis Seni Kaligrafi Kontemporari Malaysia ialah menggunakan lukisan isometrik, lukisan tradisional dan teknik cetakan saring. Kajian lanjut tentang konsep pengulangan dalam seni khat kontemporari Malaysia boleh dilakukan pada teknik cetakan saring serta pada lukisan tradisional pula.

Rujukan

Abdul Rahman al-Hamadi. (2003). *"Perluasan Penggunaan Tulisan Khat (Jawi) sebagai Lambang dan Hiasan", Tamadun Rumpun Budaya Melayu.* Kuala Lumpur: Kementerian Budaya, Kesenian dan Warisan.

Akhtar, S. (2007). *The Quran and the Secular Mind: A Philosophy of Islam.* New York: Routledge.

Al-Faruqi, L. (1985). *Islam and Art.* Islamabad: National Hijra Council.

Harris, J. (2011). *Globalization and Contemporary Art. United Kingdom:* John Wiley & Sons.

Irwin, R. (1982). *Islamic Art.* London: Laurence King Publishing.

Komaroff, L. (1992). *Islamic art in the Metropolitan Museum: The Historical Context.* New York: Metropolitan Museum of Art.

Lapidus, I. (2012). *Islamic Societies to the Nineteenth Century: A Global History.* USA: Cambridge University Press.

Levy, J. (2005). *Islamic Art: Recognizing Geometric Ideas in Art.* USA: Rosen Classroom.

Low, C. (2011). *Artists show their reverence to God via Islamic calligraphy.* The Star.

Muliyadi Mahamood. (2007). *Modern Malaysian Art: From the Pioneering Era to the Pluralist Era, 1930s-1990s.* Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Piyadasa, R. (2002). *Masterpieces from the National Art Gallery of Malaysia.* Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.

Schapiro, M. (1953). *Style.* University of Chicago Press.

Pembangunan Sistem e-Risk Bagi Pengurusan Risiko dan Peluang di Politeknik Ibrahim Sultan

Norfarahi binti Zulkifli[1, a], Catherine Nguoi Chui Lam[1, b], Hashim bin Mat Zin[2, c], Nor Marlina binti Othman[1, d], Mohd Khairul Naim bin Sameri[1, e], Ahmad Haffizu bin Abdullah[1, f], Nurul Farahdiana binti Jaafar[1, g]

[1]Politeknik Ibrahim Sultan

[2]Kolej Komuniti Gerik

[a]norfarahi@pis.edu.my

Abstrak. Pengurusan risiko dan peluang merupakan satu keperluan bagi semua agensi atau institusi yang melaksanakan sistem pengurusan kualiti berasaskan Standard MS ISO 9001:2015. Namun begitu, masih tiada satu sistem pengurusan risiko dan peluang yang sistematik, teratur dan efektif yang digunapakai oleh agensi atau institusi bagi melaksanakan proses tersebut. Oleh itu, satu sistem pengurusan data berbentuk Sistem Pengurusan Pelaporan Risiko dan Peluang, iaitu *e-Risk* telah dibangunkan bagi memudahkan Politeknik Ibrahim Sultan melaksanakan sistem pengurusan risiko dan peluang untuk memenuhi klausa 0.3.3 Pemikiran Berasaskan Risiko dan klausa 6.1 Tindakan Menyatakan Risiko dan Peluang. Artikel ini membincangkan proses pembangunan dan pengujian sistem e-Risk. Hasil dapatan soal selidik yang diperoleh daripada 30 orang pengguna sistem e-Risk menunjukkan dapatan positif daripada pengguna sistem e-Risk dari aspek Reka bentuk Sistem, Kebolehfungsian dan Kemudahgunaan dan Tahap Kepuasan Pelanggan menunjukkan bahawa sistem yang dibangunkan ini dapat mengatasi masalah yang timbul berikutan kesukaran yang dihadapi oleh jawatankuasa risiko dan peluang dan ia mempunyai potensi untuk dijadikan satu sistem gunasama kepada institusi dan agensi seperti Kolej Komuniti dan politeknik lain.

Kata kunci: Pengurusan Risiko; Pembangunan Sistem; Peluang; Memantau; Mengemaskini; Menyemak.

Pengenalan

Pengurusan risiko adalah satu komponen penting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi dalam apa jua bidang sama ada ekonomi, kewangan, sosial mahupun pendidikan. Pengurusan risiko didefinisikan sebagai suatu penyelarasan atau perancangan aktiviti organisasi secara bersepadu melalui penetapan hala tuju atau strategi dan kawalan dalam menghadapi sebarang risiko (Jabatan Standard Malaysia 2010). Risiko didefinisikan dalam ekonomi sebagai ketidaktentuan yang wujud terhadap hasil mendatang yang mana kemungkinan pendapatan lebih daripada jangkaan dan sumber yang tidak diketahui (Bhatti dan Misman, 2012). Bagi institusi pula, Boas (2012) mendefinisikan risiko dalam institusi tidak bermatlamatkan keuntungan sebagai impak negatif yang mengekang daripada misi, objektif, strategi untuk dicapai. Pengurusan risiko merupakan satu prinsip yang bertujuan untuk mengenal pasti, menganalisis dan mengendalikan faktor risiko untuk meningkatkan peluang bagi mencapai kejayaan atau mengelak dari sebarang kegagalan projek (Bannerman 2008; Boehm 1991). Pengurusan Risiko dan Peluang merupakan satu keperluan Standard MS ISO 9001:2015 yang mesti dipatuhi dan dilaksanakan oleh institusi. Risiko dapat ditakrifkan sebagai kesan ketidakpastian yang boleh memberi kesan terhadap pencapaian objektif atau matlamat sesebuah organisasi dan apa-apa ketidakpastian itu boleh mempunyai kesan positif atau negatif. Peluang pula membawa maksud kesempatan yang baik dari peristiwa atau risiko yang berlaku.

Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) mempunyai keseluruhan 28 jabatan dan unit serta telah mempunyai satu struktur jawatankuasa risiko dan peluang yang terdiri dari penyelaras risiko dan peluang, setiausaha serta ahli yang diwakili oleh setiap jabatan dan unit. Antara bidang tugas yang ditetapkan ialah membuat pendaftaran risiko, analisis risiko, rawatan ke atas risiko dan pemantauan terhadap risiko dan peluang yang didaftarkan. Antara masalah yang dihadapi oleh jawatankuasa ini ialah kesukaran untuk membuat pemantauan menggunakan aplikasi sedia ada. Risiko dan peluang yang didaftarkan perlu dipantau dan dilaporkan. Pelaksanaannya dibuat pada awal tahun dengan pendaftaran risiko dan peluang, pada pertengahan tahun dengan laporan pemantauan 1 dan di akhir tahun dengan laporan pemantauan 2. Hasil pelaksanaan pemantauan terdahulu yang dibuat secara manual telah mendapat teguran dari pihak juruaudit samada dalaman dan luaran. Masalah juga timbul apabila sesetengah jabatan atau unit memasukkan maklumat pada link (*google drive*) yang berbeza dan terdapat pertindihan maklumat. Selain itu, pihak penyelaras risiko dan peluang juga sukar untuk membuat pemantauan kerana maklumat setiap jabatan dan unit berada dalam fail yang berasingan dan sukar untuk melihatnya secara *overall*. Keadaan ini akan menjadi bertambah sulit jika ada pembetulan atau penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh jabatan dan unit yang terlibat selepas semakan penyelaras. Justeru itu, sistem e-Risk dibangunkan bagi mengatasi masalah yang timbul dengan berasaskan kesukaran yang dihadapi oleh jawatankuasa risiko dan peluang. Ia juga diharapkan untuk memudahkan semua Ketua Jabatan dan Ketua Unit untuk mengemaskini, menyemak dan memantau risiko dan peluang masing-masing.

Metodologi

Sistem e-Risk dibangunkan dengan menggunakan pendekatan *Design Thinking*, yang melibatkan lima (5) fasa, iaitu *Emphatize - Define - Ideate - Prototype - Testing*, seperti yang diringkaskan dalam *Rajah 1*. Pendekatan *Design Thinking*, iaitu satu metode kolaborasi yang bukan sahaja berfokus kepada pemerhatian, tetapi juga pengalaman pengguna, boleh digunakan untuk mencari solusi yang efektif dan efisien bagi mengatasi satu masalah yang kompleks (Sari et al., 2020). Seperti yang diterangkan, proses ini bermula dengan mendefinisikan masalah dan kemudian membangunkan solusi yang berfokuskan pengguna kepada produk akhir (Steinke et al., 2017).



Rajah 1. Pendekatan *Design Thinking*

Pada peringkat permulaan, iaitu fasa ***Emphatize***, pemahaman terhadap masalah telah dijalankan melalui pemerhatian, temubual dan maklum balas/ teguran daripada auditor. Antara masalah yang diperhatikan oleh Jawatankuasa risiko dan peluang di PIS ialah kesukaran untuk membuat pemantauan dan penyimpanan rekod bukti pemantauan menggunakan sistem lam. Kaedah temubual pula telah dijalankan terhadap 5 orang pengguna aplikasi sedia ada iaitu *e-risk management*

dan mendapati bahawa aplikasi sedia ada belum memenuhi seluruh proses pengurusan risiko dan peluang. Aplikasi tersebut perlu ditambahbaik untuk memenuhi keperluan pemantauan, paparan laporan, dokumen pembuktian dan kemudahan *storage* dokumen. Teguran audit pula adalah berkaitan dengan keperluan untuk menambahbaik sistem pengurusan risiko dan peluang dari sudut ruang catatan untuk memberi justifikasi perubahan NKR yang perlu disokong dengan bukti. Maka, tindakan penambahbaikan yang diambil adalah dengan membangunkan sistem e-risk ini.

Untuk fasa ***Define***, kaedah analisa kerangka 4 langkah (rujuk *Rajah 2*), iaitu Hapuskan (Eliminate)- Kurangi (Reduce)-Tingkatkan (Raise)- Ciptakan (Create) Grid (ERRC Grid) seperti yang digunakan dalam kajian lain (Aini & Rizal, 2021; Arief & Maupa, 2021) digunakan sebagai strategi untuk merangka langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi isu kurangnya keberkesanan pengurusan dan kawalan risiko di organisasi. Bagi fasa ***Ideate***, dua lagi metod perancangan strategik, iaitu analisis SWOT (rujuk *Rajah 3*) dan Kaedah 5W1H (rujuk *Rajah 4*) digunakan untuk memudahkan proses transisi dari rumusan masalah ke arah penyelesaiannya.

S	W	O	T
STRENGTHS (Kekuatan)	**WEAKNESSES (Kelemahan)**	**OPPORTUNITIES (Peluang)**	**Threats (Ancaman)**
Mempunyai set senarai daftar risiko dan peluang secara dalam talian.	Kesukaran mendaftarkan risiko dan peluang dengan Aplikasi sedia ada.	Menambahbaik kemudahan proses penyimpanan senarai daftar dan proses pemantauan berkala.	Ancaman virus kepada aplikasi yang boleh mengganggu simpanan data dalam *Google Drive.*
Mempunyai satu aplikasi yang memudahkan sistem pengurusan risiko di PIS.	Kesukaran proses kemaskini, pemantauan dan pembuktian dengan menggunakan Aplikasi sedia ada.	Penjimatan kos	Aplikasi boleh direplikasi oleh pihak lain.

Rajah 3. Analisis SWOT



Rajah 4. Rumusan Idea dengan menggunakan kaedah 5W1H

Untuk fasa ***Prototype*** dan ***Testi***ng pula melibatkan penghasilan dan pengujian sistem e-Risk yang dilaksanakan melalui perbincangan dengan pakar iaitu Juruaudit Luar dan penilaian kebolehgunaan sistem melalui soal selidik kepada pengguna. Ulasan pakar menyatakan bahawa sistem e-Risk ini adalah satu sistem yang mesra pengguna untuk pengurusan risiko dan peluang di institusi. Soal selidik pula diedarkan kepada 30 orang pengguna yang terdiri daripada Penyelaras Risiko dan Peluang dari semua jabatan dan unit di PIS. Dapatan ini akan dibincangkan dalam bahagian yang berikutnya.

Dapatan dan Perbincangan

Pendekatan *Design Thinking* dalam kajian ini berjaya menghasilkan satu sistem e-Risk seperti Rajah 5 di bawah.



Bil	No Rujukan	Tahun	Jabatan	Dimensi	Proses	Status Pemantauan Risiko	Ulasan / Catatan JK Risiko	Tarikh Kemaskini	Tindakan	Catatan (Dokumen Pembuktian)
1	34	2023	CDEC	Proses	Pengurusan	Tindakan Berterusan	Tarikh:	2023-01-30 10:42:50		
2	92	2023	CISEC	Staff	Pelaksanaan kursus yang memberi nilai tambah kepada pelajar/graduan	Tindakan Berterusan	Pembetulan di bahagian Pemantauan Risiko (Kekerapan Pemantauan) - nyatakan kekerapan pemantauan ke atas keadah yang dilaksanakan. Tarikh: 2023-03-16 08:48:09	2023-04-04 08:43:08		
3	104	2023	JHEP	Staff	Promosi kemasukan pelajar ke politeknik	Tindakan Berterusan	1. Pembetulan di ruangan Peluang. Dicadangkan PIS dapat menerima pengunjung yng merupakan prospek calon. 2. Pembetulan di ruangan Kekerapan Pemantauan. Perlu dinyatakan dengan jelas berapa kali setahun. Tarikh: 2023-03-16 09:52:31	2023-03-01 09:50:29		
4	101	2023	JHEP	Pelajar	Melaksanakan proses pendaftaran kenderaan pelajar	Tindakan Berterusan	Baik.Tidak perlu pembetulan. Tarikh: 2023-03-16 10:15:32	2023-03-01 07:46:22		
5	100	2023	JHEP	Staff	Menyemak salinan dokumen calon	Tindakan Berterusan	Baik.Tidak perlu pembetulan. Tarikh: 2023-03-16 08:15:14	2023-03-01 07:44:05		
6	103	2023	JHEP	Pelajar	Pendaftaran pelajar secara pandu lalu	Perubahan / Kewajan	Baik.Tidak perlu pembetulan. Tarikh: 2023-03-16 08:16:46	2023-03-01 07:49:54		

Rajah 5. Paparan Sistem e-Risk

Setelah prototaip sistem e-Risk ini terhasil, proses pengujian dilaksanakan untuk menguji kebolehgunaan sistem. Hasil soal selidik mendapati lebih 90% responden bersetuju dengan reka bentuk Sistem e-Risk, lebih 90% bersetuju dengan kebolehfungsian sistem dan juga lebih 90% bersetuju dengan kemudahgunaan sistem ini. Rumusan dapatan adalah seperti Rajah 6 di bawah.



Rajah 6. Rumusan Dapatan Maklum Balas Pengguna

Aspek rekabentuk sistem merujuk kepada paparan sistem seperti antara muka dan susunan maklumat di atas skrin. Dapatan kajian memberi maklumat bahawa paparan sistem ini memberi kesenangan kepada pengguna berdasarkan peratus persetujuan yang diberikan melebihi 90%. Dapatan aspek kebolehfungsian sistem pula menunjukkan sistem ini bukan sahaja boleh berfungsi dengan baik malah memenuhi ciri-ciri yang diperlukan. Selain itu juga, dapatan menunjukkan 90% responden bersetuju dengan kemudahgunaan sistem ini. Hal ini memberi maklumat bahawa kesemua proses pengurusan risiko dan peluang yang terkandung dalam sistem e-Risk ini mudah digunakan. Ini merangkumi proses kenalpasti risiko, analisis risiko, rawatan ke atas risiko dan pemantauan risiko.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membincangkan pembangunan sistem e-Risk bagi pengurusan risiko dan peluang di Politeknik Ibrahim Sultan. Selain itu, kajian ini juga turut membincangkan proses pengujian kebolehgunaan sistem. Pembangunan sistem e-Risk ini diharapkan dapat membantu mengatasi masalah pengurusan risiko dan peluang sebelum ini dan membatu Politeknik Ibrahim Sultan mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015 dengan keperluan standard di bawah klausa 0.3.3 Pemikiran Berasaskan Risiko dan klausa 6.1 Tindakan Menyatakan Risiko dan Peluang.

Rujukan

Aini, M. N., Auliana, L., & Rizal, M. (2021). Penerapan blue ocean strategy pada Trans Studio Bali PT. Chairul Tanjung Corpora. *Jurnal Aplikasi Bisnis dan Manajemen (JABM)*, *7*(2), 343-343.

Arief, I. F., & Maupa, H. (2021). Perumusan Strategi dengan Pendekatan Blue Ocean Strategy pada PT Alpha Beta Charlie (ABC). *Jurnal Manajemen Bisnis dan Kewirausahaan*, *5*(5), 476-481.

Bhatti, I., & Misman, F. N. (2012). Risks Exposure in Islamic Banks: A Case Study of Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). SSRN Electronic Journal.

Boas, K. (2012). Building capacity in NGO risk management. Retrieved from http://www. thesustainablengo.org/.

Bannerman P.L. 2008. Risk and risk management in software projects: A reassessment. Journal of Systems and Software 81(12): 2118–2133.

Boehm B.W. 1991. Software risk management: Principles and practices. IEEE Software 8(1): 32-41.

Sari, I. P., Kartina, A. H., Pratiwi, A. M., Oktariana, F., Nasrulloh, M. F., & Zain, S. A. (2020).

Implementasi Metode Pendekatan Design Thinking dalam Pembuatan Aplikasi Happy Class Di Kampus UPI Cibiru. *Edsence: Jurnal Pendidikan Multimedia*, *2*(1), 45-55.

Steinke, G., Al-Deen, M., & LaBrie, R. (2017, March). Innovating information system development methodologies with design thinking. In *Proceedings of International Conference on Applied Innovation in IT* (Vol. 5, No. 1, pp. 51-55). Anhalt University of Applied Sciences.

Abstract. In domestic plumbing system, pipe fitting plays an important role in connecting straight pipe or tubing section. The most common pipe fitting used are Y-shaped and T-shaped pipes. A Y-shaped and T-shaped pipe equally split the flow line in two directions. T-shaped will split fluid into 90^0 and Y-shaped into 45^0. This paper presents a comparison analysis of velocity, pressure and turbulent kinetic energy inside both shaped pipes using computational fluid dynamics (CFD)model and implemented with the help of ANSYS CFX software. Water is a fluid that is selected to flow through a pipe system. It was observed that Y-shaped structures were found to be better than T-shaped structures.

Keywords: ANSYS CFX; Y-shaped pipe; T-shaped pipe; Pressure; Velocity; Turbulent kinetic energy.

Introduction

Pipe fitting plays an important role in automotive and plumbing systems as they are used to connect various types of components. There are various type of fitting use in the automotive industry. Y-shaped and T-shaped pipes are very common pipe fitting in industry nowadays. Three variables that are significant to the design of pipe joints or fittings are velocity, pressure and turbulence energy. Velocity is a crucial parameter that directly influences the flow of particles or fluid in the pipe assembly. The velocity measurement will affect the performance and efficiency of the system whether the velocity is too high or too low. Second parameter that needs to put into consideration is pressure. It plays a pivotal role in determining the balance and stability of the pipe assembly system in terms of several issues such as leaks and blockages. Turbulence refers to irregular motion or behaviour of the fluid when travelling in the pipeline. Turbulence can contribute to energy loss. Controlling turbulence is important for optimizing the performance of the fittings in the pipe assembly [9]. By analysing these factors, it can identify the effectiveness of fittings in pipe assembly systems especially in the automotive industry.

A Y-branch or known as Y- connector refer to its Y shaped are designed to separate a single flow pipe to two separated branches equally in two directions. It is a fitting with three openings and is used to create branch lines [1]. Standard Y shaped allows one pipe to be joined to another at a 45^0 angle. Y shaped pipe are identical to T shaped pipe except that the branch line is angled to lessen friction that could restricted the flow and that the connection is typically at a 45^0 angle rather than a 90^0 angle [3]. It also can minimize the pressure drop in the pipeline that can improve the efficiency of the system. A 45^0 angle fittings can minimize the turbulence that are generated by fluid stream that can reduce noise and vibration on the pipe assembly. Although 45^0 fitting offer many advantages, it's also some had disadvantages that need to take consideration during the selection of the fitting in the pipe assembly system. Among disadvantages of Y-shaped 45^0 angle fittings is limited change in direction when fittings require more abrupt turn in flow direction, risk of erosion due to high flow of water and manufacturing complexity that led to higher cost production [7].

T shape or 90^0 angle pipe fittings used to connect three pipes at right angle or perpendicular to each other. The T-shape fittings can provide a sharp and immediate change in direction of fluid flow that allow precise routing of the pipe assembly. A sharp change in direction of fluid in 90^0 angle pipes reduces the effect of turbulence in the pipe system and it is generally manageable. It also allows effective flow control in order to manage the pressure of fluid in the system. There are some issue that need to be considered when using 90^0 angle fittings that will affect the performance of fluid. The introduction of T shape pipes in the system can lead to pressure drops when fluid branching into two directions. It also creates imbalance flow that can lead to uneven fluid distribution that will reduce the effectiveness of the pipe assembly system.

Problem Layout

Figure 1 shows the schematic drawing of Y-shaped and T-shaped pipes respectively. The figure also shows an allocation of fluid flow through the pipe and a general physical setup. Water is a medium selected which flow through the network of pipes system. The velocity of water is flow through one inlet and two outlets at the end of Y and T-shaped pipe. Two pipes with diameter 20 mm with same equal length at 10mm each, so that the changes in velocity, pressure and turbulent kinetic energy can be studied throughout the piping system by plotting several points parallel to each other. Water was selected as a flow fluid enteringthe system at initial velocity 0.01m/s. In this simulation method, we investigated and analyzed the data from the point plot the determine the ideal pipe fittings available in the market either Y-shaped pipe (45^0) or T-shaped (90^0).

Various research has been carried out to investigated the performance of fluid when passing through Y shaped and T shape pipe fittings. When fluid flows through a bend section in a pipe it will cause change in the motion of the fluid. The aim of the paper is to make a comparison of water flow through a 45^0 (Y shape) angle pipe and 90^0 (T shape) angle pipes.

In an automotive cooling system, it needs an efficient system to remove heat from the system in order to prevent the engine from overheating. Heat is removed by using water that iscirculate through the engine. An automotive cooling system is equipped with a radiator, water pump, coolant passage, thermostat etc. All those components are connected by using pipe, hose and tubes that present with 45^0 and 90^0 angles bend. Some of them are connected in three section branches in the form of Y shaped and T shaped fittings. Therefore, it's important to understand the water flow and performance through both shapes of pipe. The study will provide a clear perspective on which type of fittings can improve the performance of a vehicle in terms of absorbing heat from the engine and keeping the engine at optimal condition.



Figure 1: Schematic drawing and flow distribution hrough both pipe

Modelling and Simulation

The Y-shape and T-shaped pipes are modelled in ANSYS CFX. The diameter of each pipe is set at 20 mm length equal. The inlet of each pipe is drawn horizontally and the outlet is drawn at angle of 45^0 and 90^0. Meshing was done by using refinement. The fluid used in the simulation is water with a constant density of 997 kg/m^3 and a dynamic viscosity of 0.0008 kg/ms. The fluid is assumed to have a laminar flow. Fluid enters at an initial velocity of 0.01 m/s. The diameter was set to 20 mm and length at 10 mm. Flow rate was set at 0.00313kg/s [4]. The data shown at table 1

a) Data table for simulation analysis

Angle	Dimension (diameter)	Point	Velocity (m/s)	Pressure (pa)	Turbulent Kinetic Energy (TKE)
45^0	**20 mm**	**A5**	0.00529872	0.00224999	3.93E-06
		A6	0.0053	0.00157123	3.31E-06
90^0	**20 mm**	**B5**	0.0051532	-0.00305664	8.30E-06
		B6	0.005099	0.000971802	7.61381e-006

The figure 2 shows a flowchart of ansys simulation process. After definingthe problem, the geometry will create by using Ansys and generate a meshing on the geometry. Define the analysis type (eg. Thermal and fluid dynamics). Run the solver to perform the analysis. And the post process is analyze and visualizes the result. Figure 3 showsthe meshing process for this simulation.



Figure 2. Process flowchart



Figure 3. Meshing of Y shape and T-shape

CFD Result and Discussion



Figure 4 . Velocity contour of Y shape and T shape

Result Analysis

The figure 4 has shown the velocity at two shaped pipe fitting. The shape of 45^0 and 90^0 was selected in the current work and analyzed by simulation of computational fluid dynamics (CFX). The angle of 45^0 is viewed the Y shaped and the 90^0 is viewed the T shaped. The point A5 and A6 is viewed at Y shaped and the point B5 and B6 is viewed from the viewed at T shaped. The distance of the point is same at this two-angle shaped. The inlet flow of water velocity is 0.01m/s and the show n different velocity at two angles. At 90^0 angles showed the velocity dropped more than 45^0 angles. That means the pipe bend of 45^0 angles is better than 90^0. The result of pressure and TKE also show the same situation, when the result from 45^0 angle pipe bend is higher compared to 90^0 angle pipe bend. At the point B5 shows the negative pressure, it is because the point is developed under the vapor situation.

Conclusion

From the simulation of computational fluids dynamics analysis, it was analyzed that the flow caused by a fully developed straight pipe profile at the start of the bend increases to a maximum at a bend angle of about 45° or 90°. After the flow at bend angle, the flow is reduced from the starting point after the bend angle to behind the outlet point. An important outcome of the Computational Fluids Dynamics (CFX) analysis which validates the practical application of Y shaped pipe at bend angle of 45° based on the result velocity, pressure and the kinetic energy.

Reference

Austin, R. G., B. van B. Wanders, S. McKenna and C. Y. Choi. (2008) Mixing at Cross Junctions in Water Distribution Systems–Part II. An Experimental Study, ASCE Journal of Water Resources Planning and Management134:3 pp. 295-302.

Balvinder Singh,harpreet Singh, H, Sigh Sehgal (2013) CFD Analysis of Fluid Flow Parameters within A Y-Shaped Branched Pipe, International Journal of Latest Trends in Engineering and Technology (IJLTET)

RomeroGomez, P., C. K. Ho, and C. Y. Choi. (2008). Mixing at Cross Junctions in Water Distribution Systems –Part I. A Numerical Study, ASCE Journal of Water Resources Planning and Management, 134:3, pp. 284-294.

Rennels, D. C. (2022). Pipe flow: A practical and comprehensive guide. John Wiley & Sons.

M. Sahu1, Kishanjit Kumar Khatua2 and Kanhu Charan Patra3, T. Naik4. (2009). Developed laminar flow in pipe using computational fluid dynamics. 7th International R&D Conference and Development of Water and Energy Resources.

D. Bhandari1 , Dr. S. Singh2. (2012**).** Analysis of fully developed turbulent flow in a pipe using computational fluid Dynamics,International Journal of Latest Trends in Engineering and Technology (IJLTET)

Jihong Wang, Francine Battaglia, Shugang Wang, Tengfei Zhang & Zhenjun Ma. (2019) Flow and heat transfer characteristics of ice slurry in typical components of cooling systems: A review. International Journal of Heat and Mass Transfer 141, pages 922-939.

Dang, Z., Yang, Z., Yang, X., & Ishii, M. (2018). Experimental study of vertical and horizontal two-phase pipe flow through double 90 degree elbows. International Journal of Heat and Mass Transfer, 120, 861-869.

Jaćimović, N., Ivančić, Z., & Ivošević, M. (2021). Finite element analysis of 90 degree pipe elbow sustained stress indices. *International Journal of Pressure Vessels and Piping*, *192*, 104401.

ESTETIKA PENGARUH MAKAN TRADISI KELANTAN '*LOMPAT TIKAM*' DALAM REKABENTUK *TIPOGRAFI*

Nurul Aisyah Othman[1], Izati Nabila Marzuki[2],Zulkefli Amdan[3], and Edzreen Syahira Jamil[4]

[1,3,4]Politeknik Ibrahim Sultan

[2]Universiti Malaysia Kelantan
nurulaisyahothman@pis.edu.my

Abstrak. Kepelbagaian adat, kaum, warisan dan budaya di seluruh negeri di Malaysia merupakan aset yang paling bernilai dan memberi identiti unik kepada negara ini. Keunikan ini telah menjadi sumber inspirasi yang menyatupadukan rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat. Seterusnya menjadi daya tarikan utama bagi pelancong yang datang melancong di Malaysia. Kuih muih di Kelantan amat terkenal dengan pelbagai aneka jenis dan keunikan yang menarik. Antaranya, kuih Lompat Tikam yang merupakan pencuci mulut atau snek manis yang diperbuat daripada tepung beras dan santan dan ianya telah menjadi ikon makanan tradisi Kelantan yang paling terkenal. Kuih Lompat Tikam ialah pencuci mulut atau snek manis yang diperbuat daripada tepung beras dan santan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan antara makanan tradisi kuih Lompat Tikam dengan reka bentuk tipografi sebagai medium untuk mempromosikan dan melestarikan warisan budaya Kelantan. Kaedah kajian dalam penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian, temu bual dan soal selidik untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat daripada responden. Melalui kajian yang dijalankan, penyelidik dapat memperkenalkan estetika bidang tipografi sebagai alat strategik dalam pemeliharaan seni warisan Malaysia Kelantan, khususnya melalui lensa reka bentuk kepada masyarakat luar serta seterusnya menjadi platform dan rujukan kepada generasi akan datang supaya ia dapat dipelihara sehingga ke generasi akan datang.

Kata kunci: Estetika;Makan Tradisi; *Lompat Tikam*; *Tipografi.*

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik dan budaya. Kepelbagaian kaum dan budaya ini menghasilkan pelbagai jenis resepi dan makanan tradisi. Khususnya Negeri Kelantan yang terkenal sebagai tempat 'syurga makanan'. Maka tidak hairanlah budaya serta gaya hidup masyarakat di sini agak berbeza dengan budaya Melayu di tempat lain. Selain terkenal dengan budaya tradisi, pantai yang indah dan lokasi membeli-belah, ia juga terkenal dengan makanan dan kuih-muih yang sedap walaupun namanya banyak yang pelik dan ada juga nama yang mengerikan tetapi rasanya sedap. Pelbagai kuih tradisi negeri Kelantan ini yang pastinya sedap dan tidak mengecewakan. Kuih-kuih tradisi ini juga mempunyai warna yang terang dan berwarna warni dapat memikat selera pengunjung dengan kemeriahan warna yang terdapat pada kuih muih tersebut. Walaupun kos untuk membuat kuih tersebut mahal tetapi bagi yang menggemarinya berasa berbaloi dengan keenakan rasa kuih-muih tradisi Kelantan ini.

Dalam kajian ini pengkaji memilih kuih tradisi lompat tikam sebagai kajian kes dalam membentuk reka bentuk *tipografi* kerana warnanya yang menarik. Menurut sejarah kuih *lompat tikam* ini berasal dari kerajaan Majapahit dan dibawa masuk ke Malaysia untuk dipersembahkan kepada kerajaan Kelantan pada tahun 1700. Kuih ini mendapat nama menerusi suatu kejadian dimana salah seorang daripada dayang-dayang di istana sedang membawa dulang berisi kuih ini lalu tersandung pada bendul di istana lalu menyebabkan sultan melompat terkejut dan tertikam dayang itu. Maka, dari situlah terhasilnya nama kuih *lompat tikam* (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara 2022).

Kuih *lompat tikam* merupakan antara kuih tradisional Melayu yang sangat popular dalam kalangan penduduk yang tinggal di pantai timur. Mempunyai dua lapisan dan dimakan bersama-sama

dengan air gula melaka, rasanya sangat enak dan menyelerakan. Di bahagian bawah kuih ini mempunyai rasa pandan manakala bahagian atas pula rasa sangat berlemak. Manakala perbezaan *lompat tikam* Kelantan ianya lebih istimewa kerana ada tambahan pulut yang berwarna merah untuk menyerikan lagi dan membezakan ianya dari yang lain. Pulut bewarna merah ini tidak hanya memberikan elemen visual yang menarik tetapi menonjolkan variasi lain dalam hidangan Melayu. Selain itu, ia mencerminkan kreativiti si tukang hasil dalam mempertahankan makanan warisan dengan menambahkan unsur-unsur unik dan menarik makanan di Malaysia, khususnya di negeri Kelantan.

Oleh itu dalam pengkaji ingin meneroka dengan lebih mendalam peranan makanan warisan Kelantan kuih Lompat Tikam dalam pengaruh reka bentuk tipografi dan bagaimana hal ini dapat menyumbang kepada pemeliharaan serta membina idea pengkaji dalam mempromosi budaya Malaysia. Berdasarkan kepada isu dan persoalan di atas terdapat beberapa permasalahan kajian yang menjadi titik fokus dalam penyelidikan ini antaranya bagaimana elemen-elemen estetik dalam kuih Lompat Tikam seperti warna, bentuk, tekstur, dan komposisi visual dapat diterjemahkan ke dalam reka bentuk tipografi.

Seterusnya sejauh mana pengaruh visual makanan ini dapat mencipta dan menghasilkan seni tipografi yang menarik perhatian audien dan memberikan sumbangan kepada pemeliharaan dan promosi warisan budaya Malaysia. Pengkaji akan mengkaji sejauh mana elemen-elemen seperti warna, bentuk, tekstur, dan komposisi visual dalam hidangan ini dapat dijadikan idea dan dapat diaplikasikan dalam rekaan seni tipografi. Permasalahan-permasalahan ini telah menjadi dasar kajian dalam usaha untuk mendalami pengaruh makanan warisan Kelantan iaitu kuih Lompat Tikam dalam estetika reka bentuk tipografi serta peranannya dalam pemeliharaan dan promosi budaya Malaysia.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada pemeliharaan dan promosi warisan budaya Malaysia, khususnya dalam konteks makanan tradisi Kelantan. Selain itu, ia juga akan memberikan pandangan baru dan inspirasi dalam penggunaan seni tipografi sebagai alat untuk mempromosikan dan memahami lebih mendalam tentang nilai budaya yang semakin berkembang. Kesimpulannya, dasar kajian ini merupakan suatu usaha untuk menghubungkan makanan tradisi, seni tipografi, dan pemeliharaan budaya dalam satu wacana yang kreatif dan bernilai.

Objektif Kajian

Dalam usaha untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai dengan jayanya, maka objektif kajian seperti di bawah telah dibentuk.

i) Mengenalpasti elemen-elemen estetik kuih Lompat Tikam yang boleh diaplikasikan dalam reka bentuk seni tipografi

ii) Menganalisis reka bentuk tipografi yang menggabungkan elemen-elemen estetik dari kuih Lompat Tikam dengan tujuan mencipta tipografi yang unik dan menarik yang mempromosikan dan memperkukuhkan estetika makanan tradisi.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berdasarkan pendekatan etnografi melalui penglibatan pengkaji secara terus turun kelapangan. Etnografi adalah kajian berbentuk diskriptif terhadap budaya, institusi atau kumpulan dalam masyarakat. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam usaha pengumpulan data di lapangan kajian antaranya melibatkan kaedah temu bual, pemerhatian langsung dan rekod data. Kajian khusus ini berfokuskan kepada Estetika Pengaruh Makan Tradisi Kelantan '*Lompat Tikam'* Dalam Rekabentuk *Tipografi* dengan kompilasi dan susunan data-data serta maklumat yang bersumberkan tempat kajian, buku rujukan, media massa dan internet.

Penyelidikan etnografi biasanya melibatkan tiga pertimbangan utama. Pertama, penyelidik perlu melakukan kajian literatur melalui perpustakaan untuk mengenalpasti subjek kajian dengan lebih mendalam bertujuan untuk mengidentifikasi masyarakat yang menjadi fokus kajian. Kedua, penyelidik perlu mengumpulkan data dan bahan yang berkaitan dengan subjek kajian, termasuk foto dan bahan audio visual. Penyelidikan ini melibatkan tinjauan lapangan dan analisis terhadap objek kajian iaitu makanan warisan Kelantan kuih Lompat Tikam. Ketiga penyelidik perlu menjalankan eksplorasi yang lebih mendalam untuk mengenalpasti variasi, persamaan, dan perbezaan dalam elemen-elemen yang menjadi tumpuan kajian.

Maklumat yang diperoleh melalui kaedah pemerhatian visual kuih, analisis warna, serta eksperimen dalam mencipta reka bentuk tipografi yang menggabungkan elemen-elemen warna yang terdapat dalam kuih akan mencipta satu reka bentuk tipografi yang baharu. Hal ini secara langsung dapat menambahkan penciptaan tipografi baharu berdasarkan elemen warisan dan mendidik masyarakat tentang kekayaan elemen warisan yang terdapat di negara kita yang harus dimartabatkan.

Rekabentuk *Tipografi* Pengaruh Budaya Tradisi

Dalam konteks budaya tradisi, *tipografi* menjadi suatu kaedah dalam menyampaikan sesuatu sejarah, tradisi dan nilai sesuatu budaya untuk merapatkan jurang antara masa lalu dan masa kini supaya terus diwarisi turun-temurun (Ade Lose Hermanto, Y. 2022). Penyelidikan ini merupakan satu kajian di mana tipografi atau huruf boleh berdiri dengan sendiri hasil daripada gabungan idea ciri-ciri yang terdapat pada kuih tradisi *lompat tikam*. Kebanyakan hasil seni cipta *tipografi* terhasil dari pengaruh dengan alam, budaya, warisan dan tradisi melalui peniruan elemen-elemen ini.

Tipografi dicipta bagi melengkapkan hasil karya seni samada dalam bentuk seni komersial atau dalam bentuk seni untuk seni. Penyelidikan secara mendalam telah dijalankan bagi menghasilkan reka bentuk tipografi yang menarik dan mudah dibaca serta boleh dijadikan sebagai bahan seni yang boleh dikomersialkan. Pemilihan *tipografi* atau huruf untuk menghasilkan sesuatu penghasilan seni amat dititikberatkan supaya mesejnya sampai kepada audien untuk membacanya. Gambar 1 dibawah menunjukkan gambar asal kuih lompat tikam yang merupakan makanan warisan Kelantan yang akan dianalisis dan diinterpretasi dengan lebih lanjut oleh pengkaji. Seterusnya setiap elemen yang terkandung dalam kuih ini dimasukkan unsur elemennya dalam rekaan tipografi yang baharu yang akan direka oleh pengkaji.

Gambar 1. Sumber dari Nur Dini Abd Aziz 2019

Kajian Warna *Tipografi Lompat Tikam*



Gambar 2. Gabungan idea warna kuih *lompat tikam* dalam menghasilkan huruf tipografi

Gambar 2 menunjukkan gabungan kajian warna yang telah dilakukan oleh pengkaji dalam menghasilkan tipografi berdasarkan warna yang terdapat pada bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan kuih *lompat tikam*. Pemilihan gabungan warna merah, hijau, coklat dan putih ini akan menghasilkan kesan perbandingan kontras antara latar belakang dengan huruf dan teks supaya mudah dikenali dan difahami serta jelas kepada audien. Menurut Kusrianto (2009, hlm.47), warna adalah imej pelengkap dan mewakili suasana psikologi pelukis dalam berkomunikasi.

Warna dalam konteks *tipografi* juga merupakan elemen yang sangat penting untuk merangsang perasaan, kesedihan, kegembiraan, suasana hati, semangat, menyentuh sensitiviti dan sebagainya. Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan nafas baharu dalam bidang tipografi tentang pengaruh penggunaan warna yang diinspirasikan daripada makanan warisan Kelantan. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada pereka grafik, pengiklan dan pemasaran dalam menghasilkan rekabentuk tipografi yang kreatif dan menarik. Seterusnya dapat mencipta satu identiti tradisi yang boleh dipromosikan kepada masyarakat luar.

Analisis Visual Rekabentuk *Tipografi Lompat Tikam*

Tujuan utama reka bentuk tipografi adalah mencipta tampilan teks yang estetik, mudah dibaca dan efektif dalam menyampaikan mesej. Penekanan terhadap elemen-elemen tipografi dalam menghasilkan reka bentuk merangkumi pemilihan dan penggunaan muka huruf, saiz huruf dan juga jenis huruf yang jelas dan mudah difahami oleh audien. Gambar 3.1 menunjukkan lakaran idea awal pengkaji dalam membina reka bentuk tipografi. Pada peringkat awal ini, pengkaji menggabungkan unsur-unsur estetik yang terdapat pada elemen kuih Lompat Tikam seperti penggunaan warna merah, putih dan hijau dalam mencipta tipografi yang baharu supaya lebih inovatif dan menarik.

Pemikiran awal ini menjadi asas dalam pembangunan reka bentuk tipografi yang selanjutnya. Manakala gambar 3.2 menunjukkan rekaan akhir huruf tipografi yang dilakar dalam perisian Adobe Photoshop secara digital berpandukan ciri-ciri yang terdapat pada bahan dan karakter kuih Lompat Tikam. Rekaan ini diterbitkan dengan mengambil kira ciri-ciri visual dan karakter yang terdapat pada kuih Lompat Tikam. Hasil kajian akhir ini mencerminkan bagaimana elemen-elemen estetik kuih telah digabungkan ke dalam rekaan tipografi baharu bertujuan untuk mencipta tampilan teks yang memikat dan berkaitan dengan tema makanan tradisional.



Gambar 3.1. lakaran awal reka bentuk tipografi lompat tikam

3.2. Lakaran akhir reka bentuk huruf, warna. komposisi tipografi lompat tikam

Konsep ini dapat dilihat dengan jelas dan mudah dibaca menerusi ciptaan huruf yang dicipta. Gabungan unik antara tradisi dan inovasi *tipografi* ini boleh dijadikan sebagai medium utama membuka ruang pelbagai khalayak untuk melibatkan diri dan menceburi lebih banyak bidang grafik dan teknologi. Selain itu, menerusi penghasilan jenis reka bentuk *tipografi* ini juga dapat disampaikan makna yang jelas berkaitan kepentingan mengekalkan warisan tradisi dan nilai estetika makanan tradisi negara kita. Melalui kajian ini, pengkaji ingin memperkenalkan kembali kepada rakyat di Malaysia khususnya betapa pentingnya seni *tipografi* yang menfokuskan kepada seni muka taip yang akan dihasilkan kepada identiti Melayu melalui idea makanan tradisi.

Kesimpulan

Menerusi kajian ini, penyelidik amat menitik beratkan peranan *tipografi* di dalam membantu menaikkan atau memartabatkan kebudayaan tradisi itu sendiri melalui makanan tradisi yang bertemakan Lompat Tikam. Dengan adanya penyelidikan ini dapatlah mewarnakan negara Malaysia

dengan kepelbagaian kemunculan idea-idea baharu di dalam mencipta dan mereka bentuk seni visual *tipografi*. Selain itu, menerusi kajian ini pengkaji ingin menjadikan penciptaan reka bentuk ini sebagai perantaraan untuk menerapkan konsep tradisional dan moden dengan menyelitkan intipati tradisi dan warisan yang harus dijaga dan dikekalkan.

Melalui kajian ini menyedarkan masyarakat bahawa seni tipografi bukan hanya sekadar penekanan aspek teknikal dalam seni grafik malahan turut berperanan penting dalam menterjemahkan nilai budaya. Dengan gabungan elemen-elemen tradisi dalam kuih Lompat Tikam membolehkan pengkaji untuk mencipta reka bentuk yang unik yang mengekalkan akar budaya seterusnya menambahkan idea baharu dengan menggabungkan pengaruh moden dalam penciptaan tipografi. Hal ini membuka ruang kepada pengkaji-pengkaji baharu dalam menghasilkan idea baharu dan inovasi dalam seni reka bentuk yang mempromosikan warisan budaya dan menghormati nilai-nilai tradisional yang harus dijaga dan dikekalkan.

Rujukan

Ade Lose Hermanto, Y. (2022). Collaboration Between Typography and Visual Narrative to Strengthen the Communication Delivery Process. *KnE Social Sciences*, *2022*, 166–175.

Aziz Deraman (2005) Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Worawit baru @ Haji Ahmad Idris, (2004). Pemikiran Melayu, Tradisi Dan Kesinambungan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur

Huda Smitshuijzen AbiFares, (2007), Typographic Matchmaking, Building Cultural Bridges With Typeface Design, B/L Khatt Foundation.

David Jury,(2004) Reviving The Rules Of Typography, About Face, Roto Vision.

Rob carter, Ben Day, Philip Meggs, Typographic Design: Form and Communication, Van Nostrand Reinhold, New York, 1993.

Roger Fawcett-Tang & David Jury, (2007) New Typographic Design, London Laurence King Publishing Ltd.

Tova Rabinowitxz, 2006 Exploring Typography An In-Depth Guide to the Art & Techniques of Designing With TypeThomson Delmar Learning.

Kusrianto, A. (2009). Pengantar desain komunikasi visual. Yogyakarta: CV Andi Offset.

Jabatan Kebudayaan dan kesenian Negara. 2022. Kompleks JKKN Kelantan, Lot 1993,Tanjong Chat & Seksyen 49,15200 Kota Bharu Kelantan.

Informen

Wan Mahirah Binti Mahmood. 45 Tahun. Kampung Beris Lalang Bachok Kelantan. Pembuat Kuih Tradisi Lompat Tikam. 12 Mei 2023.

Senah Binti Talib. 48 Tahun Kampung Lubuk Tembusu Bachok Kelantan. Pembuat Kuih Tradisi Lompat Tikam. 14 Mei 2023.

Latipah Binti Awang Soh. Kampung Kandis Bachok Kelantan. 50 Tahun. Pembuat Kuih Tradisi Lompat Tikam. 16 Mei 2023.

TAHAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN (*KNOWLEDGE, ATTITUDE, AND PRACTICE*, KAP) KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DALAM KALANGAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM

Siti Noor Aiinaa binti Ismail[1, a], Nor Rashidah binti Musa[2, b] and Raihana binti Abdul Malek[3, c]

[1,2,3]Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

[a]aiinaa@mohe.gov.my, [b]norashidah.musa@mohe.gov.my, [c]raihana.abdmalek@mohe.gov.my

Abstrak: Keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan salah satu elemen penting yang perlu dipantau dan dikawal dalam sesebuah organisasi. Berdasarkan statistik Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada tahun 2020, sebanyak 32,674 kes berkaitan kemalangan dan 312 kes berkaitan kematian yang melibatkan pekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan di dalam negara dilaporkan. Purata dua kematian dan kes kemalangan di tempat kerja yang dilaporkan setiap hari mendorong kerajaan mengambil pelbagai langkah bagi mewujudkan tempat kerja yang selamat, sihat selain bebas kemalangan serta penyakit. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) terhadap hazard yang dikenalpasti di Bahagian Standard Swasta, Jabatan Pendidikan Tinggi. Kaedah kajian adalah secara deskriptif dan inferensi bagi KAP di tempat kerja. Responden terdiri daripada 66 orang kakitangan dengan kaedah soal selidik kuantitatif merangkumi aspek demografi dan tahap KAP sebagai instrumen utama untuk mendapatkan data. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for The Social Science* (SPSS) versi 20.0. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan adalah sederhana dengan min 3.59, manakala penilaian sikap menunjukkan tahap tinggi dengan min 4.22 dan penilaian amalan berada pada tahap tinggi dengan min 4.07. Kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pihak penyelidik akan datang serta pihak-pihak lain yang berkaitan terutamanya sektor awam bagi mengurangkan risiko kemalangan dan kecederaan di tempat kerja.

Kata kunci: *Knowledge; Attitude and Practice* (KAP); Keselamatan; Kesihatan; Hazard; Risiko.

Pendahuluan

Isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan salah satu elemen yang dititikberatkan dalam pengurusan sumber manusia sesuatu organisasi (Nurul Asmad, 2015). Menurut Akta 514, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994), tanggungjawab keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa bekerja adalah terletak kepada pihak majikan (Azreen & Nasir, 2020) di mana pihak majikan hendaklah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dipengerusikannya sendiri di tempat kerja sekiranya jumlah pekerja melebihi 40 orang. Pejabat boleh diklasifikasikan sebagai rumah kedua kerana banyak masa dihabiskan oleh pekerja iaitu hampir lapan jam tanpa menyedari bahawa mereka dikelilingi oleh persekitaran yang boleh membahayakan diri. Seperti juga tempat kerja yang lain, pejabat juga tidak terkecuali daripada hazard fizikal, biologikal, kimia, faktor ergonomik dan psikososial (Selamat & Mukhiffun, 2018).

Dengan pelaksanaan AKKP 1994 khususnya melalui Perkara 15(2), pihak kerajaan telah mewajibkan majikan memberikan maklumat tentang cara dan bila menggunakan peralatan keselamatan, serta memastikan pekerja sentiasa berada dalam situasi yang selamat. Pemeriksaan dan penyelenggaraan alat yang digunakan juga perlu diambil perhatian. Tanda amaran juga perlu disediakan untuk mengingatkan para pekerja memakai peralatan pelindung diri yang sesuai (Muhammad Shazwi, 2017). Statistik Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 2020 menunjukkan bilangan pekerja di Malaysia adalah sebanyak 14.9 juta, manakala 32,674 kes kemalangan dan 312 kes kematian yang melibatkan pekerja dalam pelbagai sektor di mana purata dua kematian dan kes kemalangan di tempat kerja dilaporkan setiap hari. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) terhadap kepentingan pengurusan risiko hazard keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Kajian Literatur

Kajian pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) merupakan penilaian untuk mengenal pasti tahap kesedaran tentang pengurusan risiko hazard bagi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. KAP berfungsi sebagai ujian untuk mendiagnosis masyarakat untuk menilai sejauh mana tahap pengetahuan, sikap dan amalan dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan (Kaliyaperumal, 2004: Mostafa NS & Momen M, 2014).

Tinjauan KAP banyak digunakan untuk menyiasat tingkah laku kesihatan dan amalan untuk mempromosi kesihatan secara efektif (Hausmann-Muela et al. 2003: Mostafa NS & Momen M, 2014). Pendedahan KAP setiap hari kepada pekerja dapat membantu intervensi berdasarkan bukti untuk memperbaiki keadaan kerja atau perubahan tingkah laku (Goh & Chua, 2016: Nuruzzakiyah, 2019). Selain itu KAP berupaya menjadikan pengurusan lebih sistematik, hubungan pekerja dan majikan bertambah baik, peningkatan pengeluaran dan kos insurans pampasan yang rendah dapat dicapai (Mostafa NS & Momen M, 2014).

Kajian KAP mendedahkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan, sikap dan amalan dengan tempoh pengalaman bekerja tetapi tidak signifikan terhadap latihan hazard keselamatan dan kesihatan (Selman et al. 2018). Daripada hasil kajian tersebut, pihak pengurusan disaran melaksanakan program latihan mengenai bahaya pekerjaan dan mengkaji kualiti latihan terdahulu. Meningkatkan kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui latihan merupakan langkah penting untuk memperkuat pemahaman mereka tentang pentingnya kepatuhan terhadap prosedur keselamatan serta untuk meningkatkan kesedaran akan risiko yang terkait dengan lingkungan kerja mereka (Kadir et al. 2021).

Metodologi

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana soal selidik diedarkan untuk mengkaji hubungan KAP dengan pengurusan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Soal selidik yang digunakan telah disahkan dan dikenal pasti kebolehpercayaan oleh pakar serta diubahsuai mengikut kesesuaian kajian. Sebanyak 66 set borang soal selidik telah diedarkan kepada kakitangan perkhidmatan awam di mana kumpulan sasaran adalah Bahagian Standard Swasta (BSS), Jabatan Pendidikan Tinggi. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pensampelan secara rawak mudah menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Populasi seramai N= 80 orang apabila menggunakan formula Krejcie dan Morgan akan menghasilkan sampel s= 66 orang.

Kajian ini memberi tumpuan kepada pekerja yang bekerja di dalam pejabat dan menggunakan komputer terutamanya pekerja di bahagian pengurusan dan pentadbiran. Responden terbahagi kepada pekerja Perkhidmatan Tetap (Penjawat Awam) dan Perkhidmatan Jangka Pendek *(Malaysia Short-Term Employment Programme,* MySTEP). Jumlah responden yang terlibat adalah seramai 66 orang yang terdiri daripada Unit Khidmat Pengurusan, Seksyen Perhubungan, Seksyen Piawaian, Seksyen Pendaftaran, Seksyen Kolej Swasta dan Seksyen Universiti Swasta di BSS.

Instrumen kajian ini merangkumi tiga aspek utama iaitu pengetahuan, sikap dan amalan pekerja serta penentuan tahap risiko terhadap hazard keselamatan dan kesihatan di tempat mereka bekerja iaitu di BSS, JPT. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian yang perlu dijawab oleh responden iaitu bahagian A: Demografi, bahagian B: Pengetahuan, bahagian C: Sikap dan bahagian D : Amalan. Bahagian A: Demografi mengandungi enam (6) item soalan berkaitan latar belakang responden iaitu jantina, umur, latar belakang pendidikan, kumpulan perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan unit atau seksyen dalam BSS. Bahagian B: Pengetahuan mengandungi lapan (8) item soalan merujuk kepada kesedaran pekerja dari segi pengetahuan terhadap pengurusan risiko keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Manakala pada bahagian C: Sikap mengandungi enam (6) item soalan merujuk kepada penilaian sikap pekerja terhadap pengurusan risiko keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Bahagian D: Amalan pula mengandungi penilaian amalan pengurusan risiko keselamatan dan kesihatan yang dijalankan di tempat kerja.

Item soalan selidik bahagian B, C dan D menggunakan kaedah skala likert, lima (5) pilihan telah digunakan bermula dari Sangat Setuju sehingga ke Sangat Tidak Setuju. Analisis tahap diukur dengan tiga tahap skor min yang utama iaitu tahap rendah (1.00 – 1.67), sederhana (1.68 – 3.35) dan tinggi (3.36 – 5.00). Borang soal selidik yang disediakan terbahagi kepada lima (5) bahagian, iaitu bahagian A (demografi), B (tahap pengetahuan), C (penilaian sikap), dan D (penilaian amalan). Pecahan bahagian borang soalan selidik dapat dilihat seperti Jadual 1.

Jadual 1. Kandungan Soal Selidik dan Bilangan Item

Item	Konstruk	Dimensi	No. Item	Jumlah
B	Tahap pengetahuan	aspek pengetahuan hazard keselamatan dan kebersihan di tempat kerja	B1 – B8	8
C	Penilaian sikap	aspek sikap terhadap hazard keselamatan dan kebersihan di tempat kerja	C1 – C6	6
D	Penilaian amalan	aspek amalan mengelakkan hazard keselamatan dan kebersihan di tempat kerja	D1 – D6	6
			Jumlah	**20**

Item-item dalam borang soal selidik telah diuji menggunakan ujian kebolehpercayaan Cronbach's Alpha, mengikuti panduan yang disarankan (Pallant, 2010; Nor Suhaily et.al, 2018). Nilai skor Cronbach's Alpha yang diperoleh adalah 0.89, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat baik bagi setiap item. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa soal selidik yang disediakan untuk tujuan pengumpulan data dalam kajian KAP mengenai pengurusan risiko keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah sesuai dan boleh dipercayai.

Data dalam Jadual 2 menunjukkan penyebaran frekuensi dan peratusan tahap pengetahuan responden mengenai hazard keselamatan dan kesihatan. Analisis menunjukkan bahawa tahap kesedaran responden terhadap hazard keselamatan dan kesihatan adalah sangat tinggi, yang disokong oleh skor min keseluruhan sebanyak 3.59. Sebanyak 51 responden setuju bahawa organisasi tempat mereka bekerja memastikan keadaan keselamatan melalui sistem kawalan 24 jam untuk item B1. Sementara itu, 43 responden mengakui kehadiran Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja bagi item B2. Tambahan pula, 40 responden bersetuju bahawa terdapat dasar atau polisi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja untuk item B3.

Selain itu, sebanyak 35 responden juga setuju dengan pernyataan item B4 yang menyatakan bahawa polisi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mudah dibaca dan diakses. Namun, item B5 menunjukkan bahawa 40 responden tidak bersetuju atau tidak yakin terdapatnya aktiviti atau program keselamatan dan kesihatan yang dilaksanakan secara aktif di jabatan tempat mereka bekerja. Meskipun demikian, dari segi item B6, sebanyak 37 responden menyatakan kemampuan mereka dalam mengendalikan peralatan pemadam kebakaran, menunjukkan inisiatif mereka untuk mempelajari teknik penggunaan peralatan tersebut dalam situasi kecemasan. Bagi item B7, hanya 30 responden mengakui pengetahuan mereka mengenai teknik pertolongan cemas. Manakala majoriti 35 responden dalam item B8 mengakui pengetahuan mereka mengenai pegawai yang bertanggungjawab dalam situasi kecemasan yang melibatkan hazard keselamatan dan kesihatan.

Purata peratusan persetujuan responden terhadap keseluruhan item soalan ini yang bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan pekerja tetap dan MySTEP di jabatan mereka mengenai hazard keselamatan dan kesihatan, adalah sebanyak 58.15%. Hasil ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mereka masih berada pada tahap sederhana. Secara umumnya, pekerja tidak sedar akan paparan risiko pelbagai jenis yang dapat mengancam keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, termasuk risiko kesihatan mental dan fizikal, kondisi kerja yang tidak selesa, bahaya penggunaan bahan kimia, persekitaran kerja yang tidak selamat dan lain-lain (Rosley Jaafar et. al, 2018).

Jadual 2. Analisis Tahap Pengetahuan Terhadaphazard Keselamatan dan Kesihatan

Item soalan		STS	TS	TP	S	SS	min
B1. Saya bekerja di dalam premis yang selamat dengan sistem kawalan keselamatan 24 jam.	K	0	1	4	24	37	4.47
	(%)	0	1.5	6.1	36.4	56.1	
B2. Saya tahu kewujudan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan di Jabatan	K	4	6	13	26	17	3.70
	(%)	6.1	9.1	19.7	39.4	25.8	
B3. Saya tahu kewujudan Dasar / Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di pejabat	K	3	7	16	22	18	3.68
	(%)	4.5	10.6	24.2	33.3	27.3	
B4. Polisi Keselamatan dan Kesihatan telah ditampal di tempat yang mudah dibaca.	K	2	10	19	22	13	3.52
	(%)	3.0	15.2	28.8	33.3	19.7	
B5. Terdapat program keselamatan dan kesihatan yang aktif di tempat kerja saya	K	4	10	26	21	5	3.20
	(%)	6.1	15.2	39.4	31.8	7.6	
B6. Saya tahu menggunakan alat pemadam kebakaran di tempat kerja	K	5	8	16	27	10	3.44
	(%)	7.6	12.1	24.2	40.9	15.2	
B7. Saya berpengetahuan dalam asas pertolongan cemas	K	3	9	24	28	2	3.26
	(%)	4.5	13.6	36.4	42.4	3.0	
B8. Saya tahu pegawai yang perlu dihubungi jika berlaku kecemasan	K	3	7	21	25	10	3.48
	(%)	4.5	10.6	31.8	37.9	15.2	
Min keseluruhan							**3.59**

Jadual 3 menunjukkan bahawa sikap responden terhadap hazard keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah di tahap yang baik di mana responden mencatatkan skor min keseluruhannya pada min 4.22. Ini menunjukkan bahawa responden cakna pada hazard di sekeliling tempat bekerja. Seramai 65 responden sentiasa memastikan persekitaran kawasan kerja yang selamat dan bebas dari unsur berbahaya, hanya seorang responden yang tidak pasti untuk item C1 ini. Seterusnya dalam item C2, menunjukkan seramai 95.4% responden bersetuju akan segera memberi bantuan jika terdapat situasi kecemasan. Ini bermakna mereka sentiasa bersiap sedia dengan sebarang hazard melibatkan

keselamatan dan kesihatan. Bagi item C3 pula, menyatakan seramai 98.5% responden bersetuju bahawa mereka bersedia untuk melaporkan sebarang kejadian tentang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Seramai 61 responden juga sangat bersetuju dengan item C4 iaitu mereka bersedia untuk menyertai sebarang program yang dianjurkan berkaitan keselamatan dan kesihatan tempat kerja. Namun begitu, seramai 34 responden tidak bersetuju dengan item C5 di mana mereka berpendapat bahawa program keselamatan yang dihadiri tidak memadai untuk mereka menilai risiko di tempat kerja. Hal ini perlu dilihat dengan lebih mendalam untuk kakitangan kerajaan secara tetap mahupun jangka pendek. Pembangunan program keselamatan dan kesihatan mampu memberikan impak yang besar dalam penghasilan tugas yang berkualiti jika dapat dilaksanakan secara holistik dan berterusan.

Hasil dapatan daripada item C6 iaitu kecuaian responden boleh meletakkan diri mereka dan rakan sekerja dalam keadaan berbahaya menunjukkan bahawa 93.9% daripada keseluruhan responden bersetuju dengan kenyataan ini. Hanya 6.1% responden yang tidak pasti dan sangat tidak setuju dengan item ini. Purata peratusan keseluruhan responden bersetuju dengan item soalan penilaian sikap terhadap hazard keselamatan dan kesihatan adalah sebanyak 95.8%. Hasil kajian ini disokong oleh kajian Nur Aqilah Mohamad Riza (2010) dalam kajian beliau terhadap kakitangan di sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), beliau mendapati faktor komitmen dan sikap merupakan faktor yang paling dominan mempengaruhi tahap pematuhan terhadap aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Menurutnya juga, faktor ini merupakan kekuatan dalaman yang ada pada individu dan kumpulan di dalam organisasi secara semulajadi. Oleh itu, majikan sepatutnya menggunakan kekuatan dalaman ini untuk melaksanakan program atau aktiviti keselamatan dan kesihatan untuk terus meningkatkan prestasi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Sikap yang baik pekerja akan membentuk amalan keselamatan dan kesihatan yang baik, justeru akan berjaya mengurangkan risiko bahaya kemalangan di tempat kerja. (Zulhizzam & Hazelena Dewi, 2014).

Jadual 3. Analisis Sikap Responden Terhadap hazard Keselamatan dan Kesihatan

Item soalan		STS	TS	TP	S	SS	min
C1. Saya sentiasa memastikan persekitaran kawasan kerja yang selamat dan bebas dari unsur berbahaya.	K	0	0	1	35	30	4.44
	(%)	0	0	1.5	53.0	45.5	
C2. Saya akan segera memberi bantuan jika terdapat situasi kecemasan	K	0	1	2	35	28	4.36
	(%)	0	1.5	3.0	53.0	42.4	
C3. Saya bersedia untuk melaporkan sebarang kejadian tentang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja	K	0	0	1	32	33	4.48
	(%)	0	0	1.5	48.5	50.0	
C4. Saya bersedia untuk menyertai sebarang program yang dianjurkan berkaitan keselamatan dan kesihatan tempat kerja	K	0	1	4	36	25	4.29
	(%)	0	1.5	6.1	54.5	37.9	
C5. Program keselamatan yang dihadiri memadai untuk saya menilai risiko di tempat kerja	K	6	7	21	24	8	3.32
	(%)	9.1	10.6	31.8	36.4	12.1	

C6. Kecuaian saya boleh meletakkan diri saya dan rakan sekerja dalam keadaan berbahaya.	K	1	0	3	27	35	4.44
	(%)	1.5	0	4.5	40.9	53.0	
Min keseluruhan							**4.22**

Jadual 4 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan amalan responden terhadap hazard keselamatan dan kesihatan. Skor min keseluruhan 4.07 jelas menunjukkan responden adalah berada pada tahap yang tinggi.

Analisis menunjukkan bahawa 65 responden bersetuju dengan item D1 bahawa mereka sentiasa patuh kepada prosedur keselamatan ketika melakukan apa jua pekerjaan. Walau bagaimanapun bagi item D2, seramai 35 responden masih tidak pasti dan tidak setuju untuk selalu menyertai program keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang dianjurkan. Didapati kemungkinan terdapat kekangan dari segi masa dan jadual tugasan di tempat mereka bekerja.
Selain itu, 64 responden bersetuju bagi item D3 iaitu sentiasa mengamalkan kebersihan sebelum dan selepas melakukan sebarang jenis pekerjaan sebagai amalan dalam menjalankan tugas sebagai kakitangan perkhidmatan awam. Malahan 54 responden bersetuju sentiasa memastikan pintu laluan kecemasan di tempat kerja bebas daripada sebarang halangan bagi item D4.

Item D5 menunjukkan bahawa 51 responden bersetuju bahawa mereka sentiasa memastikan peti pertolongan kecemasan diletakkan di tempat yang mudah diakses. Hal ini kerana jika terdapat sebarang kecemasan atau kecederaan, mereka sedar dan tahu bagaimana untuk bertindak. Ini merupakan suatu amalan yang sangat baik terhadap hazard di sekeliling mereka.

Manakala 53 responden turut bersetuju dengan item terakhir D6, iaitu sentiasa memastikan alat pemadam api diletakkan di tempat yang mudah diakses. Walau bagaimanapun terdapat 13 responden kurang dan tidak setuju dalam amalan ini. Purata peratusan responden bersetuju dengan item soalan penilaian amalan terhadap hazard keselamatan dan kesihatan adalah sebanyak 78.9% dengan skor min 4.07.

Jadual 4. Analisis Amalan Responden Terhadap hazard Keselamatan dan Kesihatan

Item soalan		**STS**	**TS**	**TP**	**S**	**SS**	**min**
D1. Saya sentiasa patuh kepada prosedur keselamatan ketika melakukan apa jua pekerjaan	K	0	0	1	41	24	4.35
	(%)	0	0	1.5	62.1	36.4	
D2. Saya selalu menyertai program keselamatan dan kesihatan di tempat kerja	K	2	13	20	25	6	3.30
	(%)	3.0	19.7	30.3	37.9	9.1	
D3. Saya sentiasa mengamalkan kebersihan sebelum dan selepas melakukan sebarang jenis pekerjaan.	K	0	1	1	29	35	4.48
	(%)	0	1.5	1.5	43.9	53.0	
D4. Saya sentiasa memastikan pintu laluan kecemasan di tempat kerja saya bebas daripada sebarang halangan.	K	1	3	8	28	26	4.14
	(%)	1.5	4.5	12.1	42.4	39.4	
D5. Saya sentiasa memastikan peti pertolongan kecemasan diletakkan di tempat yang mudah diakses.	K	2	3	10	25	26	4.06
	(%)	3.0	4.5	15.2	37.9	39.4	
D6. Saya sentiasa memastikan alat pemadam api diletakkan di tempat yang mudah diakses.	K	2	3	8	28	25	4.08
	(%)	3.0	4.5	12.1	42.4	37.9	
Min keseluruhan							**4.07**

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini telah mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenalpasti tahap pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) pengurusan risiko. Menurut analisis statistik yang menyeluruh untuk penilaian ini,

dapat disimpulkan tahap pengetahuan, sikap dan amalan terhadap pengurusan risiko keselamatan dan kesihatan adalah berada di tahap yang baik dan tiada perbezaan di antara pegawai tetap dan MySTEP.

Impak daripada penyelidikan ini mampu menjamin persekitaran tempat kerja yang selamat dan kondusif. Hal ini membuktikan bahawa tempat kerja yang kondusif boleh memberikan hasil kerja yang cemerlang dan meningkatkan mutu penghasilan sesuatu tugasan.

Hasil penyelidikan ini juga dapat menyumbang dalam menjadikan organisasi lebih cekap dan berkesan dalam menangani permasalahaan isu di tempat kerja oleh para majikan yang berkaliber. Isu-isu di tempat kerja juga merupakan antara hazard yang dapat dikenalpasti dalam kuantiti yang kecil dan terpencil di mana ia memberi risiko kepada mental pekerja.

Penyelidikan ini juga dilihat turut memberi kesan kepada organisasi lain dalam perkhidmatan awam yang turut sama mula menyedari bahawa pentingnya kesedaran kakitangan awam yang berkhidmat tidak kira secara tetap dan profesional mahupun secara kontrak terhadap hazard keselamatan dan kesihatan di tempat mereka bekerja bagi memastikan kerja dan tugasan mereka dapat dilaksanakan dengan baik dan dalam keadaan yang ergonomik. Selain itu, untuk kajian masa depan, disarankan untuk meluaskan skop kajian dengan memasukkan lebih banyak sektor industri serta meneliti hubungan antara program keselamatan dan kesihatan dengan produktiviti pekerja. Lebih lanjut, penting juga untuk memperluas fokus kajian ke isu-isu kesihatan mental pekerja, termasuk tekanan kerja, keletihan, dan ketidakseimbangan kerja-hidup, serta bagaimana faktor-faktor ini dapat mempengaruhi keselamatan dan kesihatan secara keseluruhan.

Oleh itu, bagi cadangan penyelidikan masa depan, disarankan agar dilakukan analisis perbandingan antara organisasi awam dan swasta, untuk memahami perbezaan dan persamaan dalam pengurusan risiko keselamatan dan kesihatan di kedua-dua sektor tersebut. Meneliti pengaruh inisiatif keselamatan dan kesihatan terhadap reputasi pekerja dan kepuasan kerja juga boleh memberikan pandangan yang lebih mendalam mengenai kesan program keselamatan dan kesihatan terhadap organisasi secara keseluruhan.

Dengan melaksanakan saranan-saranan ini, diharapkan kajian masa depan dapat memberikan sumbangan yang lebih luas dan mendalam dalam pembangunan dan peningkatan amalan pengurusan risiko keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, memberi impak yang positif terhadap produktiviti, kepuasan kerja, dan kesejahteraan pekerja secara keseluruhan.

Rujukan

Kadir Arifin, Wan Mohamad Zaidi Wan Isa, Zainor-Akramin Haji Zaini & Amirul Shazli Sahimi. 2021. *Persepsi Terhadap Perlaksanaan Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Oleh Kakitangan Awam Di Putrajaya, Malaysia.* Journal of Social Science and Humanities. Special Issue: Vol 18. No.2 (2021). 198-212. ISSN: 1823-884x

